APPGM-SDG

PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

ZON UTARA

PERLIS | KEDAH | PULAU PINANG | PERAK



KOMPILASI LAPORAN BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI KAWASAN PARLIMEN

2025

Jilid 1 (Zon Utara)

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 (Jilid 1: Zon Utara)

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.

ISBN: 978-629-7752-45-7

ISI KANDUNGAN


I
Kata Aluan


III
Prakata


V
Pengenalan

1
P.007 Padang Terap
Halaman 01

2
P.010 Kuala Kedah
Halaman 38

3
P.018 Kulim Bandar Baharu
Halaman 73

4
P.053 Balik Pulau
Halaman 91

5



P.056 Larut

Halaman 139

6



P.061 Padang Rengas

Halaman 179

7



P.071 Gopeng

Halaman 217

8



P.074 Lumut

Halaman 246

9



P.076 Teluk Intan

Halaman 269

KATA ALUAN



YB PUAN YOUNG SYEFURA OTHMAN
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Bentong (P.089)

Bismillahirrahmanirahaim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam sejahtera.

Saya berbesar hati atas penerbitan *Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025*. Selaku Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG saya menyambut baik penerbitan *Kompilasi* ini, dan mengucapkan tahniah kepada pasukan Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG.

Pembangunan negara pada akhirnya harus diterjemahkan kepada perubahan yang dapat dirasai oleh rakyat. Setiap kawasan Parlimen mempunyai realiti dan keperluan yang tersendiri. Apa yang menjadi keutamaan di sebuah kawasan mungkin berbeza daripada kawasan yang lain, bergantung kepada struktur ekonomi, keadaan sosial, alam sekitar, demografi, kemudahan serta sumber dan potensi yang terdapat di kawasan tersebut. Oleh itu, suara dan pengalaman masyarakat di peringkat tempatan perlu menjadi sebahagian daripada proses pembangunan. Dasar yang baik memerlukan pemahaman yang baik tentang realiti di lapangan, manakala penyelesaian yang berkesan memerlukan kerjasama antara mereka yang memahami dasar dengan mereka yang berhadapan secara langsung dengan isu tersebut.

Dalam hal ini, institusi Parlimen Malaysia mempunyai kedudukan yang unik. Ahli Parlimen bukan sahaja membawa suara rakyat ke institusi Parlimen, tetapi turut memainkan peranan penting dalam menghubungkan keperluan kawasan dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan pemegang taruh pembangunan yang lain. *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan* anjuran Unit

Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG menyediakan satu pentas yang penting bagi mengukuhkan hubungan tersebut. Melalui penglibatan pelbagai pihak, isu dan cabaran setempat dapat dibincangkan secara lebih terbuka dan tersusun, manakala peluang untuk membina penyelesaian secara bersama dapat dikenal pasti.

Lebih penting, proses ini menggalakkan kita untuk melihat pembangunan bukan hanya daripada sudut masalah, tetapi juga daripada sudut aset, kekuatan dan potensi yang dimiliki oleh sesebuah komuniti. *Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025* ini menghimpunkan sebahagian daripada pengetahuan dan pandangan yang diperoleh melalui proses tersebut. Ia memberikan gambaran tentang cabaran yang dihadapi di peringkat tempatan, di samping mengetengahkan cadangan dan potensi penyelesaian yang telah dikenal pasti bersama oleh pemegang taruh.

Saya percaya dapatan seperti ini mempunyai nilai yang lebih luas daripada sekadar menjadi rekod sesuatu program. Ia boleh menjadi bahan rujukan dalam memahami keutamaan kawasan, memperkukuh penyelarasan antara pihak berkepentingan dan menyokong perbincangan berkaitan dasar serta pembangunan pada masa hadapan. Pembangunan mampan merupakan tanggungjawab bersama. Ia memerlukan kerajaan yang responsif, institusi yang berkesan, komuniti yang berdaya tahan serta kerjasama daripada seluruh lapisan masyarakat.

Semoga usaha yang dirakamkan melalui laporan ini dapat terus memperkukuh hubungan antara Parlimen dan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan yang lebih inklusif, berasaskan bukti dan benar-benar berpaksikan keperluan rakyat.

PRAKATA



PUAN NUR RAHMAH OTHMAN
Pengarah Eksekutif APPGM-SDG

Pembangunan mampan memerlukan lebih daripada komitmen terhadap matlamat dan sasaran. Ia memerlukan keupayaan untuk memahami realiti, mengenal pasti keutamaan, menggerakkan kerjasama dan menterjemahkan pengetahuan kepada tindakan.

Dalam usaha memperkukuh penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia, APPGM-SDG mengambil pendekatan yang memberi penekanan kepada penglibatan di peringkat kawasan parlimen dan daerah. Pendekatan ini berasaskan kepada keyakinan bahawa pembangunan yang lebih berkesan perlu mengambil kira pengetahuan dan pengalaman yang wujud di peringkat akar umbi serta menyediakan ruang kepada pemegang taruh untuk menjadi sebahagian daripada proses penyelesaian.

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan salah satu usaha untuk mencapai tujuan tersebut. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 28 bengkel telah dilaksanakan dengan penglibatan Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, komuniti dan pelbagai pemegang taruh lain.

Proses ini menghasilkan satu himpunan pengetahuan dan perspektif yang penting tentang isu pembangunan di kawasan parlimen. Lebih daripada sekadar mengenal pasti masalah, perbincangan turut memberi tumpuan kepada memahami cabaran, mengenal pasti intervensi sedia ada, memetakan pihak yang berkaitan dan meneroka penyelesaian yang berpotensi untuk dilaksanakan.

Antara perkara yang semakin jelas melalui proses ini adalah hakikat bahawa cabaran pembangunan di peringkat akar umbi lazimnya bersifat saling berkait. Isu sosial,

ekonomi, alam sekitar, kesejahteraan masyarakat dan tadbir urus tidak semestinya boleh diselesaikan melalui pendekatan satu sektor atau satu agensi sahaja.

Keadaan ini mengukuhkan keperluan kepada pendekatan *whole-of-society* dan *whole-of-government*, di mana penyelesaian dibangunkan melalui kerjasama antara institusi, agensi dan komuniti. Dalam konteks ini, peranan Parlimen adalah penting sebagai ruang yang menghubungkan suara rakyat, pembuat dasar dan pihak pelaksana.

Dokumen laporan ini merupakan satu usaha untuk membawa dapatan daripada peringkat kawasan kepada gambaran yang lebih luas. Ia membolehkan persamaan isu, cabaran rentas kawasan dan potensi penyelesaian dikenal pasti, di samping memberikan perhatian kepada konteks khusus setiap lokaliti.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini juga perlu dilihat sebagai satu sumber pengetahuan berasaskan pengalaman dan realiti setempat. Dapatan yang terkandung berpotensi menyokong perbincangan yang lebih berasaskan bukti dalam merangka intervensi, memperkukuh penyelarasan antara agensi serta mengenal pasti ruang tindakan yang boleh diteruskan.

Namun, penerbitan *Kompilasi* ini bukan titik akhir kepada proses ini. Sebaliknya, ia merupakan satu titik rujukan untuk langkah seterusnya dengan menghubungkan dapatan kepada perancangan, perancangan kepada sumber, dan sumber kepada tindakan.

Dalam konteks tersebut, bengkel pembangunan kapasiti perlu difahami sebagai proses yang berterusan. Pembinaan kapasiti bukan hanya berkaitan dengan peningkatan pengetahuan, tetapi juga pembinaan hubungan, kepercayaan, keupayaan untuk bekerjasama dan kesediaan untuk bertindak secara kolektif.

APPGM-SDG merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Parlimen, kementerian dan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, komuniti serta semua pemegang taruh yang telah memberikan masa, kepakaran dan komitmen sepanjang pelaksanaan *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 2025*.

Semoga kompilasi ini dapat menjadi salah satu rujukan yang menyumbang kepada pengukuhan penyetempatan SDG, memperluas kerjasama antara institusi dan masyarakat, serta menyokong usaha membina pembangunan Malaysia yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan.

PENGENALAN



SITI SHAFINA SANUSI
Penolong Pengarah &
Ketua Fasilitator Latihan dan Pendidikan
Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen
APPGM-SDG

Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG) menyediakan kerangka global bagi membentuk pembangunan yang inklusif, saksama, berdaya tahan dan mampan. Walau bagaimanapun, keberkesanan agenda tersebut bergantung kepada sejauh mana matlamat dan aspirasi global dapat diterjemahkan kepada dasar, perancangan dan tindakan yang bersesuaian dengan realiti masyarakat di peringkat tempatan.

Dalam konteks Malaysia, kawasan Parlimen merupakan antara ruang penting yang mempertemukan masyarakat, wakil rakyat, kerajaan, agensi pelaksana, pihak berkuasa tempatan dan pelbagai pemegang taruh pembangunan. Kedudukan mereka yang paling hampir dengan komuniti memberikan kelebihan kepada kawasan Parlimen untuk mengenal pasti isu sebenar yang dihadapi masyarakat serta memahami keperluan dan potensi tempatan dengan lebih dekat.

Atas kefahaman tersebut, Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan anjuran Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG dilaksanakan sebagai satu platform untuk memperkukuh proses penyetempatan SDG melalui penglibatan dan pembelajaran bersama di peringkat kawasan Parlimen. Bengkel ini bukan sahaja memberi penekanan kepada peningkatan pengetahuan berkaitan SDG, malah membuka ruang untuk pemegang taruh mengenal pasti isu, menganalisis cabaran, memetakan intervensi sedia ada serta meneroka penyelesaian yang berpotensi dilaksanakan secara bersama.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 28 bengkel telah berjaya dilaksanakan di 32 kawasan Parlimen yang terlibat dengan menghimpunkan pelbagai pemegang taruh daripada sektor kerajaan, pihak berkuasa tempatan, masyarakat, wakil komuniti dan pihak berkepentingan yang lain. Kepelbagaian ini penting bagi membolehkan isu pembangunan dilihat daripada perspektif yang berbeza serta mengenal pasti ruang kerjasama yang melangkaui sempadan sektor dan institusi.

Pendekatan yang digunakan turut memberi penekanan kepada peralihan daripada **pengenalpastian isu kepada pembentukan penyelesaian**. Melalui proses perbincangan secara berstruktur, peserta digalakkan untuk memahami hubungan antara isu, punca dan kesannya, mengenal pasti intervensi yang telah tersedia serta meneroka peranan pihak-pihak yang berkaitan dalam menangani cabaran tersebut.

Dapatan daripada proses ini kemudiannya dihimpunkan dalam laporan dan disusun mengikut zon. Pendekatan ini membolehkan isu dan tema yang mempunyai persamaan dikenal pasti merentasi kawasan Parlimen, di samping mengekalkan konteks dan keunikan setiap lokaliti. Ia juga membuka ruang untuk melihat cabaran pembangunan bukan semata-mata sebagai isu yang terasing mengikut kawasan, tetapi sebagai sebahagian daripada isu yang mempunyai hubungan dan implikasi yang lebih luas.

Laporan ini berfungsi sebagai satu bentuk dokumentasi pengetahuan dan bukti daripada peringkat tempatan. Ia merakamkan pandangan, pengalaman dan cadangan pemegang taruh yang terlibat serta menyediakan asas untuk perbincangan yang lebih tersusun berkaitan perancangan, penyelarasan, intervensi dan tindakan susulan.

Dalam kerangka ini, bengkel pembangunan kapasiti perlu dilihat sebagai sebahagian daripada proses *SDG localisation* yang lebih luas selain menghubungkan aspirasi pembangunan di peringkat global dan nasional dengan realiti, keutamaan serta kapasiti yang wujud di peringkat kawasan Parlimen.

Akhirnya, kejayaan bengkel pembangunan kapasiti tidak hanya diukur berdasarkan bilangan bengkel atau jumlah peserta yang terlibat, tetapi melalui sejauh mana pengetahuan dan dapatan yang dihasilkan dapat menyumbang kepada tindakan yang lebih menyeluruh,, keputusan yang lebih berasaskan bukti dan pembangunan yang lebih responsif terhadap keperluan masyarakat, dan laporan ini menjadi satu langkah dalam proses tersebut.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.007 Padang Terap

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 2

Objektif 4

Kaedah Pelaksanaan 5

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 5

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 6

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 7

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Padang Terap 8

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 9

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 10

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 32

BAHAGIAN 4 Penutup

Penghargaan 37



BAHAGIAN 1: Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Padang Terap telah berjaya dilaksanakan pada 28 Mei 2025 (Rabu) bertempat di Raia Hotel & Convention Centre Alor Setar.

Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh Pejabat Daerah & Tanah Padang Terap dan Pejabat Ahli Parlimen Padang Terap. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Daerah & Tanah Padang Terap
2.	Majlis Daerah Padang Terap
3.	Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Terap
4.	Pejabat Kesihatan Daerah Padang Terap
5.	Pejabat Bomba dan Penyelamat Padang Terap
6.	Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) Padang Terap
7.	FELDA Lubuk Merbau
8.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Padang Terap
9.	Pejabat Pendidikan Daerah Padang Terap
10.	Imigresen Kota Putra
11.	Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Kuala Nerang
12.	RISDA Daerah Padang Terap
13.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
14.	Pejabat Perikanan Daerah Padang Terap
15.	KPDN Cawangan Negeri Kedah
16.	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah
17.	Pejabat Pengurus Besar FELCRA Berhad Utara
18.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah
19.	FELDA Bukit Tembaga
20.	Jabatan Perhilitan Negeri Kedah

Program ini telah dikendalikan oleh 4 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Nurul Syaza Mazelan
Ketua Penyelidik
Parlimen Padang Terap



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Ain Safwanah Sadikin
Pembantu Pegawai

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan**: Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Padang Terap
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *"Ice-Breaking"*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Disamping itu, para peserta turut memperkenalkan nama, agensi dan perkongsian menarik mengenai diri mereka.









Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.









Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Padang Terap

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Puan Nurul Syaza Mazelan. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Ekonomi & Alam Sekitar	• Potensi pembangunan pelancongan Tasik Pedu - Kelemahan pengurusan dan penyeliaan di Tasik Pedu - Ancaman spesies invasif
2.	Sosial	• Pendidikan dan kemahiran dalam kalangan belia - Kurang minat dalam pendidikan peringkat tinggi - Keperluan TVET dan bengkel kemahiran - Cabaran pendidikan anak bersekolah
3.	Ekonomi	• Pemberdayaan usahawan wanita dan ibu tunggal - Maklumat bantuan yang tidak sampai - Kurang peluang ekonomi



Dapatkan laporan ringkas bagi lawatan pemetaan isu Padang Terap dengan mengimbas kod QR dibawah:

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Padang Terap. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Padang Terap berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	• **Bantuan Tanam Semula Getah** Program Tanam Semula Getah bertujuan membantu pekebun kecil getah untuk memperbaharui tanaman getah yang telah tua atau kurang produktif. Program ini memberikan sokongan kewangan dan teknikal bagi memastikan pekebun kecil dapat mengekalkan pendapatan yang stabil melalui penanaman semula getah berkualiti tinggi. Seramai lebih kurang 400 orang pekebun kecil dibantu dari segi kewangan dan bahan input pertanian seperti baja dan benih getah dalam menanam semula pokok getah tua yang tidak ekonomik. Malah, mereka juga dibantu bagi memulihkan kebun yang terbiar bagi meningkatkan produktiviti hasil getah. Berikut merupakan kadar bantuan yang diberikan: - **Semenanjung Malaysia** - RM 13,710 / hektar - **Sabah** - RM 14,955 / hektar - **Sarawak** - RM 14,805 / hektar
2.	RISDA	• **Bantuan Musim Tengkujuh (BMT)** BMT merupakan inisiatif khusus RISDA bagi membantu pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas pendapatannya akibat cuaca buruk semasa

BIL	AGENSI	PROGRAM
		musim tengkujuh, yang biasanya berlaku dari bulan November hingga Mac setiap tahun. Bagi mengurangkan beban kewangan pekebun kecil, RISDA telah memperuntukkan sebanyak RM3,296,000 untuk membantu 4,120 orang pekebun kecil menyara hidup sepanjang musim tengkujuh melanda kerana tidak dapat menoreh disebabkan faktor cuaca/hujan. Kadar bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM800 seorang kepada setiap penerima yang layak. Pemberian bantuan dilaksanakan 4 kali iaitu RM200 selama 4 bulan pada bulan November dan Disember tahun semasa serta Januari dan Februari tahun seterusnya.  Poster ini memaparkan syarat kelayakan untuk menerima Bantuan Musim Tengkujuh (BMT), khusus kepada golongan pekebun kecil dan penoreh getah.
3.	Pejabat Daerah Padang Terap	• **Sistem E-kasih** Inisiatif e-KASIH adalah sebuah program kebajikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Program ini bertujuan untuk membantu isi rumah miskin dan rentan dengan menyediakan bantuan berdasarkan data yang diselaraskan antara agensi kerajaan. Antara maklumat asas yang dikumpul ialah

BIL	AGENSI	PROGRAM
		- Sumber pendapatan (kerja tetap, kerja sambilan, pencen, bantuan kerajaan, dll.) - Jumlah pendapatan bulanan isi rumah - Butiran pekerjaan (jika ada) - Aset (contoh: tanah, rumah, kenderaan) - Jenis bantuan yang diperlukan (contoh: Program Bantuan Rumah (PBR), Program Peningkatan Pendapatan (PPP) - Maklumat pendidikan - Maklumat kesihatan Platform ini merupakan salah satu usaha pihak kerajaaan membasmi miskin tegar dalam kalangan penduduk dan meningkatkan pendapatan penduduk melalui pemberian bantuan kepada yang layak mengikut keperluan.



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)	• **Program Jualan Rahmah MADANI** Program ini merupakan program di bawah inisiatif Payung RAHMAH yang menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian antara 10% sehingga 30% lebih murah daripada harga biasa pasaran setempat. Tujuan utamanya adalah untuk membantu golongan penerima manfaat untuk meringankan beban kos sara hidup dan merancakkan lagi aktiviti sektor peruncitan setempat dan ekonomi domestik negara. Antara barang-barang keperluan harian yang diberikan diskaun adalah ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, gula putih bertapis, minyak masak botol, tepung gandum, beras, sayur-sayuran/buah-buahan, barangan penjagaan diri, barangan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		pembersihan rumah, lampin pakai buang, barangan keperluan sekolah, ubat-ubatan dan lain-lain barang keperluan harian seperti makanan dan bukan makanan. Beberapa siri Program Jualan RAHMAH MADANI di Parlimen Padang Terap melibatkan DUN Kuala Nerang dan DUN Pedu telah dijalankan pada tahun ini. Yang paling terkini bertempat di Perkarangan Surau Desa KEDA Ular.   *Sumber: Facebook Kpdn KEDAH*
2.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	• **Program Penanaman Padi 5 Musim dalam Tempoh 2 Tahun** Program ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah di Kawasan Muda melalui pembangunan infrastruktur moden dan sistem saliran yang lebih efisien bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan negara.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Dalam Belanjawan MADANI 2025, peruntukan berjumlah RM1 bilion telah diperuntukkan oleh Perdana Menteri untuk melaksanakan projek ini, dimulai dengan Fasa 1 yang bernilai RM761.23 juta. Fasa pertama ini melibatkan Pembangunan dan Penyelenggaraan 15 Blok Sistem Pengairan Tersier dengan peruntukan berjumlah RM526.37 juta serta Projek Pemulihan Menyeluruh Empangan Pedu yang menelan belanja sebanyak RM234.86 juta (Laman Web Rasmi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 2024).[1]



MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Kesihatan Daerah Padang Terap	• **Inisiatif Kesihatan Ibu dan Anak** Inisiatif ini dilaksanakan bagi mengurangkan kematian ibu dengan kadar <70 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran bayi. Dalam konteks Padang Terap, tiada kematian ibu sewaktu bersalin dicatatkan. Selain itu, antara tindakan-tindakan lain yang diambil ialah: 1. Memastikan kelahiran selamat (bayi disambut oleh bidan terlatih) - Padang Terap merekodkan 100% kelahiran selamat 2. Pelaksanaan *Pre-pregnancy Clinic* 3. Pelaksanaan program perancang keluarga – Padang Terap berjaya mencapai 20% perancangan keluarga 4. Penjagaan kesihatan maternal yang berkendiri

[1] Laman web rasmi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda. (2024, December 19). https://www.mada.gov.my/?q=2F02&id=86

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Mengurangkan Kematian Kanak-kanak** Pejabat Kesihatan Daerah komited dalam mengurangkan kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun yang boleh dicegah (sekurang-kurangnya <5.6 bagi setiap 1,000 kelahiran) menjelang 2030. Dalam konteks Padang Terap, penurunan kadar kematian bagi kanak-kanak bawah 5 tahun berjaya dicapai pada kadar 2.56 bagi setiap 1,000 kelahiran. Antara tindakan lain yang diambil oleh Pejabat Kesihatan ialah 1. Meningkatkan liputan imunisasi kanak-kanak (MMR, DPT 3, PCU 3) 2. Imunisasi HPV pada usia 13 tahun – di Padang Terap, kadar imunisasi berjaya mencapai >95% 3. Mengurangkan kes bantut kanak-kanak melalui Program Bakul Makanan 4. Meningkatkan akses kepada rawatan pediatrik



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Pembangunan Wanita / Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPWNK)	• **Literasi tentang Hak Wanita** PPWNK melaksanakan pelbagai program untuk mengurangkan jurang perbezaan isu antara jantina. Misalnya berkenaan dengan literasi hak wanita, pelbagai kempen advokasi dilaksanakan bagi meningkatkan pemahaman tentang hak-hak wanita agar wanita dan lelaki faham mengenai hak-hak wanita. Antara program yang dijalankan seiring dengan kempen pemerkasaan hak wanita ini adalah program: - Dilema Wanita dalam Status Perkahwinan (30 April 2025)

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		- Klinik Perundangan: Armalah Siri 2 (20 Mac 2025) - i-Saraan KWSP (17 Februari 2025) ● **Program Penjanaan Pendapatan** PPWNK turut mengadakan pelbagai program penjanaan pendapatan untuk wanita supaya golongan wanita khususnya yang tergolong dalam golongan B40 dapat menjana pendapatan mereka demi kelangsungan hidup. Contoh program yang dijalankan oleh PPWNK dalam membantu golongan wanita meningkatkan pendapatan mereka adalah: - Kelas Seni Kraftangan Tepung Jagung (29 Mei 2025) - Kelas Pizza Homemade (16 April 2025) - Kelas Dekorasi Pelamin dan Gubahan Bunga Tangan (19 Mei 2025) - Bengkel Usahawan Digital (30 April 2025) - Kelas Bimbingan Perniagaan Bizclinic (5 Februari 2025) Bukan setakat itu sahaja, Jabatan Pembangunan Wanita Malaysia juga mengadakan program khas untuk pemerkasaan ibu tunggal iaitu Program Kasih Ibu Tunggal yang mengetengahkan tiga modul utama meliputi Modul Pengurusan Kewangan, Modul Kemahiran Perundangan dan Modul Pembangunan Potensi. Program ini dilaksanakan di 6 zon yang terpilih seluruh Malaysia termasuklah di Kedah.[2]

[2] *Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah. Alor Setar*. (2022). Facebook.com. https://www.facebook.com/ppwkedah

P2-Prosperity / Kemakmuran



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN LESTARI, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	• **Program Penukaran Komoditi** FELDA telah melaksanakan inisiatif pertukaran tanaman daripada getah kepada kelapa sawit di beberapa kawasan termasuk Padang Terap atas beberapa faktor seperti - Harga getah tidak stabil berbanding kelapa sawit yang lebih menguntungkan. - Produktiviti rendah kebun getah tua (melebihi 25 tahun). - Permintaan global terhadap minyak sawit lebih tinggi dan stabil. Pelaksanaan program ini melibatkan 657 orang peserta dengan keluasan tanah sebanyak 1,300 hektar.
2.	FELDA	• **Projek Tanam Semula** Peruntukan daripada Ibu Pejabat FELDA untuk melaksanakan Projek Tanam Semula telah diluluskan. Penukaran tanaman baru iaitu getah kepada kelapa sawit akan meningkatkan pendapatan Peneroka. Hal ini demikian kerana, harga komoditi kelapa sawit lebih tinggi berbanding getah.[3] Jumlah tanah FELDA yang terlibat dalam penukaran tanaman daripada getah kepada kelapa sawit di FELDA berkeluasan hampir 402 hektar yang melibatkan seramai 360 peneroka. Tambahan pula, seramai 56 peneroka melakukan penanaman

[3] Adie Sufian Zulkefli. (2021). Peneroka FELDA mohon tukar getah kepada kelapa sawit. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peneroka-felda-mohon-tukar-getah-kepada-kelapa-sawit-320467

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		semula kelapa sawit kepada kelapa sawit di atas tanah seluas kira-kira 183 hektar.[4] Sehubungan dengan itu, Projek Tanam Semula ini juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak generasi FELDA terutama yang melibatkan kerja operasi ladang seperti membaja, meracun, angkut buah sawit dan sebagainya.
3.	Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Nerang (PPKKN)	• **Program Pemerkasaan Usahawan Peladang (*Rise-Up*)** Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Nerang (PPKKN) menyalurkan peruntukan kepada usahawan melalui program Pemerkasaan Usahawan Peladang (*Rise-Up*). Program ini bertujuan memperkukuhkan setiap rantaian nilai ekonomi dari aspek pengeluaran hingga ke pemasaran. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) memberikan bimbingan, sokongan dan bantuan kewangan kepada usahawan supaya mereka mampu menghadapi cabaran industri yang semakin kompetitif. Di bawah program *Rise Up*, bantuan geran padanan dalam nisbah 70:30 (70 peratus dibiayai kerajaan dan 30 peratus komitmen usahawan) diberikan untuk pelbagai bidang seperti pengeluaran pertanian, industri asas tani (IAT), perkhidmatan pemasaran, dan teknologi.[5] Keutamaan juga diberikan kepada aktiviti pengeluaran Agromakanan. Selain daripada meningkatkan pendapatan usahawan melalui peruntukan tumbesaran projek yang diusahakan, program ini turut mewujudkan

[4] Azimi, M. R. (2021). Permohonan peneroka tukar tanaman getah kepada sawit dipertimbang. Utusan Malaysia. https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/permohonan-peneroka-tukar-tanaman-getah-kepada-sawit-dipertimbang/

[5] Hamid, A. A. (2024). Pusat Jualan Usahawan *Rise Up* platform usahawan tempatan luas pasaran. Harian Metro; *New Straits Times*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167589/pusat-jualan-usahawan-rise-platform-usahawan-tempatan-luas-pasaran

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Kini, 2 orang usahawan bimbingan PPKKN telah menerima manfaat daripada program ini dan projek yang diusahakan menunjukkan perubahan ke arah lebih maju.
4.	Jabatan Perikanan	• **Geran Agropreneur Muda** Jabatan Perikanan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyalurkan Geran Agropreneur Muda kepada penternak ikan seperti bantuan benih ikan, makanan dan peralatan. Geran ini bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantaian nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani.[6] Geran Agropreneur Muda terbahagi kepada dua iaitu *Start-up* dan *Scale-up*. Bagi Geran Agropreneur Muda *Start-up*, ia diberikan dalam bentuk barangan dengan nilai maksimum sebanyak RM30,000.00 per individu bagi projek huluan pertanian (Tanaman/ Ternakan/ Perikanan) dan RM20,000.00 bagi projek Industri Makanan dan Asas Tani. Manakala bagi Geran Agropreneur Muda *Scale-up* pula, ia diberikan dalam bentuk barangan dengan nilai maksimum sehingga RM50,000.00 per individu untuk membiayai perolehan agroteknologi, mekanisasi dan automasi terkini.[7] • **SPeKS Pengembangan (Sistem Penyampaian & Khidmat Sokongan Pengembangan)** Jabatan Perikanan juga memberi bantuan SPeKS kepada pengusaha / penternak ikan. SPeKS ini

[6] https://egam.kpkm.gov.my/

[7] Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2024). Program Agropreneur Muda. Kpkm.gov.my. https://www.kpkm.gov.my/bm/geran-dan-insentif/program-agropreneur-muda

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		merangkumi semua program perkhidmatan jabatan dalam bidang akuakultur. Bantuan ini merangkumi aspek perkhidmatan, sistem, infrastruktur, teknologi, input dan peralatan. Berikut merupakan program di bawah Khidmat Sokongan Akuakultur:[8] 1. Khidmat nasihat 2. *Attachment training* 3. Lawatan sambil belajar 4. Kursus, seminar dan bengkel 5. Penerangan dan promosi Bantuan ini dapat meningkatkan pendapatan penternak dan memperkukuh pendapatan industri ternakan ikan.



MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN MENYELURUH DAN MAMPAN SERTA MERANGSANG INOVASI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Daerah Padang Terap dan *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)*	• **Projek Kedah Rubber City** Pembangunan Kedah Rubber City (KRC) merupakan salah sebuah Projek Berimpak Tinggi (*High-Impact Project*) yang menjadi keutamaan utama Kerajaan Negeri di bawah Pelan Pembangunan Kedah 2035. Projek ini terletak di kawasan Bukit Ketapang, Daerah Padang Terap, dan berperanan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi bagi melonjakkan pertumbuhan di kawasan timur Kedah, yang sebelum ini kurang mendapat tumpuan pembangunan. KRC dibangunkan di atas tanah seluas 1,244.88 ekar dan dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan:

[8] *Department of Fisheries Malaysia Official Portal. SPeKS (Equipment Aid/Livestock Input)*. (n.d.). https://www.dof.gov.my/en/services/aquaculture/speks-equipment-aid-livestock-input/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		- **Fasa 1**: Meliputi kawasan seluas 504 ekar, difokuskan kepada pembangunan infrastruktur asas, zon perindustrian, dan kemudahan sokongan. - **Fasa 2**: Merangkumi 740.88 ekar, dengan penekanan kepada pengembangan industri hiliran getah, pusat logistik, dan kawasan komersial. Projek ini dijangka memberikan kesan besar kepada sosioekonomi negeri Kedah, termasuk menjana 15,000 peluang pekerjaan[9] baharu, pembangunan infrastruktur & utiliti, pengurangan kemiskinan serta rangsangan industri getah.



MENGURANGKAN KETAKSAMAAN DALAM NEGARA DAN ANTARA NEGARA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	FELCRA	● **Koperasi Peserta Peserta Rancangan FELCRA Bukit Tampoi & Kubang Kenyeng** Di bahagian Zon Utara, terdapat 12 buah koperasi ditubuhkan untuk peserta rancangan pembangunan FELCRA, dua daripadanya adalah FELCRA Bukit Tampoi dan FELCRA Kubang Kenyeng dengan anggaran peserta adalah seramai 500 orang. Tujuan utama koperasi ini ditubuhkan adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada peserta samada sebagai pekerja ladang atau kontraktor. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan di bawah KPFB. Antaranya ialah - **Pembangunan Perniagaan** (Membekal racun, Insurans, Baja Kimia, Input Pertanian, *Hardware*, Pemborong barangan Pengguna, Roomstay,

[9] Ikhsan, M Hifzuddin, and Noorazura Abdul Rahman. "Kedah Rubber City Tawar 15,000 Peluang Pekerjaan Menjelang 2025." *Berita Harian*, 7 Feb. 2022, www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/919841/kedah-rubber-city-tawar-15000-peluang-pekerjaan-menjelang-2025.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Minyak Masak & Beras, Pallet makanan haiwan dan Apartment Tapah) - **Pertanian** (Pertanian Am (PA), Memelihara Kawasan Tanaman (MKT), Mengeluar Hasil Ladang (Memotong & Mengangkut Buah (MMB): Buah Tandan Baru (BTB) Kelapa Sawit & Hasil Getah), Tapak semaian & benih kelapa sawit, Pemeliharaan / Pemulihan Ladang & Hutan, Tanaman / Baka dan Pengurusan Ladang) - **Pemasaran** (Pembelian Minyak Kelapa Sawit Mentah (CPO), Pemasaran Hasil Ladang (Membeli / Menjual Kelapa Sawit – Buah Tandan Segar (BTS), Pemasaran Sekerap) - **Teknikal** (Pembinaan / Kerja Infrastruktur, Bangunan, Landskap dan Ubahsuaian, Penyelenggaraan Kawasan, Kemudahan, Bangunan dan Taman, Perkhidmatan Pengurusan Projek dan Kontrak Bekalan) - **Pentadbiran & Kewangan** ● **Menguruskan Hak Milik Tanah** Pihak FELCRA memainkan peranan penting dalam menguruskan permohonan geran hak milik tanah bagi 191 orang peserta di Bukit Tampoi melalui Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap. Setiap peserta dijangka menerima geran tanah seluas 10 ekar sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan tanah. Namun, sehingga kini, proses pengeluaran geran tersebut masih belum selesai, menyebabkan peserta belum dapat memiliki dokumen hak milik yang sah. Salah satu cabaran utama dalam proses pengurusan pemilikan tanah ini ialah ramai peserta asal telah meninggal dunia, menyukarkan urusan pewarisan atau pemindahan hak milik kepada waris yang sah. Keadaan ini turut menyebabkan proses pentadbiran menjadi lebih rumit memandangkan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		dokumen seperti surat kuasa atau perakuan waris diperlukan bagi meneruskan permohonan. Di samping itu, sekiranya berlaku pengambilan tanah (*acquisition*) oleh kerajaan atau pihak ketiga tanpa penyelesaian isu geran, para peserta berisiko menghadapi kerugian kerana mereka tidak mempunyai dokumen hak milik yang kuat untuk menuntut pampasan.
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	● **Skim Bantuan** Di Bawah JKM, terdapat 8 jenis skim bantuan yang ditawarkan mengikut 8 jenis kumpulan sasar iaitu: 1. **Kanak-kanak** – Seseorang yang berumur bawah 18 tahun 2. **Warga emas** – Berumur 60 tahun keatas 3. **Mangsa keganasan rumah tangga** – mangsa keganasan rumah tangga secara fizikal dan emosi 4. **Orang kurang upaya** – Mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria 5. **Orang papa** – Seseorang yang mengemis atau meleser di tempat awam 6. **Mangsa pemerdagangan orang** – Mana-mana orang yang menjadi mangsa atau objek perbuatan pemerdagangan orang 7. **Pesalah muda** – Pesalah yang dijatuhkan hukuman berumur antara 18 sehingga 21 tahun 8. **Mangsa bencana** – Orang yang ditimpa bencana atau malapetaka Sehingga Mei 2025, sebanyak 1,866 kes bantuan telah diluluskan di peringkat Persekutuan manakala 205 kes di peringkat negeri. Bagi Parlimen Padang Terap pula, seramai 2,377 orang OKU telah berdaftar secara rasmi dengan pihak JKM.

P3-Planet / Planet



MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DAN KESANNYA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Daerah Padang Terap	• **Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Mong Gajah, Tasik Pedu** MDPT menaik taraf Tasik Pedu dengan menyediakan pelbagai kemudahan serba lengkap dalam menarik ramai pelancong. Tasik Pedu ingin dijadikan sebagai kawasan yang mempunyai daya tarikan pelancongan yang memiliki keindahan alam semula jadi dengan harga yang berpatutan. Pada 28 Mei 2025, projek ini telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak lapan peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada April 2026. Projek ini berkonsepkan rekreasi terbuka dan akan dilengkapi pelbagai kemudahan asas seperti astaka serbaguna, surau, laman informasi dan pelantar laluan yang menyokong aktiviti pelancongan mampan. Selain itu juga, Menara Tinjau juga akan dibina bagi membolehkan pengunjung menikmati panorama indah sekitar Tasik Pedu.[10] Projek strategik ini merupakan antara inisiatif utama dalam memberikan nilai tambah kepada sektor pelancongan di negeri Kedah dan menjadikan Tasik Pedu serta kawasan sekitarnya sebagai destinasi tumpuan pelancong.

[10] Kemudahan pelancongan Mong Gajah dijangka siap April 2026. (2025). Portal Berita. https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kemudahan-pelancongan-mong-gajah-dijangka-siap-april-2026



MELINDUNGI, MEMULIHKAN DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN LESTARI EKOSISTEM DARATAN, MENGURUSKAN HUTAN SECARA LESTARI, MEMBANTERAS PENGGURUNAN, MENGHENTIKAN DAN MEMULIHKAN KEMEROSOTAN TANAH DAN SERTA MENGHENTIKAN KEHILANGAN BIODIVERSITI.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Kedah	• **Pengurusan Konflik Hidupan Liar-Manusia (HWC)** PERHILITAN berusaha untuk menguruskan konflik antara hidupan liar dan manusia bagi menangani isu kacau ganggu oleh hidupan liar dalam kawasan lokaliti berpenduduk. Tambahan pula, usaha ini merupakan salah satu operasi penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dalam kes berkaitan jenayah hidupan liar. Hasil daripada usaha ini, berlakunya pengurangan jumlah aduan HWC. Kesedaran komuniti mengenai hidupan liar sangat penting untuk ditingkatkan agar masyarakat boleh menerima konsep "*co-existence*" terhadap hidupan liar bagi memastikan integriti habitat asal hidupan liar terjamin pada masa hadapan. Konsep *"co-existence"* merujuk kepada keadaan hidup bersama secara harmoni antara individu atau kumpulan yang mempunyai perbezaan, seperti ideologi, minat, atau latar belakang. Ia tidak semestinya bermakna tiada konflik, tetapi menekankan pengurusan konflik secara aman dan melalui saluran yang sah. Konsep *"co-existence"* dikaitkan dengan penerimaan manusia terhadap kehadiran hidupan liar dalam kehidupan mereka. Perkara ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kes pemburuan haram apabila konsep ini difahami oleh masyarakat.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		● **Program Pengkayaan Habitat melalui projek pembinaan jenut untuk kegunaan hidupan liar** Jenut dikenali sebagai *"salt lick"* atau *"mineral lick"*. Ia merupakan kawasan luahan air semula jadi yang menjadi jilatan hidupan liar dan memainkan peranan penting dalam ekosistem terutama di kawasan yang kekurangan bekalan zat makanan. Jenut mengandungi kandungan mineral yang tinggi termasuk kalsium, sodium, magnesium dan zink. Secara mudahnya, jenut semulajadi adalah takungan belerang yang berada di celah-celah batu.[11] Jenut buatan pula dibuat oleh manusia dengan menanam garam dalam tanah untuk kegunaan hidupan liar. Pembinaan jenut buatan ini bertujuan untuk memulihara kualiti habitat hidupan liar serta membekalkan garam mineral kepada hidupan liar. Dengan adanya pembinaan jenut ini, populasi spesies mangsa bagi Harimau Malaya terus meningkat sepanjang tahun dan akhirnya Taman Negeri berpotensi untuk dijadikan destinasi eko-pelancongan pada masa hadapan.
2.	Perhutanan	● **Pemutihan Hutan** Pemutihan hutan merujuk kepada proses mengesahkan status kawasan hutan yang telah diceroboh (ditanam, didiami, diusahakan oleh orang awam atau syarikat), digondol atau dibalak secara tidak sah, dan kemudian dijadikan sah melalui pelbagai langkah seperti pewartaan semula, pemberimilikan, atau pemberian lesen sementara. Di Tekai Kiri, Padang Terap, berlakunya pemutihan hutan dalam bentuk

[11] *Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation*. (2022). Facebook.com. https://www.facebook.com/mpogcfofficial/posts/jenut-sangat-penting-untuk-ekosistem-dalam-hutan-dan-menjadi-sumber-garam-minera/864237139236029/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		pewartaan semula sebagai hutan simpan selepas tahun 2019.[12] • **Tanaman semula** Proses menanam semula kawasan-kawasan yang terjejas dengan pencerobohan hutan telah dijalankan oleh Perhutanan. Proses penanaman semula menumpukan kepada pokok-pokok yang bersesuaian dan bermutu tinggi termasuklah penubuhan ladang hutan. Impaknya, flora dan fauna yang terdapat di hutan dapat dipelihara dan dikekalkan habitatnya. Pada 21 Januari 2025, telah berlangsung Majlis Pelancaran Projek 2 Juta Program Penanaman Pokok di Kompartmen 42 Hutan Simpan Pedu. Sebanyak 2.2 juta pokok pelbagai spesies akan di tanam di Kedah menjelang 2030. Jumlah 2.2 juta pokok ini mewakili bilangan rakyat negeri Kedah di mana, satu pokok bersamaan seorang penduduk.[13]

[12] *Inventori Selepas Tebangan (POST-F) – Portal Rasionalisasi Jabatan Perhutanan Negeri Kedah*. (2022). Kedah.gov.my. https://forestry.kedah.gov.my/?page_id=977

[13] Bernama. Sasar Tanam 2.2 Juta Pokok di Kedah dalam Tempoh Lima Tahun. (2025). https://bernama.com/bm/news.php?id=2385114

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Imigresen Malaysia	• Imigresen sentiasa memastikan warganegara Malaysia atau warga asing yang keluar masuk di Passport Malaysia Antarabangsa (PMA) mempunyai pas sempadan / passport yang masih sah laku. • Imigresen juga sentiasa memastikan tiada tindakan senarai hitam dalam kalangan warganegara Malaysia atau warga asing yang keluar masuk Malaysia. • Imigresen turut membuat pengecaman *biometric* bagi warganegara asing dan menurunkan cap keselamatan. • Selain itu, Imigresen juga memastikan pelawat asing yang masuk adalah pelawat yang tulen dan bebas dari sebarang tindakan perundangan serta mempunyai pas yang sah untuk tinggal dan berada di negara ini.
2.	Jabatan Bomba dan Penyelamat	• Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa menjalankan **program pencegahan kebakaran**. Program ini dijalankan dalam bentuk ceramah dan pameran keselamatan kebakaran bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya kebakaran. Melalui program ini juga, masyarakat akan didedahkan dengan langkah-langkah keselamatan yang perlu dilaksanakan serta

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		bagaimana untuk melawan kebakaran peringkat awal. ● Selain itu, Jabatan Bomba turut menubuhkan **Pasukan Kadet Bomba** untuk melatih golongan muda tentang keselamatan dan pencegahan kebakaran. Pasukan Bomba Sukarela juga ditubuhkan untuk mempercepatkan tindak balas awal dalam menghadapi kecemasan terutama di kawasan luar bandar. Dalam pada itu, di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Bomba Komuniti ditubuhkan untuk memperkasakan komuniti luar bandar dengan pengetahuan dan peralatan asas keselamatan kebakaran. ● Di samping itu, Jabatan Bomba juga **menetapkan syarat dan piawaian kepada pihak pemaju** yang ingin membangunkan suatu kawasan agar mereka membina bangunan yang selamat seperti jarak rumah yang tidak terlalu dekat agar sekiranya berlaku kebakaran, api tidak akan merebak dengan cepat. Dengan wujudnya pembangunan yang selamat, ini akan memberi keyakinan kepada pelabur untuk melabur dan menjalankan perniagaan di kawasan tersebut.
3.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	● **Sistem Aplikasi VSP (*Volunteer Smartphone Patrol*)** PDRM mewujudkan sistem aplikasi VSP bagi memudahkan orang awam menyalurkan sebarang maklumat berkenaan kesalahan perundangan dan memudahkan kawalan keselamatan dijalankan. Antara kemudahan yang disediakan melalui sistem tersebut adalah butang kecemasan seandainya berlaku sebarang kecemasan serta pemakluman

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		jika meninggalkan rumah kerana pergerakan keluar kawasan.[14] Jika dahulu masyarakat boleh melaporkan jenayah melalui talian *hotline* PDRM dan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) tetapi melalui VSP, masyarakat kini boleh menyalurkan aduan/maklumat yang dilengkapi dengan elemen multimedia seperti gambar, video dan koordinat GPS lokasi kejadian.

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*


** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

[14] Cara-Cara Menggunakan VSP. (2016). Rmp.gov.my. https://www.rmp.gov.my/program-pdrm/volunteer-smartphone-patrol-(vsp)/pelaksanaan-vsp

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi


Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Berikut merupakan huraian lanjut isu yang telah dipilih oleh para peserta untuk dibincangkan:

BIL.	ISU	PENERANGAN
1.	Kurang minat dalam pendidikan peringkat tinggi	• Majoriti belia yang tidak menyambung pengajian adalah disebabkan mereka tidak mahu menanggung hutang PTPTN pada masa akan datang. • Belia lebih mementingkan menyara hidup keluarga yang miskin berbanding menyambung pelajaran.
2.	Keperluan TVET dan bengkel kemahiran	• Hanya terdapat 3 pusat pengajian tinggi iaitu Kolej Komuniti, Kolej MARA dan IKBN. • Kursus yang ditawarkan tidak menepati minat belia atau keperluan semasa. • Belia lebih berminat dalam perniagaan dan pertanian yang berteknologi baru / moden untuk digunakan dalam aktiviti ekonomi belia.
3.	Cabaran pendidikan anak bersekolah	• Ibu tidak dapat membantu mengajar anak kerana silibus yang beraras tinggi (KBAT). • Untuk menghantar anak ke tuisyen, mereka tidak mampu kerana melibatkan kos. • Jumlah buku yang banyak untuk anak bawa ke sekolah. Seorang ibu menimbang bag anak yang bersekolah di SRITI yang mana beratnya adalah 14kg. • Terdapat pelajar yang mengambil keputusan untuk tidak menyambung pelajaran terutamanya di peringkat sekolah menengah.





Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Kurang Minat dalam Pendidikan dalam Kalangan Belia

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: MEWUJUDKAN PUSAT PENDIDIKAN IPT		
Penerimaan Komuniti Komuniti tempatan menunjukkan tahap penerimaan yang berbeza. Wakil agensi berkongsi bahawa majoriti pelajar di institusi sedia ada seperti IKBN dan Kolej Komuniti berasal dari luar daerah, manakala penyertaan pelajar tempatan masih rendah. Wakil agensi menjelaskan kesukaran beliau mendapatkan peserta bagi program-program yang pernah ditawarkan sebelum ini khususnya dalam kalangan belia Melayu. Antara soalan yang kerap diutarakan oleh mereka sebelum menyertai program adalah 'Apa yang mereka akan dapat?'. Fenomena ini mungkin berpunca daripada faktor persepsi tradisional, kurang kesedaran tentang peluang pendidikan atau pengaruh sosioekonomi yang mengekang minat terhadap pendidikan formal dalam kalangan penduduk tempatan.	**Mewujudkan Kerjasama Strategik antara Agensi** Dalam usaha untuk menarik lebih ramai belia untuk hadir, agensi berkaitan boleh bekerjasama dengan pihak penghulu memandangkan mereka merupakan individu yang paling hampir dengan masyarakat dari segi hirarki nya. Wakil Penghulu turut berkongsi bahawa beliau pernah didekati oleh wakil daripada Institut Latihan dan Perindustrian (ILP) Jitra untuk membantu mendapatkan peserta bagi bengkel mereka. Namun begitu, beliau menekankan beberapa aspek yang harus dititikberatkan oleh agensi iaitu lokasi program dan jenis kursus yang ditawarkan. Lokasi bengkel haruslah terletak dalam radius yang dekat dengan penempatan peserta. Terdapat juga kes, disebabkan oleh lokasi bengkel yang jauh, terdapat peserta berdepan kesukaran	● Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ● Institusi Pengajian Tinggi lain – UiTM, USM, UPM, UIA, UNISHAM ● Pejabat Daerah dan Tanah ● Majlis Amanah Rakyat (MARA)

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	disebabkan oleh menggunakan kenderaan yang uzur dan kawasan tersebut tidak mempunyai akses kepada pengangkutan awam yang baik. Oleh itu, cadangan penyediaan asrama untuk para pelajar terutamanya daripada golongan kurang berpendapatan adalah wajar untuk dilaksanakan. Aspek jenis kursus yang ditawarkan turut memainkan peranan penting dalam menarik minat belia terutamanya belia yang tinggal di kawasan pedalaman dan daripada keluarga susah. Penggunaan laptop atau komputer dalam kalangan pelajar yang buta IT menyebabkan mereka cepat berputus asa kerana sukar menggunakannya dengan baik.	
Kekangan Peruntukan Kewangan Pembentukan pusat pendidikan baharu memerlukan peruntukan kewangan yang besar merangkumi kos infrastruktur, pengambilan tenaga pengajar dan penyelenggaraan berterusan. Kekangan peruntukan sering melambatkan pelaksanaan projek pendidikan di kawasan luar bandar.	**Bekerjasama dengan Insititut Pendidikan Tinggi Lain** Pendekatan kolaboratif melalui kerjasama antara UNISHAM, Kolej Komuniti dan IKBN boleh mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada. Perkongsian kemudahan dengan institusi pendidikan lain dapat membantu mengurangkan beban kewangan.	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Penglibatan penghulu dan pemimpin masyarakat sebagai penggerak boleh meningkatkan keyakinan penduduk tempatan. Penjajaran program dengan inisiatif pembangunan daerah sedia ada boleh memastikan peruntukan yang lebih efisien dan berkesan. Dalam masa yang sama, perlunya juga permohonan geran khas daripada kementerian berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dengan fokus kepada pembangunan pendidikan sebagai pemangkin transformasi ekonomi wilayah. Pendekatan ini menjamin kelestarian kewangan jangka panjang sambil memastikan akses pendidikan yang berkualiti untuk komuniti tempatan.	

BAHAGIAN 4: Penutup

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Ahli Parlimen Padang dan Pegawai Daerah Padang Terap merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Padang Terap atas sokongan yang telah diberikan sepanjang bengkel ini berjalan.

- Ahli Parlimen Padang Terap: YB Tuan Nurul Amin Hamid
- Pegawai Daerah Padang Terap: YBrs Puan Hajjah Sharifah Norulasyikhah binti Syed Mohamad

Dalam ucapan, YB Tuan Amin turut menegaskan aspek 'kebersamaan' perlu ada dalam kalangan agensi kerajaan untuk memajukan lagi ekonomi di Padang Terap. Pentingnya untuk agensi berkumpul dalam satu platform yang sama untuk membincangkan penyelesaian bagi isu-isu setempat dan bengkel ini merupakan salah satu contoh platform yang baik untuk perbincangan. Dalam ucapannya lagi, YB Tuan Amin menjelaskan bahawa terdapat sejumlah 9 Hutan Simpan Kekal (HSK) di Padang Terap. Terbaru, beberapa cadangan pembangunan juga telah diangkat dan antara projek yang berjaya mendapat kelulusan dibawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) ialah pembangunan Sekolah Kebangsaan Bukit Gedong dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM 70 juta.

> ***"Formula yang paling utuh ialah 'kebersamaan', dan ini saya lihat ada dalam program kita pada hari ini..."***



YB Tuan Nurul Amin bin Hamid
Ahli Parlimen Padang Terap

Sebelum mengakhiri ucapan beliau, YB Tuan Amin menyampaikan hasratnya untuk melihat kesepaduan antara agensi-agensi kerajaan untuk memajukan lagi Padang Terap terutamanya dalam aspek pelancongan.

Pada masa yang sama, Puan Hajjah Sharifah menggesa semua agensi untuk saling bekerjasama bagi menyelesaikan isu-isu yang berlaku di lapangan terutamanya 3 isu utama iaitu pembangunan pelancongan Tasik Pedu, keperluan kepada pendidikan dan peningkatan kemahiran dalam kalangan belia serta pemerkasaan usahawan wanita dan ibu tunggal .



Peranan setiap agensi adalah sangat penting untuk kita menyelesaikan semua isu ini. Dengan kerjasama yang cukup kuat, isu-isu ni insyallah kita dapat sama-sama selesaikan...

YBrs Puan Hajjah Sharifah Norulasyikhah binti Syed Mohamad
Pegawai Daerah Padang Terap

Pemberian cenderahati turut disampaikan kepada Puan Hajjah Sharifah dan YB Tuan Amin sebagai penghargaan atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan sejak lawatan tapak diadakan sehingga kepada berakhirnya bengkel ini.



Penyampaian cenderahati kepada YB Tuan Amin



Cenderahati yang telah disampaikan kepada Puan Hajjah Sharifah

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.010 Kuala Kedah

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 40

Objektif 42

Kaedah Pelaksanaan 43

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 43

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 44

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 46

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kuala Kedah 47

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 48

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 49

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 61

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 71



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Kuala Kedah telah berjaya dilaksanakan pada 24 Februari (Isnin) bertempat di Raia Hotel & Convention Centre, Alor Setar.

Seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Kuala Kedah, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Pejabat Tanah dan Daerah Kota Setar. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)
2.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
3.	Syarikat Air Darul Aman (SADA)
4.	Jabatan Alam Sekitar
5.	Ibu Pejabat Polis Kota Setar
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kota Setar
7.	Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM)
8.	Pejabat Kesihatan Daerah
9.	Pejabat MARA Daerah
10.	Pejabat Belia Dan Sukan
11.	Pejabat Veterinar
12.	Pejabat Perikanan
13.	Pejabat Antidadah Kebangsaan (AADK)
14.	Pejabat Daerah dan Tanah
15.	Penghulu Mukim Telok Kechai/Chengai/Pengkalan Kundor
16.	Penghulu Mukim Kuala Kedah
17.	Penghulu Mukim Sala Kechil
18.	Penghulu Mukim Mergong
19.	Penghulu Mukim Kubang Rotan / Sungai Baru
20.	Penghulu Mukim Padang Lalang
21.	Penghulu Mukim Padang Hang
22.	Penghulu Mukim Titi Gajah
23.	Penghulu Mukim Gunong
24.	Pejabat Ahli Parlimen Kuala Kedah

BIL	SENARAI AGENSI
25.	Pejabat ADUN Kubang Rotan
26.	Pejabat ADUN Anak Bukit
27.	Pejabat ADUN Pengkalan Kundor

Program ini telah dikendalikan oleh 4 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:

- **Puan Siti Shafina Sanusi** (Pegawai Pembangunan Kapasiti)
- **Nurmaisarah Mohd Asri** (Pegawai Pembangunan Kapasiti)
- **Dr Thanaraj Murudi** (Ketua Zon Utara)
- **Zariz Firdaus Zainal** (Penyelaras Tempatan Bagan Serai)



Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan**: Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi**: Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kuala Kedah
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan (*Ice-Breaking*)

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice-breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Uniknya, permainan ini turut diintegrasikan dengan elemen SDG dimana kenyataan-kenyataan yang berikan adalah berkait dengan SDG. Melalui aktiviti ini, para peserta bukan sahaja dapat berkenalan, malah turut didedahkan dengan amalan-amalan asas SDG secara santai dan menarik.



Para peserta saling berinteraksi antara satu sama lain dalam permainan BINGO.

Dalam sesi seterusnya, para peserta memperkenalkan nama, agensi serta karakter yang menggambarkan personaliti masing-masing melalui permainan nama. Setiap peserta diberikan sebiji belon untuk ditiup dan mereka haruslah menulis nama serta karakter masing-masing diatas belon tersebut. Aktiviti ini bukan sahaja membantu peserta mengenali antara satu sama lain dengan lebih baik, malah ia juga mewujudkan suasana riang dan santai yang menggalakkan interaksi positif.









Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.



Aktiviti perbincangan dan pemetaan SDG oleh peserta bengkel secara berkumpulan.

Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kuala Kedah

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Satu aktiviti interaktif telah dijalankan dan dimulakan dengan ketua penyelidik bagi Parlimen Kuala Kedah, Dr Thanaraj Murudi membentangkan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu yang telah dijalankan. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL	TEMA	ISU
1.	Sosial	• Penyalahgunaan Dadah
2.	Alam Sekitar	• Pencemaran Alam Sekitar Akibat Pengurusan Sisa / Sampah Sarap di Sungai • Banjir Kilat







Perbincangan mengenai Pemetaan SDG oleh para peserta yang mana masing-masing saling membincangkan isu, cabaran, penyelesaian kepada cabaran serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu-isu yang dikenal pasti.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir. Bacaan ini telah diketuai oleh Encik Suhaimi bin Abdullah, pegawai Ahli Parlimen Kuala Kedah.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Kuala Kedah. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Kuala Kedah berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	• **Bantuan kewangan** Bantuan kewangan diberikan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) yang berperanan untuk membantu orang kurang upaya hidup berdikari dan berinteraksi dalam masyarakat. Di Kota Setar, bantuan diberikan kepada beberapa PPDK seperti PPDK Mutiara Indah, PPDK Tanjung Bendahara dan PPDK Teluk Cengai.
2.	Jabatan Veterinar Kedah	• **Skim Insentif** Skim ini diberikan bagi menggalakkan para penternak dan untuk meningkatkan jumlah ternakan, menambah baik kandang sediada/bina baru serta menanam rumput sebagai makanan ternakan.
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar	• **Pengumpulan data kadar kemiskinan daerah Kota Setar melalui platform E-kasih.** Platform ini penting bagi memastikan tiada kecicir an dalam sistem pangkalan data bagi memberi bantuan kepada mereka yang layak. Sistem E-Kasih diguna pakai oleh pelbagai agensi sebagai indikator utama penyaluran bantuan di peringkat negeri dan Persekutuan.



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	• Penanaman dan penuaian padi sebanyak 5 kali dalam masa 2 tahun. Inisiatif ini adalah bagi meningkatkan pengeluaran padi negara**.**
2.	Pusat Khidmat Wakil Rakyat	• **Bantuan beras sejahtera dan bakul makanan** Bantuan ini disasarkan kepada golongan B40 dan tujuan utama adalah untuk meringankan beban dan kos perbelanjaan seharian bagi isi rumah B40. Sasarah agihan adalah kepada 200 buah keluarga.
3.	Pejabat Kesihatan Daerah	• **Program pemulihan kanak-kanak kekurangan zat makanan** Program ini menyasarkan pemberian makanan berzat kepada golongan kanak-kanak yang berusia 5 tahun kebawah yang mempunyai masalah malnutrisi seperti bantut dan kurang berat badan. Pemberian bakul makanan bernutrisi tinggi kepada keluarga dari kalangan berpendapatan rendah dan miskin tegar kerana terdapat kes-kes dimana mereka cenderung untuk membelikan makanan murah dan kurang nutrisi seperti jajan dan gula-gula. Di Malaysia, dianggarkan purata kanak-kanak bantut dan kanak-kanak sihat ialah 1:5. Kanak-kanak bantut berisiko mendapat penyakit kronik seperti diabetes dan darah tinggi apabila mereka dewasa kelak. Hal ini secara tidak langsung akan mengurangkan produktiviti negara.



MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Kesihatan Daerah	• **Menyediakan perkhidmatan OSCA (*One Stop Center for Addiction*)** OSCA berfungsi untuk membantu mencegah dan merawat individu yang terlibat dengan sebarang masalah ketagihan termasuk dadah, merokok, pornografi, alkohol dan lain-lain. Klinik kesihatan Kuala Kedah adalah salah satu klinik yang terpilih di Kedah yang menawarkan bantuan untuk rawatan dan pencegahan ketagihan. Secara tidak langsung menurunkan kadar morbiditi penduduk sekaligus kadar jenayah di lokaliti setempat
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	• **Menambah baik persekitaran hidup warga emas** Dalam proses mewujudkan daerah/bandar mesra warga emas
3.	Pejabat Belia dan Sukan	• **Program pembudayaan sukan** Memfokuskan kepada kesejahteraan dan kesepaduan rakyat yang menekankan elemen sukan dalam kalangan masyarakat dalam menjalani kehidupan sihat dan aktif



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	• **Geran Penubuhan TASKA** Terdapat dua jenis geran TASKA yang ditawarkan iaitu TASKA Institusi dan TASKA di Rumah. Geran ini diberikan dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada ibu bapa yang bekerja selain kadar yuran TASKA di tempat kerja adalah lebih berpatutan. Di samping itu, usaha ini adalah untuk memastikan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti, penjagaan dan pra-sekolah.
2.	Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK)	• **Mewujudkan sekolah untuk pelajar tercicir dan** terlibat dengan aktiviti penagihan dadah Bagi pelajar yang ditangkap akan menjalani pemulihan di PUSPEN dan terdapat sekolah di sana yang akan memberikan pendidikan kemahiran kepada mereka seperti kemahiran gunting rambut, menjahit, membaiki penghawa dingin dan sebagainya. Latihan ini diwujudkan bagi memastikan individu-individu dalam fasa pemulihan ini mampu berdikari selepas keluar dari pusat ini.

P2-Prosperity / Kemakmuran



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN MAMPAN, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	• **Arked Mara Kuala Kedah** Arked ini menyediakan fasiliti dan premis-premis perniagaan dengan kadar sewa yang berpatutan kepada golongan usahawan Bumiputera.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Pinjaman untuk Usahawan** Terdapat beberapa skim pembiayaan yang disediakan oleh pihak MARA dengan tujuan untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera meningkatkan pendapatan mereka: 1. **Skim Program Usahawan Lepasan Institusi Pendidikan MARA / Belia (PUTRA) -** Kemudahan pembiayaan kepada perniagaan mikro bagi semua sektor seperti peruncitan, pembuatan, perkhidmatan kecuali sektor pertanian dan penternakan. Fokus pembiayaan adalah kepada belia yang berumur 40 tahun ke bawah bagi melibatkan diri di dalam bidang perniagaan dengan had maksimum pinjaman adalah sebanyak RM10 ribu. 2. **Orang Kelainan Upaya (Skim OKU) –** Skim ini menyediakan kemudahan pembiayaan khusus kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk berdikari dengan mengusahakan perniagaan sendiri. Had maksimum adalah RM50 ribu. 3. **Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) -** Pinjaman perniagaan ini disasarkan kepada golongan usahawan wanita Bumiputera bagi tujuan mengembangkan perniagaan. Geran ini dilihat sebagai salah satu usaha untuk memperhebatkan penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan, memperkasakan usahawan wanita sedia ada dan meningkatkan pendapatan isi rumah 4. **Skim Pembiayaan Lepasan IPMa (SEMAi)** - Kemudahan pembiayaan perniagaan kepada lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) bagi menjalankan perniagaan yang bersifat komersial seperti menggunting rambut. Had maksimum pembiayaan adalah RM50 ribu.



MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN MENYELURUH DAN MAMPAN SERTA MERANGSANG INOVASI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah Kota Setar (PDKS)	• **Projek Pembangunan Luar Bandar** Antara fokus projek ini ialah menaiktaraf jalan-jalan majlis, membina longkang dan saliran, pembaikan rumah rakyat miskin dan menaiktaraf kemudahan asas. Pihak Pejabat Daerah akan bekerjasama dengan PBT dan MPKK untuk mendapatkan kemaskini kawasan-kawasan yang mengalami masalah dan perlu diperbaiki.



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)	• **Pembersihan Berterusan oleh Agensi** Pembersihan dibuat bagi memastikan kawasan sekitar dalam keadaan bersih dan selesa serta mengurangkan kadar penyakit seperti demam denggi

P3-Planet / Planet



MEMASTIKAN KETERSEDIAAN DAN KEMAMPANAN PENGURUSAN AIR DAN SANITASI UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Syarikat Air Darul Aman (SADA)	• **Pengurusan perbaikan kebocoran** Kebocoran yang berlaku di beberapa paip-paip utama dibaiki bagi mengelakkan kehilangan air dan tekanan dan meningkatkan ketersampaian bekalan air ke kawasan-kawasan kampung. Tangki-tangki imbangan yang mengalami kebocoran turut

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		dikenalpasti di kawasan perumahan lama seperti Sri Kota, Taman Sri Marina dan Taman Restu dan aktiviti pembaikian dijangka akan dilaksanakan tahun ini. Dalam masa yang sama program penukaran paip air ini dijalankan kerana paip lama yang menggunakan besi jenis keluli lembut. Tindak balas kepada air masin menyebabkan besi tersebut lama kelamaan berkarat dan mengalami kebocoran. Paip pam lama yang berkarat ditukar kepada jenis *high density polyethylene (HDPE)* yang mempunyai ketahanan yang lebih tinggi. Selain itu, bagi persiapan menjelang hari raya, lori tangki akan digerakkan dan tangki-tangki statik akan ditempatkan di kawasan-kawasan perumahan yang telah dikenal pasti akan berdepan masalah kekurangan air. Pendekatan ini adalah pendekatan jangka masa pendek bagi memenuhi permintaan air yang meningkat sewaktu musim perayaan. • **Pembinaan rumah pam berskala kecil** Rumah pam ini dibina bagi kawasan-kawasan yang mengalami gangguan air. Terbaru, proses penambahan kapasiti tangka di Taman Sri Marina sedang giat dijalankan bagi meningkatkan kestabilan penyaluran air ke kawasan ini. • **Menaiktaraf Loji Rawatan Air Pelubang** Penambahan 100 juta liter sehari bekalan air ke Kuala Kedah berbanding jumlah semasa iaitu 20 juta liter sehari. Unjuran daripada SADA menyatakan bekalan ini mampu bertahan sehingga tahun 2040. Projek ini dijangka bakal disiapkan menjelang pertengahan 2026 dan mampu menyediakan bekalan air yang mencukupi bagi sektor perumahan yang pesat membangun, pertanian, perindustrian dan pengairan.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Pemasangan Paip Khas ke Kuala Kedah** Buat masa sekarang, bekalan air ke Kuala Kedah berkongsi dengan kawasan perbandaran Alor Setar. Disebabkan itu berlakunya pengurangan bekalan. Oleh itu, projek pemasangan paip khusus ke Kuala Kedah yang memanjang sehingga 20km dilaksanakan bagi meningkatkan penyaluran air ke Kuala Kedah.
2.	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	• **Program Pengawasan Kualiti Air Sungai** Kualiti air sungai ini dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Bersih, Sederhana Tercemar dan Tercemar. Berdasarkan pembentangan wakil JAS, kebanyakan kualiti sungai di Kedah adalah dalam keadaan yang baik kecuali sungai yang terletak berdekatan Pulau Pinang disebabkan oleh aktiviti industri berat yang dijalankan disana. Aktiviti persempelan akan dijalankan sebanyak 6 kali setahun bagi satu anak sungai.



MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DAN KESANNYA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran	• Menjalankan **Kerja-kerja Penyelenggaraan Alor-alor dan Sungai Semulajadi** Pembersihan dibuat bagi melancarkan aliran air hingga ke titik curahan terakhir bagi mengelakkan risiko berlakunya kejadian banjir.
2.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	• **Pengumpulan Jerami Padi** Jerami padi ini dikumpul dalam bentuk bale atau blok untuk dijadikan bahan makanan ternakan dan produk sampingan yang secara langsung dapat meningkatkan pendapatan petani. Dari tahun 2021 hingga 2023, pengeluaran jerami padi di kawasan MADA yang merangkumi kawasan Kedah dan Perlis berjaya mencapai 15,000 tan dengan nilai jualan sebanyak RM3 juta. Inisiatif ini secara tidak langsung turut mengurangkan pembakaran jerami

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		padi secara terbuka dan mengurangkan kualiti udara.



MEMULIHARA DAN MENGGUNAKAN SUMBER LAUTAN, LAUT DAN MARIN SECARA LESTARI UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Alam Sekitar	• **Program Pengawasan Kualiti Air Marin** Stesen-stesen pemantauan dibina berdekatan kawasan pantai, muara sungai dan pulau. Pengawasan dibuat melalui pemantauan parameter dan status air akan ditentukan samada Terbaik, Baik, Sederhana dan Tercemar.
2.	Jabatan Perikanan	• **Pelepasan Benih Ikan** Benih-benih ikan dilepaskan ke perairan umum dan sungai-sungai bagi meningkatkan sumber perikanan laut dan darat • **Pembinaan Tukun Tiruan** Aktiviti ini diadakan bagi meningkatkan sumber makanan di kawasan perairan melalui pembinaan tukun-tukun tiruan bagi penambahbaikan taman laut. Tukun merupakan suatu struktur binaan manusia yang diletakkan di dasar laut bertujuan untuk menambah kepadatan sumber marin. Peningkatan sumber laut akan membantu meningkatkan ekonomi golongan nelayan yang menangkap ikan di kawasan tersebut.

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	• **Program OSCAR (*Outreach, Socialization, Community, Awareness, and Relationship*)** Program ini merupakan program kemasyarakatan yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara polis dan masyarakat, serta meningkatkan kesedaran keselamatan dan pencegahan jenayah. Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi penerangan tentang jenayah, terutamanya jenayah siber (*scammer*) diadakan bersama masyarakat untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan menggalakkan kerjasama antara PDRM dan orang awam. Berdasarkan perkongsian daripada wakil PDRM, isu *scammer* banyak berlaku dalam kalangan masyarakat yang berpendidikan tinggi seperti doktor dan cikgu. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh tahap kecelikan individu dengan teknologi terkini. • **Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dan Masjid (PPM)** PPS bertindak sebagai penghubung antara pihak polis dan sekolah, membantu dalam menangani isu keselamatan dan jenayah di kawasan sekolah manakala PPM pula bertindak sebagai penghubung antara pihak polis dan masjid, membantu dalam menangani isu keselamatan dan jenayah di kawasan perumahan. PPM bukan sahaja

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		memfokuskan masjid, malah rumah-rumah ibadat lain seperti tokong, kuil dan gereja. • **Program '*Volunteer Smartphone Patrol*' (VSP)** VSP merupakan satu inisiatif baru Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mewujudkan kolaborasi dan kerjasama strategik mencegah jenayah bersama masyarakat tempatan sebagai mata dan telinga pihak polis.

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua: Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;

- **Sosial** – Penyalahgunaan dadah
- **Alam Sekitar** – Banjir kilat dan pencemaran alam sekitar akibat pengurusan sisa / sampah sarap di sungai


Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan





Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah



Isu: Penyalahgunaan Dadah

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Operasi Bersepadu**	**Maklumat Bocor** Majoriti isu penyalahgunaan dadah terjadi adalah dalam kalangan nelayan dan anak-anak nelayan. Operasi bersepadu melibatkan PDRM, AADK, APMM, LKM, JKM dan lain-lain agensi berkaitan kadang kala berdepan dengan risiko maklumat operasi bocor yang berpunca daripada orang dalam.	Meningkatkan integriti pegawai-pegawai melalui kempen kesedaran dan penerapan nilai agama supaya para pegawai lebih peka dengan hukum halal dan haram. Disamping itu, hukuman yang tegas hendaklah dikenakan kepada mana-mana pegawai yang didapati membocorkan maklumat kepada tekong-tekong kapal haram.	• Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) • Kementerian Belia dan Sukan (KBS) • Jabatan Perikanan • Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) • Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) • Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) • Jabatan Imigresen Malaysia • Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
2.	**Kempen Kesedaran Berterusan**	**Tiada Peruntukan yang Mencukupi** Peruntukan yang terhad menyebabkan kempen atau program yang dijalankan tidak dapat diteruskan dalam jangka masa yang lama.	Penglibatan pelbagai agensi dapat mengurangkan beban kewangan melalui pengagihan kos projek antara beberapa agensi	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			supaya setiap agensi hanya menanggung sebahagian daripada keseluruhan kos projek	• Giat MARA
3.	**Modul Khas Pendidikan Berkemahiran**	**Penggubalan Dasar Baru Memakan Masa yang Lama** Modul khas ini menyasarkan kanak-kanak yang terabai akibat dadah, anak luar nikah atau tidak sah taraf. Mereka akan diambil dan dibawa ke pusat kebajikan masyarakat dan diajar kemahiran-kemahiran yang dapat membantu mereka mendapatkan pekerjaan di luar. Walau bagaimanapun, perbahasan dasar ini mungkin akan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan.	Penglibatan Ahli Parlimen dalam memastikan dasar ini berjaya diangkat samada di Sidang Dewan Rakyat atau Sidang Kamar Khas yang melibatkan Kementerian-kementerian terbabit.	
4.	**Kajian Semula Akta Pelajar Yang Ponteng dan Tidak Hadir ke Sekolah**	**Sekolah terlalu Menjaga KPI Kehadiran Pelajar** Penyelesaian buang sekolah bagi pelajar yang merosot kehadirannya perlu disemak kembali.	Mengadakan sesi libat urus antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bersama agensi berkaitan untuk	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		Umumnya, pihak sekolah akan membuang pelajar yang menghadapi masalah kemerosotan kehadiran seandainya kehadiran mereka tidak mencapai KPI yang ditetapkan. Pendekatan ini akan memudahkan lagi mereka untuk terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti tidak berfaedah.	memperkenalkan silibus mahupun kursus-kursus kemahiran agar dapat menarik minat golongan belia untuk terus belajar. Seandainya mereka lemah dalam bidang akademik, mereka boleh menceburi bidang teknikal bagi meningkatkan kemahiran mereka.	

Fakta Tambahan

Lokasi Kuala Kedah yang bersempadan dengan Wilayah Yala dan Songkhla di Thailand menyukarkan usaha membanteras isu penyalahgunaan dadah, terutamanya dalam kalangan nelayan dan penduduk kawasan luar bandar. Menurut statistik yang dikongsikan oleh wakil pegawai PDRM, terdapat peningkatan dua kali ganda bagi kes penangkapan penagih dadah di Kuala Kedah berbanding tahun sebelumnya. Antara kawasan *hot spot* adalah Kuala Kedah dan Pokok Sena. Disebabkan isu dadah ini sudah berlarutan untuk jangka masa yang agak lama, masyarakat setempat sudah terbiasa dan menganggap isu ini adalah perkara biasa. Dadah sudah tidak lagi dianggap perkara yang berbahaya.

Dalam masa yang sama, dadah sering diseludup masuk dalam bentuk komponen tertentu yang mempunyai kegunaan sah dalam industri, seperti bahan kimia untuk kegunaan kilang sebelum diproses menjadi dadah. Oleh kerana bahan ini dibawa masuk secara berlesen, ia sukar disekat sepenuhnya. Kerjasama erat antara agensi penguatkuasaan, industri dan komuniti amat diperlukan untuk memutuskan rantaian pengedaran dan penggunaan dadah.

Beberapa NGO seperti PERAKAN dan PEMADAM adalah antara NGO nya aktif membantu bekas-bekas penagih dadah untuk kembali pulih. Program-program seperti gotong royong, program di surau dan aktiviti-aktiviti oleh agensi lain seperti AADK turut diadakan bersama golongan ini untuk membantu mereka dekat kembali dengan masyarakat.

Isu: Banjir

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Penyelenggaraan Sistem Saliran / Perparitan**	**Kos yang Tinggi** Kos yang tinggi diperlukan untuk menyelenggara sistem perparitan dan saliran. Beberapa faktor yang mempengaruhi adalah saiz kawasan, keadaan infrastruktur sediada dan bentuk geografi.	Tambahan peruntukan haruslah diberikan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab menyelia saliran dan perparitan ini. Di Kuala Kedah, pasir menjadi punca sungai menjadi cetek. Lantas air sungai cepat melimpah ke kawasan taman-taman di sekitar.	• Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) • Pejabat Daerah • JPS • MADA • Kementerian Kewangan • Badan Perundangan
2.	**Kajian Menyeluruh Projek Pembangunan**	**Tanah / Perundangan** Isu tanah dan perundangan sering menjadi cabaran besar dalam sesebuah projek	Penguat-kuasaan bagi memastikan setiap kelulusan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		pembangunan kerana melibatkan beberapa aspek kompleks seperti hak milik tanah, zon guna tanah dan kepentingan pelbagai pihak. Dari segi perundangan, setiap projek pembangunan haruslah menepati syarat serta garis panduan yang ditetapkan. Sebagai contoh, bagi pembangunan melebihi 100 hektar haruslah menyediakan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA).	permohonan cadangan pembangunan tanah melalui proses yang betul. Sebarang bentuk kajian atau laporan hendaklah disediakan seandainya diperlukan.	
3.	**Projek Pedalaman Sungai**	**Pertindihan Bidang Kuasa Agensi** Pertindihan bidang kuasa akan menyebabkan kekeliruan antara agensi terhadap kawasan siapa dan siapa yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah terbabit. Sebagai contoh, isu siapa yang	Perbincangan yang komprehensif antara setiap jabatan dan agensi haruslah dibuat bagi penyelarasan bidang kuasa dan skop kerja setiap agensi	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		bertanggungjawab bagi menyelia sistem perparitan sewaktu banjir. Berlaku di Kuala Kedah, penyelenggaraan sepanjang jalan utama adalah dibawah tanggungjawab JKR. Akan tetapi apabila banjir berlaku, lebihan air buangan banjir masuk ke sistem perparitan jalan utama JKR dan mengalir ke kawasan perumahan sekitar. Di kawasan perumahan pula, tanggungjawab tersebut jatuh kepada pihak PBT. Terdapat juga persoalan samada pihak JPS turut perlu dilibatkan dalam menyelesaikan isu ini. Konflik ini menimbulkan kekeliruan bukan sahaja kepada pihak agensi tetapi juga penduduk disekitar.		
4.	**Melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB)**	**Sikap Komuniti dan Masyarakat** Sikap sesetengah individu yang mementingkan diri.	Mengadakan kempen kesedaran kepada komuniti akan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		Mereka hanya mementingkan kebersihan di kawasan mereka sahaja tetapi bukan kawasan di sekitar. Berdasarkan lawatan yang telah dijalankan oleh pihak Pejabat Tanah sebelum ini, mereka mendapati ada individu yang tidak bertanggungjawab membuang peti lama yang telah rosak ke dalam sungai kerana lebih senang dan tidak melibatkan apa-apa kos.	kepentingan pembuangan sampah yang betul. Kempen kesedaran ini haruslah dimulakan sejak dini seperti di bangku sekolah supaya nilai-nilai murni ini lebih senang diterapkan dalam diri masyarakat.	

Isu: Pencemaran Alam Sekitar Akibat Pengurusan Sisa / Sampah Sarap di Sungai

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Mengadakan Program Kesedaran Masyarakat**	**Kurang Sambutan Masyarakat** Terdapat kebarangkalian program yang dilaksanakan kurang mendapat sambutan oleh masyarakat disebabkan oleh faktor kandungan bahan yang kurang menarik dan kebolehcapaian kepada kumpulan sasaran tertentu**.**	Memberikan insentif kepada individu atau organisasi yang memberi sumbangan. Mempelbagai-kan kaedah penyampaian maklumat	• Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) • Pejabat Daerah

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Isu-isu utama yang berlaku di Kuala Kedah adalah saling berkait rapat seperti isu ketagihan dadah dan isu keciciran pelajar di sekolah. Isu penjualan dan penagihan dadah yang berterusan menyebabkan masyarakat setempat sudah sebati dan tidak lagi menganggap perkara ini berbahaya dan memberikan kesan jangka panjang yang buruk kepada keluarga mangsa yang terlibat. Rentetan itu, isu-isu lain akan timbul seperti keganasan rumah tangga, kemiskinan, keciciran pembelajaran samada disebabkan oleh ketagihan atau terpaksa berhenti belajar untuk mencari pendapatan untuk keluarga disebabkan oleh tonggak keluarga seperti ayah atau abang menagih dadah.

Selain itu, impak perubahan iklim makin terasa dengan isu banjir yang kerap berlaku bukan sahaja di Kuala Kedah malahan di seluruh negara. Isu banjir menjadi beban kepada kerajaan Persekutuan dan Negeri terutamanya dari sudut kewangan memandangkan peruntukkan yang besar harus diberikan bagi membantu mangsa-mangsa yang terjejas. Malah, kerosakan seperti infrastruktur jalan raya, tanaman dan ternakan, rumah penduduk sekitar, bangunan-bangunan turut mengeruhkan lagi keadaan. Mangsa yang paling terkesan akan fenomena ini adalah penduduk itu sendiri.

Oleh itu, pendekatan yang holistik haruslah diambil di semua peringkat bagi menyelesaikan isu yang kian parah ini. Dasar-dasar sediada dan hala tuju perancangan haruslah mengambil kira keadaan semasa dan akan datang bagi memastikan kemampanan bandar dan komuniti dapat dicapai.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pegawai Daerah Kota Setar, Ahli Parlimen Kuala Kedah dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri atas sokongan yang telah diberikan sepanjang bengkel ini berjalan.

- **Pegawai Daerah Kota Setar:** Dato' Haji Hakim Ariff Bin Md Noor DSDK., SDK., AMK., BCK.
- **Ahli Parlimen Kuala Kedah:** YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi
- **ADUN Kubang Rotan:** YB Dato' Haji Mohd Salleh Saidin
- **ADUN Anak Bukit:** YB Encik Rashidi bin Razak
- **ADUN Pengkalan Kundor:** YB Puan Mardhiyyah binti Johari

Dalam ucapan pembukaannya, Dato' Haji Hakim menggesa semua agensi untuk saling bekerjasama bagi menyelesaikan isu-isu yang berlaku di lapangan terutamanya isu banjir memandangkan Kedah adalah pengeluar utama beras negara.



> ***...Tahun lepas, kerajaan negeri Kedah telah memperuntukkan bantuan sebanyak RM6 juta kepada mangsa-mangsa banjir yang terkesan di 19 buah PPS. Adalah lebih baik seandainya duit itu digunakan untuk menyelenggara sistem perparitan sedia ada...***

Dato' Haji Hakim Ariff Bin Md Noor
Pegawai Daerah Kota Setar

Pemberian cenderahati turut disampaikan kepada wakil-wakil ahli parlimen dan ADUN yang telah menghadiri bengkel ini.



Cenderahati yang telah disampaikan kepada Dato' Pegawai Daerah



Encik Suhaimi bin Abdullah mewakili YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi



Encik Mohd Ridzuan bin Ramli mewakili YB Dato' Haji Mohd Salleh Saidin

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti
P.018 Kulim Bandar Baharu

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 75

Objektif 77

Kaedah Pelaksanaan 78

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 78

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 79

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 80

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kulim Bandar Baharu 81

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 82

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan: Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 83

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 91



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Kulim Bandar Baharu telah berjaya dilaksanakan pada 13 November 2025 (Khamis) bertempat di Ixora Hotel Prai, Pulau Pinang.

Seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu, Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu dan Pejabat Daerah dan Tanah Kulim. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL.	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu
2.	Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Bandar Baharu
3.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.
4.	Lembaga Sumber Air Negeri Kedah
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu
6.	Pejabat Pertanian Daerah Bandar Baharu
7.	Pejabat Perikanan Daerah Bandar Baharu
8.	Pejabat Kesihatan Daerah Bandar Baharu
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran
10.	Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kulim
11.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kulim-Bandar Baharu
12.	Majlis Daerah Bandar Baharu (MDBB)

Program ini telah dikendalikan oleh 4 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr Thanaraj Murudi
Ketua Penyelidik
Parlimen Kulim-Bandar Baharu



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Ain Safwanah Sadikin
Pembantu Pegawai
Pembangunan Kapasiti

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar :** Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kulim Bandar Baharu
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan (*Ice-Breaking*)

Aktiviti bengkel dimulakan dengan sesi pengenalan bersama peserta. Para peserta memperkenalkan nama dan agensi masing-masing dengan menuliskan butiran mereka di atas sehelai kertas dan dilipat dalam bentuk segi tiga lalu diletakkan dihadapan masing-masing. Seterusnya, pihak sekretariat APPGM-SDG memberi penjelasan lanjut kepada semua peserta mengenai APPGM-SDG dan rangka kerja yang dijalankan.







Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.













Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kulim Bandar Baharu

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr Thanaraj Murudi. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut:

Kumpulan 1

Gangguan Bekalan Air



Kumpulan 2

Aktiviti Kuari yang Tidak Terkawal



Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Kulim Bandar Baharu oleh wakil-wakil agensi yang hadir. Bacaan ikrar ini telah diketuai oleh Encik Muhamad Zamani bin Mokhtar daripada Jabatan Kerja Raya.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan: Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Alam Sekitar	**Aktiviti kuari yang tidak terkawal** ● Walau bagaimanapun, kelulusan bagi aktiviti penerokaan dan pemberian lesen didapati tidak mematuhi prosedur perundangan serta tidak mengikut tatacara operasi piawai (SOP) yang ditetapkan. ● Aktiviti kuari tersebut dikenal pasti menyebabkan beberapa impak negatif, antaranya termasuk letupan yang kuat, serpihan batu yang terpelanting ke kawasan perumahan, serta pencemaran habuk dan debu yang menjejaskan kualiti udara persekitaran. ● Penduduk turut melahirkan kegusaran terhadap kemunculan retakan pada struktur rumah mereka.
2.	Sosial	**Gangguan bekalan air** ● Penduduk setempat menghadapi masalah bekalan air yang berlarutan disebabkan sistem paip yang usang dan kerosakan pada sebahagian paip yang memerlukan penggantian segera. ● Gangguan bekalan air boleh berlanjutan sehingga seminggu tanpa bantuan alternatif seperti lori tangki daripada pihak berwajib. ● Penduduk terpaksa menggunakan air sungai berdekatan sebagai langkah sementara, namun jarak sungai yang jauh menyebabkan keperluan air harian komuniti tidak dapat dipenuhi sepenuhnya.




Imbas kod QR ini untuk mendapatkan laporan penuh:









ISU: AKTIVITI KUARI TIDAK TERKAWAL
Cadangan Penyelesaian
Cabaran yang akan dihadapi
Cadangan Penyelesaian kpd Cabaran
Menjalankan operasi penguatkuasaan
Ketirisan hasil negeri
Pengambilan pasir yang tidak terkawal
Penguatkuasaan Agensi yang terlibat
Kekangan pegawai penguatkuasa


ISU: GANGGUAN BEKALAN AIR
(KG. JERMAL, SG. TAKA, B.B.)
CADANGAN PENYELESAIAN
CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN
AGENSI TERLIBAT
1) SADA, JKR, KEDW, PDBB
SDG 6 & SDG 17


ISU: AKTIVITI KUARI TIDAK TERKAWAL
Cabaran yang akan dihadapi
Cadangan Penyelesaian kpd Cabaran
Ketirisan hasil negeri
Pengambilan pasir yang tidak terkawal
Penguatkuasaan Agensi yang terlibat
Kekangan pegawai penguatkuasa

Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Aktiviti Kuari Tidak Terkawal

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: MENJALANKAN OPERASI PENGUATKUASAAN SECARA BERSEPADU		
Ketirisan Hasil Negeri Operasi kuari tanpa kelulusan atau tanpa pemantauan yang rapi menyebabkan berlakunya ketirisan hasil negeri, terutama apabila pengambilan pasir dilakukan secara tidak terkawal. Ketirisan berlaku apabila pengeluaran mineral tidak direkod dengan tepat atau tidak dibayar mengikut kadar royalti yang ditetapkan. Terdapat pengusaha kuari yang melaporkan jumlah pengeluaran lebih rendah daripada sebenar atau menjalankan aktiviti secara haram tanpa sebarang rekod. Situasi ini menyebabkan kerajaan negeri kehilangan pendapatan penting daripada royalti mineral, permit dan fi lesen, sekali gus menjejaskan pengurusan sumber mineral secara mampan.	**Penguatkuasaan** Penguatkuasaan yang berkesan oleh agensi-agensi berkaitan amat penting bagi mengawal aktiviti pengambilan pasir yang tidak terkawal dan memastikan semua operasi mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kawalan yang lemah membuka ruang kepada pengusaha untuk menggali pasir melebihi kuota yang dibenarkan atau menjalankan operasi secara haram tanpa permit yang sah, sekali gus meningkatkan risiko ketirisan hasil negeri serta kerosakan alam sekitar.	• Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah • Pejabat Daerah dan Tanah • Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Jabatan Alam Sekitar (JAS) • Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) • Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
Kekangan Pegawai Penguatkuasa Bilangan pegawai yang terhad menyebabkan pemantauan tidak dapat dilakukan dengan kerap, terutama di kawasan	**Penambahan Pegawai Penguatkuasa** Melantik pegawai tambahan, sama ada secara tetap atau kontrak khas yang membolehkan agensi menjalankan rondaan,	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
kuari terpencil atau di sepanjang jajaran sungai yang luas. Agensi-agensi berkaitan turut berdepan bebanan kerja yang tinggi, meliputi tugasan rutin lain. Misalnya, pegawai JAS memaklumkan bahawa hanya 12 orang pegawai ditugaskan untuk memantau 1,084 kilang di tiga daerah iaitu Kulim, Bandar Baharu, dan Baling. Secara keseluruhan, seramai 1,111 orang pegawai JAS di seluruh Malaysia bertanggungjawab memantau lebih kurang 60,000 kilang. Kekangan ini mengurangkan keberkesanan operasi penguatkuasaan kerana pegawai tidak memiliki kapasiti masa dan tenaga yang mencukupi untuk menjalankan pemeriksaan berkala, rondaan malam, atau operasi mengejut secara konsisten.	pemeriksaan tapak, dan operasi mengejut dengan lebih kerap. Terutama di kawasan kuari yang sibuk atau terpencil. Selain itu, pegawai dari agensi lain boleh digerakkan sementara (*cross-deployment*) bagi membantu penguatkuasaan, mengurangkan beban kerja pegawai tetap, dan memastikan aktiviti pengambilan pasir yang tidak terkawal dapat dipantau dengan lebih berkesan.	

Isu: Gangguan Bekalan Air

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan membina Loji Rawatan Air Mahang yang baharu serta menaik taraf paip utama bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk penduduk setempat. Namun, masalah masih berlaku kerana jajaran paip agihan yang menghubungkan paip utama ke kawasan perumahan masih menggunakan paip lama yang tidak lagi mampu menampung pertambahan jumlah penduduk. Akibatnya, tekanan air menjadi rendah terutamanya di kediaman yang berada jauh atau di hujung rangkaian paip.

Selain itu, gangguan bekalan air turut berpunca daripada kekerapan paip pecah di kawasan paip agihan lama, menyebabkan ada masanya seluruh kawasan tidak menerima air, dan ada masanya hanya sebahagian kawasan terjejas bergantung kepada lokasi kebocoran.

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: MENUKAR PAIP AGIHAN DARI PAIP UTAMA KEPADA PENGGUNA		
Penglibatan daripada Pelbagai Agensi Keperluan untuk melibatkan pelbagai agensi seperti SADA, PBT, JKR dan utiliti lain dalam proses naik taraf, menyebabkan koordinasi dan pelaksanaan kerja menjadi lebih kompleks. Misalnya, melibatkan kelulusan, penyelarasan jadual kerja serta pengurusan lokasi utiliti sedia ada. Apabila koordinasi tidak selaras, ia boleh menyebabkan kelewatan, pertindihan kerja, gangguan kepada infrastruktur lain dan ketidakcekapan dalam pelaksanaan projek, sekali gus	**Persidangan/Perbincangan/Lawatan Tapak** Persidangan meja bulat, perbincangan teknikal dan lawatan tapak antara agensi perlu diadakan secara berkala bagi memastikan penyelarasan yang lebih efektif. Pendekatan ini membantu setiap agensi mengenal pasti isu sebenar di lapangan, menyelaras tindakan dan mengelakkan pertindihan kerja. Dengan kerjasama rentas agensi yang tersusun, proses naik taraf paip agihan dan penyelenggaraan infrastruktur dapat dipercepatkan serta dilaksanakan dengan lebih	• Syarikat Air Darul Aman (SADA) • Jabatan Kerja Raya (JKR) • Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) • Pejabat Daerah Dan Tanah Bandar Baharu • Ahli Parlimen • Ahli Dewan Undangan

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
melambatkan usaha menambah baik sistem bekalan air kepada pengguna.	efisien untuk mengatasi masalah bekalan air berulang.	Negeri (ADUN) ● Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
Peruntukan segera Peruntukan segera diperlukan kerana kos penyelenggaraan dan pembaikan paip lama semakin meningkat. Kos penyelenggaraan terus meningkat apabila paip lama kerap pecah dan memerlukan pembaikan kecemasan. Tanpa dana mencukupi juga, usaha menggantikan paip agihan lama serta menstabilkan sistem pengedaran air sukar dilaksanakan secara menyeluruh. Proses naik taraf paip agihan juga memerlukan peruntukan besar, merangkumi kerja tanah, pengalihan utiliti lain dan ujian tekanan air.	**Peruntukan Persekutuan dan Negeri** Peruntukan bagi menaik taraf paip agihan boleh dipohon melalui dua saluran utama, iaitu peruntukan Persekutuan melalui Ahli Parlimen serta peruntukan Negeri melalui ADUN Kulim–Bandar Baharu, bagi memastikan dana mencukupi untuk melaksanakan kerja pembaikan dan penyelenggaraan secara menyeluruh.	

BAHAGIAN 4: Penutup

Penutup

Secara keseluruhannya, penyelesaian terhadap isu aktiviti kuari yang tidak terkawal dan gangguan bekalan air memerlukan pendekatan yang menyeluruh, melibatkan penguatkuasaan yang lebih ketat, penyelarasan yang lebih baik antara agensi serta peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membangunkan dan menyelenggara infrastruktur kritikal.

Bagi menangani aktiviti kuari, kerjasama strategik antara PTG, JMG, PDRM, JAS, PBT dan agensi berkaitan lain amat penting bagi mengawal pengambilan pasir secara berlebihan, memastikan rekod pengeluaran yang tepat, mengurangkan ketirisan hasil negeri, serta melindungi ekosistem daratan, sejajar dengan aspirasi SDG 15 tentang pemuliharaan dan penggunaan sumber bumi secara lestari.

Sementara itu, usaha menukar paip agihan lama kepada paip agihan baharu memerlukan koordinasi yang rapi antara SADA, JKR, PBT, KKDW serta sokongan Ahli Parlimen dan ADUN bagi memastikan projek dapat dilaksanakan secara berkesan dan mengelakkan pertindihan antara agensi. Peruntukan segera dan berterusan juga diperlukan untuk menangani kos pembaikan paip lama yang semakin meningkat serta memastikan bekalan air yang stabil dan berdaya tahan, selaras dengan objektif SDG 6.

Kesimpulannya, cabaran-cabaran ini menekankan kepentingan tadbir urus dan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan sejajar dengan SDG 17, bagi memastikan sumber mineral dan bekalan air negeri diurus secara bertanggungjawab

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.053 Balik Pulau

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 93

Objektif 95

Kaedah Pelaksanaan 96

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 96

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 97

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 99

Aktiviti III: Perkongsi daripada PLANMalaysia

Aktiviti IV: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Balik Pulau 103

Aktiviti V: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 104

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 105

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 129

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 139



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Balik Pulau telah berjaya dilaksanakan pada 12 Jun (Khamis) bertempat di Amari SPICE, Pulau Pinang.

Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Balik Pulau dan Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat
3.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
4.	Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Pulau
5.	Pejabat Kesihatan Daerah
6.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Barat Daya
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
8.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
9.	Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran Barat Daya
11.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
12.	Jabatan Perikanan
13.	Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya

Program ini telah dikendalikan oleh 6 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Siti Noraiysah Rohim
Ketua Penyelidik
Parlimen Balik Pulau



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Mohamad Al Muttaqqin Bin Mohamad Zamri
Penyelaras Tempatan
Parlimen Sungai Petani



Preveena Balakrishnan
Penyelaras Tempatan
Parlimen Bayan Baru



Ain Safwanah Sadikin
Penolong Pegawai
Pembangunan Kapasiti

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan**: Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi**: Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Balik Pulau
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan (*Ice-Breaking*)

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan.

Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.










PEOPLE


Pemetaan dan
Pengutamaan Isu
FORM


PLANET



Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.











Aktiviti perbincangan dan pemetaan SDG oleh peserta bengkel secara berkumpulan.

Aktiviti III : Perkongsian daripada PLANMalaysia

Sesi seterusnya diteruskan dengan sesi perkongsian mengenai Perancangan Pembangunan Strategik: Penstrukturan Parlimen Balik Pulau ke Arah Bandar Mampan yang telah disampaikan oleh Pengarah PLANMalaysia Pulau Pinang, Dato' TPr Gs Rozita binti Hamit. Dalam perkongsian beliau, Dato Rozita menekankan keperluan Rancangan Struktur Negeri (RSN) bagi perancangan pembangunan dan strategi guna tanah dalam memastikan pembangunan negeri berkembang secara teratur dan mampan. Beliau turut berkongsi senario semasa Balik Pulau serta isu dan cabaran yang didapati hasil pemerhatian yang dijalankan oleh PLANMalaysia.







Aktiviti IV : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Balik Pulau

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Cik Siti Noraiysah Rohim, Ketua Penyelidik Parlimen Balik Pulau. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Pelancongan	• **Potensi Agro dan Eko-Pelancongan yang tidak optimum** Perbincangan cadangan penyelesaian yang dijalankan adalah berdasarkan aspek: 1. Penjenamaan Durian Balik Pulau 2. Daya tarikan pelancongan di Balik Pulau



Imbas kod QR ini bagi mendapatkan laporan ringkas lawatan pemetaan isu Balik Pulau




PEACE


PLANET
FAZLI
FITRI



Aktiviti V : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Balik Pulau. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Balik Pulau berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya	• **Bantuan membaik pulih dan membina rumah bagi penduduk miskin** PDTBD membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki dan membaiki rumah. Terdapat juga bantuan yang disalurkan dalam membina rumah baharu untuk rakyat termiskin. Bagi bantuan ini, keluarga daripada isi rumah berpendapatan per kapita kurang daripada RM320 layak memohon. Kesannya, bantuan ini dapat membantu golongan dan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin untuk memiliki rumah sendiri. Tambahan pula, ia dapat meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah kerana tidak perlu menyewa atau membayar pinjaman perumahan. Sekaligus dapat mengurangkan kos perbelanjaan untuk sewa rumah atau beli rumah. • **Bantuan peralatan perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil** PDT Barat Daya juga membantu meningkatkan pendapatan peniaga kecil dan keluarkan mereka daripada kelompok kemiskinan. Bantuan diberikan bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit, namun peniaga kecil turut diberikan bantuan dari segi peralatan dan kursus-kursus latihan bagi

BIL	AGENSI	PROGRAM
		mempelajari bidang keusahawanan dengan lebih mendalam.
2.	Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	Terdapat pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh Zakat MAINPP dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan. Antara inisiatif tersebut adalah: • **Pembukaan Kaunter Cawangan Perkhidmatan Zakat di Balik Pulau** Seperti mana di kawasan lain, Zakat MAINPP turut membuka kaunter cawangan perkhidmatan zakat di kawasan Balik Pulau yang beroperasi daripada hari Isnin hingga Jumaat dan bermula daripada pukul 8:30 pagi sehingga 5:00 petang. Dalam pada itu, kaunter cawangan ini juga memudahkan komuniti tempatan untuk memohon dan menerima bantuan. • **Skim Bantuan Kewangan Bulanan** Sejumlah RM400 sebulan diberikan kepada golongan fakir dan miskin bagi meringankan beban kewangan mereka. Melalui skim ini, keutamaan akan diberikan kepada golongan warga emas yang uzur dan tiada anak yang dapat membantu, berpenyakit kronik, ibu tunggal yang tiada sumber pendapatan atau tidak mencukupi, mempunyai ramai tanggungan yang masih belajar atau tiada keupayaan untuk bekerja, cacat fizikal/mental, belum atau telah menerima bantuan daripada agensi lain tetapi tidak mencukupi had keperluan asasi. Skim ini secara tidak langsung dapat membantu penerima kekal melepasi paras kemiskinan tegar agar kos sara hidup mereka mencukupi. Penyaluran secara bulanan membantu kestabilan dan perancangan harian mereka. • **Semakan Had Kifayah Asnaf** Di Malaysia, jika Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menggunakan kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai kayu ukur

BIL	AGENSI	PROGRAM
		kemiskinan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat pula Di Malaysia, jika Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menggunakan kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai kayu ukur kemiskinan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat pula menggunakan Had Al-Kifayah. Dengan itu, kajian Had Al-Kifayah perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan kadar Had Al-Kifayah sentiasa relevan dengan ekonomi semasa. Di negeri Pulau Pinang, Zakat MAINPP memainkan peranan penting dalam menentukan kelayakan pemohon zakat. Kaedah pengiraan Had Al-Kifayah adalah instrumen yang diguna pakai dalam penilaian permohonan zakat. Penentuan kaedah kelayakan perlulah diteliti dan perlu mempunyai satu sistem yang tersusun. Hasil pengiraan Had Al-Kifayah dapat memutuskan sama ada pemohon layak atau sebaliknya. Kajian dan penetapan semula Had Al-Kifayah amat diperlukan oleh Zakat MAINPP khususnya dalam menentukan kelayakan pemohon zakat dan disesuaikan dengan keperluan masa dan tempat agar ia terus kekal relevan dengan peningkatan kos sara hidup, jumlah pendapatan dan ekonomi semasa. Zakat MAINPP menetapkan semakan had kifayah asnaf mengikut situasi semasa sekurang-kurangnya setiap dua tahun. • **Agihan Zakat yang Lebih Bersasar dan Berkesan** Zakat MAINPP juga sentiasa menyokong agihan zakat yang lebih bersasar dan berkesan di mana pengagihan ditentukan berdasarkan keperluan semasa, rekod pemohon, dan semakan berkala. Semua ini perlu bagi memastikan agihan zakat terus relevan dan menepati golongan sasaran.

BIL	AGENSI	PROGRAM
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	• **Advokasi dan *Community Outreach*** JKM Pulau Pinang banyak melaksanakan program advokasi dan *Community Outreach* dalam kalangan masyarakat. Berikut antara program yang dijalankan oleh JKM Pulau Pinang: 1. Program Gotong-Royong di Rumah klien KBDR anjuran Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan JKM Daerah Barat Daya (20 Jun 2025) 2. Program Advokasi Pendaftaran Taska (6 Mei 2025) 3. Kempen Advokasi AOP dan mengedarkan risalah "Kempen Bijak Membantu Elak Tertipu" • **Insentif** JKM Pulau Pinang juga menyediakan pelbagai insentif kepada golongan yang kurang berkemampuan. Ia meliputi dua skim bantuan kewangan iaitu Skim Bantuan Am Negeri dan Skim Bantuan Persekutuan. 1. Skim Bantuan Am Negeri adalah tidak seragam di antara negeri-negeri. Di antara jenis-jenis bantuan yang diberikan ialah bantuan bulanan kepada warga tua, balu dan tanggungan, anak yatim miskin, OKU, tanggungan banduan, pusat tahanan dan pesakit. Bantuan sekaligus seperti Bantuan Sekolah, Bantuan Alat Tiruan / Sokongan, Bantuan Pemulihan Bencana dan Bantuan Segera bagi kes-kes terdampar atau kes-kes yang memerlukan bantuan serta merta. 2. Skim Bantuan Persekutuan pula seragam di seluruh negara. Jenis-jenis bantuan yang diberikan ialah bantuan bulanan seperti Bantuan Penyaraan Kanak-kanak, Bantuan Anak Pelihara, Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Am Persekutuan. Manakala bantuan sekaligus pula ialah Bantuan Geran Pelancaran, Bantuan Alat Tiruan / Sokongan dan Geran Pendidikan dan Latihan Kemahiran.
4.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	Melalui PERDA, terdapat Seksyen Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah Bahagian Pembangunan Insan yang mengendalikan program-

BIL	AGENSI	PROGRAM
		program yang memberi bantuan ekonomi dan perumahan di dalam kawasan PERDA. Antara program-program SPKR yang dijalankan: • **Program Peningkatan Pendapatan (PPP)** o Konsep program: Program ini menawarkan bantuan kewangan, aset, peralatan, latihan kemahiran dan khidmat pengurusan kepada golongan miskin tegar, miskin dan B40 bagi menjalankan projek ekonomi. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pendapatan, taraf hidup dan mengurangkan kemiskinan. o Komponen Bantuan: Setiap peserta layak menerima bantuan maksimum RM10,000 termasuk latihan bernilai hingga RM1,500. Kelayakan adalah melalui pendaftaran e-Kasih, pengesahan Focus Group atau kelulusan khas KPLB. • Misalnya, pada 5 Januari 2021, PERDA telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Program Sokongan dan Pengukuhan Usahawanan Luar Bandar (SPKLB). Seramai 28 orang usahawan yang lulus permohonan, menerima bantuan berupa mesin dan peralatan atau dinaik taraf premis, yang mana bantuan itu disampaikan menerusi dana daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar berjumlah RM393,910. Sehubungan dengan itu, pada hari tersebut, terdapat juga bantuan berupa geran sebanyak RM10,000 diberikan kepada peniaga kecil. • **Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)** o Konsep Program: Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk golongan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem e-Kasih atau SPKR, bagi mengikuti kursus latihan dan kemahiran asas. Keutamaan diberi kepada Ketua Isi Rumah

BIL	AGENSI	PROGRAM
		(KIR), ibu tunggal, ahli isi rumah yang menganggur serta suri rumah miskin tegar. ○ Komponen Bantuan: Bantuan merangkumi yuran pengajian, elaun, makan minum, dan tempat tinggal. Kadar bantuan bergantung kepada tempoh kursus, bermula dari RM1,500 (kurang seminggu) hingga RM15,000 (kursus SKM I/II). Latihan merangkumi bidang seperti pengurusan hotel dan operasi agihan air. • **Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)** ○ Objektif dan Skop Program: Program PPRT bertujuan meningkatkan kualiti hidup golongan miskin tegar dan miskin dengan menyediakan rumah baharu atau membaik pulih rumah sedia ada agar lebih selamat dan selesa. Skop bantuan meliputi kawasan luar bandar dan kawasan di bawah PERDA, dan terbahagi kepada dua kategori iaitu bina baharu (bagi yang tiada rumah atau rumah terlalu uzur) dan baik pulih (melibatkan penyelenggaraan, penambahbaikan, dan pembaikan asas rumah). ○ Kelayakan dan Syarat: Kumpulan sasar ialah Ketua Isi Rumah miskin tegar dan miskin yang berdaftar dalam e-Kasih atau diperaku oleh Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD), agensi kerajaan, atau Kementerian. Bagi bina baharu, pemohon mesti memiliki tanah sendiri atau kebenaran guna tanah. Bantuan baik pulih pula diberikan kepada mereka yang mempunyai rumah rosak tetapi masih ekonomik untuk dibaiki, dengan keutamaan kepada warga emas, OKU, ibu/bapa tunggal dan mangsa bencana kecil.

BIL	AGENSI	PROGRAM
		• **Skim Perumahan Rakyat Termiskin PERDA (SPRT)** ○ Latar Belakang dan Matlamat: SPRT PERDA ialah inisiatif penyediaan rumah mampu milik untuk golongan termiskin dan berpendapatan rendah di Pulau Pinang melalui kaedah sewaan atau sewaan dengan opsyen pemilikan (*rent to own*). Program ini selaras dengan fungsi PERDA untuk memajukan pembangunan tempat tinggal dalam kawasan operasinya di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Akta 282). ○ Kaedah dan Kelayakan: Terdapat dua kaedah: penyewaan biasa dan sewaan dengan opsyen pemilikan jika syarat dipenuhi tanpa tunggakan. Kriteria penyewa termasuk warganegara Bumiputera, bermastautin di Pulau Pinang sekurang-kurangnya 5 tahun, berpendapatan isi rumah RM750–RM1,500, berumur 21 tahun ke atas, sudah berkahwin dan tiada rumah. Keutamaan diberi kepada ibu tunggal, OKU, dan keluarga dengan sekurang-kurangnya dua tanggungan masih belajar. Dua lokasi projek utama ialah Taman Desa Rakyat Tok Alang (57 rumah) dan Perumahan Kuala Sungai Pinang (52 rumah).



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Pulau	• **Program Pemilikan Jentera Kecil & Sederhana (Geran Padanan Lembaga Pertubuhan Peladang LPP 70:30)** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian telah menyediakan bantuan geran padanan yang membantu dari segi pembelian jentera kecil yang mudah alih untuk Estet Padi PPK Seri Pulau Barat Daya. Geran ini mempunyai nisbah 70% dan 30% iaitu 70% daripada kos jentera dibayar oleh LPP dan baki 30% ditanggung oleh peserta geran dengan had pembelian sehingga RM20,000 dan RM25,000. Setakat ini, geran ini telah melibatkan 50 orang peserta bagi kawasan Barat Daya. Dengan adanya bantuan ini, dapat membantu para petani untuk membeli jentera pertanian yang moden. Sekaligus dapat membawa kepada penjagaan tanaman padi yang terbaik bagi kawasan Barat Daya. Perkara ini turut menyumbang kepada hasil padi yang maksimum, meningkatkan pendapatan petani dan dapat menampung makanan asas negara iaitu beras.



MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Kesihatan Daerah	• Pejabat Kesihatan Daerah sentiasa memantau kadar kematian perinatal, bayi baru lahir (neonatal), serta kanak-kanak di bawah 5 tahun, dengan tumpuan terhadap kematian perinatal dan kes *"still birth".* • Mereka juga menyediakan penjagaan antenatal komprehensif dan susulan selepas kelahiran sehingga bayi berusia 5 tahun melalui Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA), serta menyokong Program Imunisasi Kebangsaan (NIP) seperti imunisasi polio yang bertujuan untuk mencegah penyakit berjangkit dan mengurangkan kematian yang boleh dicegah. • Impaknya, melalui sistem pemantauan dan kawalan klinikal, kadar kematian perinatal dan neonatal berjaya dikurangkan. Sehubungan dengan itu juga, program imunisasi berterusan telah memainkan peranan penting dalam menurunkan penyakit berjangkit kebangsaan, termasuk usaha ke arah eliminasi polio dalam populasi kecil di peringkat daerah.



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	PERDA	• **Program Luar Bandar Celik STEM (2023)** Program Luar Bandar Celik STEM (2023) di bawah kawasan operasi PERDA merangkumi daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Rural Outreach STEM (PROSTEM) yang dijalankan pada tahun 2022.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Program Luar Bandar Celik STEM ini merangkumi tutorial, bengkel, kem STEM seperti Mighty STEM Tahun 6, PERDA Junior STEM Camp, Robotic Challenge dan lain-lain di sekolah luar bandar di bawah zon operasi PERDA. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan pendidikan sains dan matematik serta meningkatkan penguasaan teknologi dan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Sedikit sebanyak program ini turut membantu para pelajar meningkatkan keputusan dalam subjek STEM, memberi pendedahan dalam bidang teknologi dan TVET, mencerahkan peluang pelajar untuk membina kerjaya melalui TVET serta dapat memupuk minat pelajar dari sekolah rendah bagi menceburi bidang STEM.
2.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	• **Program *"Urban Farming"*** MBPP mewujudkan peluang pekerjaan kepada warga emas melalui program *urban farming* yang menumpukan kepada penduduk setempat dan pesara warga emas. Ilmu berkaitan tanaman atau agrikultur dan perikanan disalurkan dengan praktikal oleh para pelatih yang profesional. Selain daripada dapat menjana ekonomi warga emas, program seperti *urban farming* ini juga penting sebagai aktiviti mengisi masa lapang bagi warga emas dan pesara melalui latihan dan kursus tentang penjagaan tanaman. Dengan menyertakan ilmu agrikultur dan akuaponik juga, ia membantu mereka kekal aktif dan mengurangkan tekanan selepas bersara sekaligus meningkatkan produktiviti serta kesejahteraan mental dan ekonomi mereka.



MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER DAN MEMPERKASA SEMUA GOLONGAN WANITA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Barat Daya	JBS Daerah Barat Daya melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkasakan penyertaan golongan wanita secara menyeluruh dalam aktiviti sukan, selaras dengan objektif Pelan Tindakan Wanita dalam Sukan 2021-2025. Antara inisiatif tersebut adalah; • **Program *Women Sports Challenge (WSC)*** Program ini dilancarkan oleh Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara pada 4–5 Jun 2022, dengan kerjasama persatuan sukan terutama bola jaring, futsal dan bola tampar. Matlamat utama program ini adalah bagi meningkatkan penglibatan dan penyertaan wanita dalam sukan, sejajar dengan Pelan Tindakan Wanita dalam Sukan yang dimulakan pada tahun 2021. Program ini juga merupakan antara acara tahunan peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara. Misalnya pada tahun 2024, program ini diadakan pada 26 Ogos 2024. Manakala pada tahun 2025 ini pula, program ini dijalankan pada 16-18 Mei 2025 yang lalu di mana terdapat tiga acara yang dipertandingkan iaitu bola jaring, bola baling dan bola keranjang. • **Program Cabaran Wanita Waja: Takluk Gunung** Sepertimana Program *Women Sports Challenge (WSC),* program Cabaran Wanita Waja: Takluk Gunung ini juga merupakan acara tahunan peringkat kebangsaan anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Pada tahun 2024, program ini dijalankan sebanyak tiga siri seperti tarikh dan tempat yang berikut: 1. Siri 1: 9 - 10 Ogos 2024 (Gunung Ulu Semangkok, Kuala Kubu Bharu, Selangor) 2. Siri 2: 31 Ogos – 1 September 2024 (Gunung Ledang, Tangkak) 3. Siri 3: 11 – 12 September 2024 (Gunung Irau, Cameron Highlands) Ketiga-tiga siri ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para belia wanita di seluruh Malaysia. • **Advokasi Kod Sukan Selamat** Jabatan Belia dan Sukan juga turut melaksanakan Advokasi Kod Sukan Selamat Peringkat Negeri Pulau Pinang. Misalnya, pada tahun 2024, program ini dijalankan pada 14 September 2024 di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas. Advokasi seperti ini penting bagi menghapuskan segala bentuk gangguan, penderaan dan keganasan dalam sukan yang boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal atlet.

P2-Prosperity / Kemakmuran



MEMASTIKAN AKSES KEPADA TENAGA MAMPU MILIK, BOLEH DIPERCAYAI, LESTARI DAN MODEN UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	MARA	• **Program ProPower** MARA melalui inisiatif ProPower (Teknousahawan bidang teknikal elektrik termasuk pemasangan solar) telah dilancarkan bagi memperkasakan usahawan Bumiputera dalam sektor elektrik dan solar.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Usahawan yang menyertai program ProPower akan membuka premis perniagaan berkonsep dalam bidang elektrik dan juga memberi perkhidmatan elektrikal secara bergerak. Jenama ini membawa maksud 'Profesional (Pro) dalam Perkhidmatan Tenaga (Power)' dan ia satu konsep perniagaan yang standard. Diyakini ProPower dapat memberi imej yang baik dan sinonim dengan penjenamaan bidang teknikal oleh MARA. • **Program ProSolar (Program Pembangunan Usahawan Teknikal Solar)** Majlis Amanah Rakyat (MARA) melancarkan program pembangunan usahawan dalam industri tenaga boleh diperbaharui solar iaitu ProSolar. ProSolar merupakan program pembangunan usahawan secara berstruktur yang memberi pendedahan kepada potensi industri, latihan dan bimbingan daripada pemain industri untuk mempercepatkan kejayaan usahawan dalam bidang ini. Antara pemain industri yang menjadi rakan strategik bagi industri ini adalah Gading Kencana Sdn Bhd dan GSPARX Sdn Bhd. Peserta terpilih akan ditempatkan di Gading Kencana Sdn Bhd untuk menjalani latihan praktikal pemasangan panel solar di projek yang ditentukan oleh pihak Gading Kencana Sdn Bhd. MoU yang ditandatangani antara Mara bersama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut mendapat kerjasama dengan pihak GSPARX Sdn Bhd bagi pemasangan panel solar di bangunan institusi pendidikan Mara yang akan dilaksana oleh usahawan ProSolar. Melalui program ini juga, MARA akan melahirkan lebih ramai usahawan *Registered Photovoltaic Services Provider (RPVSP)* yang tersedia dengan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		pentauliahan daripada SEDA, pengetahuan tentang pemasangan solar, alatan kelengkapan dan juga pembiayaan yang akan disediakan oleh MARA untuk mereka terlibat dalam pemasangan solar bagi sektor industri, kerajaan dan rumah kediaman.



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN MAMPAN, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	MARA	MARA menjalankan pelbagai inisiatif dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam kalangan masyarakat. MARA melalui *Business & Professional Unit (BPU)* dan ProSPEC menawarkan latihan berstruktur yang meliputi seminar, bengkel perniagaan dan praktikal dalam industri. Tambahan pula, MARA turut menjalankan program berbentuk bimbingan dari segi "*mentoring* perniagaan" berkenaan operasi harian perniagaan. Selain bimbingan, bantuan kewangan turut diberikan oleh MARA bagi membantu bumiputera dalam meningkatkan tahap ekonomi mereka. Berikut merupakan antara inisiatif MARA: • **U.n.i Klinik (You & I Klinik)** Program ini dijalankan sejak 2018 di bawah inisiatif ProSPEC MARA untuk melahirkan usahawan profesional daripada kalangan doktor Malaysia. Sebagai contoh, U.n.i Klinik Bertam, Kepala Batas mula beroperasi sejak 31 Mac 2019 dan dibina melalui latihan semula ProSPEC, diikuti pembiayaan sehingga RM300,000 untuk membangunkan klinik sendiri. Di peringkat kebangsaan, terdapat 18 klinik awal dan sasaran ditingkatkan kepada 40 klinik menjelang akhir 2020. Sehubungan dengan itu, U.n.i Klinik ini bukan sahaja dibuka di kawasan bandar, namun ia turut

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		dibuka di kawasan luar bandar seperti di Kuala Ketil, Merlimau, dan Bukit Katil. Konsep U.n.i Klinik juga adalah selari dengan misi dan visi Majlis Amanah Rakyat (MARA), iaitu turut menyokong pembangunan ekonomi luar bandar, dengan menyediakan perkhidmatan perubatan yang berpatutan untuk masyarakat di kawasan tersebut. • **U.n.i Farmasi** Melalui Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) ini juga, U.n.i Farmasi juga telah ditubuhkan pada Julai 2020 dengan permulaan penglibatan 10 peserta/usahawan dalam bidang farmasi yang terdiri daripada pelajar lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMA) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam serta Swasta (IPTA/IPTS) khususnya pelajar tajaan MARA. Setakat 2021, U.n.i Farmasi telah mencapai nilai jualan yang memberangsangkan mencecah RM4.6 juta serta membuka sebanyak 50 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. • **U.n.i Dental** U.n.i Dental turut ditubuhkan melalui ProSPEC MARA sejak 2021, bertujuan memperkasakan usahawan pergigian Bumiputera sekaligus menggalakkan graduan IPMA, IPTA, IPTS khususnya pelajar tajaan MARA menceburi bidang perniagaan dalam bidang profesional. Selain daripada U.n.i Klinik, U.n.i Farmasi dan U.n.i Dental, pada tahun 2025 ini, MARA turut mensasarkan penubuhan hospital bagi memperkukuh ekosistem bumiputera dalam sektor perubatan.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
2.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Barat Daya	• **Rakan Mahir: Skills for Life @ Parlimen** Program ini merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang menawarkan Latihan Kemahiran Asas kepada belia setempat di setiap parlimen melalui kursus jangka pendek seperti seperti penyelenggaraan penghawa dingin, motosikal, memasak, gunting rambut dan kemahiran bahasa/komunikasi. Sedikit sebanyak program ini dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui kursus atau kemahiran yang dipelajari sekaligus membantu mengurangkan kos sara hidup. Misalnya pada 10 November 2024, Pejabat Belia dan Sukan Barat Daya telah menjalankan program Rakan Mahir: Skills for Life @ Parlimen Balik Pulau peringkat Daerah Barat Daya. Program ini dijalankan bagi mempelajari teknik guntingan rambut asas dan para peserta berpeluang untuk menjana pendapatan sebagai seorang "barber".



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)	• **Rumah Mampu Milik** LPNPP menyasarkan untuk menyediakan sebanyak 220,000 unit rumah mampu milik menjelang 2030. Sepuluh peratus daripada jumlah ini iaitu 22,000 unit disalurkan melalui kaedah sewa beli di bawah Skim Sewa Beli *(Rent-to-Own).* Kini setakat 2025, LPNPP telah menyediakan sebanyak 163,310 unit rumah mampu milik yang bersamaan dengan 74.23% daripada sasaran. Bagi rumah sewa beli pula, setakat ini, sebanyak 4,544 unit telah disediakan yang bersamaan dengan 20.65% daripada jumlah sasaran.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Projek Penjenamaan Semula Bandar / *Urban Regeneration* (URC)** Di bawah projek ini, sebanyak 3,000 keluarga disasarkan menikmati faedah daripada projek URC. Pencapaian semasa bagi projek ini adalah sebanyak 6,021 unit rumah telah disediakan di mana ia telah melebihi jumlah sasaran iaitu sebanyak 200.70% daripada sasaran awal. Dengan itu, jelaslah bahawa LPNPP perlu menyediakan satu skim pinjaman perumahan oleh Kerajaan atau sebarang skim bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan tidak mempunyai jaminan perbelanjaan seperti nelayan, petani dan lain-lain. Ini boleh membantu mereka untuk mendapatkan rumah sendiri. Inisiatif ini juga dapat memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah yang mempunyai masalah untuk mendapatkan pinjaman bank dan sebagainya.
2.	JPS Barat Daya	• **Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Daerah Barat Daya** Daerah Barat Daya telah di-*highlight* sebagai salah satu kawasan dengan 26 '*hotspot* banjir' dan 14 kawasan berisiko banjir, berdasarkan rekod 2022 oleh JPS Pulau Pinang. Enam projek besar RTB sedang dan telah dilaksanakan di daerah ini, dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM69.8 juta. Tiga telah siap sepenuhnya, satu sedang dalam pembinaan dan dua dalam pra-tender. 1. RTB Taman Iping (Sungai Nipah) – pembinaan rumah pam yang lengkap dengan dua rumah pam yang dapat menampung sehingga 2,000 orang penduduk. Projek ini telah siap pada Jun 2022. 2. RTB Bayan Baru – projek ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang sebagai agensi pelaksana. Projek ini merangkumi pembinaan sistem saliran,

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		culvert dan longkang. Projek ini telah siap pada tahun 2022. 3. RTB Teluk Kumbar – projek ini telah siap hampir 95%. 4. RTB Pondok Upeh / Sg. Burong - projek ini dalam fasa reka bentuk. 5. RTB Teluk Bahang – projek ini dalam fasa pembinaan. Semua projek ini dijalankan bagi mengurangkan banjir di kawasan perumahan, bandar dan kampung terutamanya di lokasi berisiko tinggi.

P3-Planet / Planet



MEMASTIKAN KETERSEDIAAN DAN KELESTARIAN PENGURUSAN AIR DAN SANITASI UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya (PDTBD)	• Gerai di bawah seliaan PDTBD akan dipasang perangkap lemak (*grease trap*) bagi memerangkap sisa minyak dan lemak sebelum air dibuang ke longkang atau sungai. Langkah ini penting untuk mencegah sumbatan sistem saliran, mengurangkan pencemaran air dan menjaga ekosistem sungai. • *Septic tank* di bangunan kerajaan bawah PDTBD akan dinaiktaraf atau diselenggara menurut piawaian semasa. Penyelenggaraan akan dijalankan oleh IWK (Indah Water Konsortium Sdn Bhd) secara berkala setiap 2 tahun sekali, selaras dengan keperluan perundangan iaitu pembersihan tangki septik wajib 24 bulan sekali. • IWK menyediakan perkhidmatan *desludging* (kosongkan lumpur) bagi *septic tank* secara percuma atau melalui jadual tahunan, setiap 2 tahun bagi premis dalam kawasan PBT seperti Pulau Pinang. Tanggungjawab ini adalah wajib di bawah *Water*

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Services Industry Act 2006, dengan penalti sehingga RM50,000 jika gagal. • Penyelenggaraan seperti ini dapat meningkatkan kebersihan dan mengurangkan pencemaran atau penyakit seperti keracunan makanan. Bahkan pencemaran berkaitan air tidak dirawat dilepaskan terus ke sungai juga dapat dikurangkan, sekaligus meminimumkan wabak penyakit ketika banjir.



MEMASTIKAN CORAK PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN YANG MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	• **Kempen *Bring Your Own Container* (BYOC) dan *Bring Your Own Beg* (BYOB)** MBPP memperkenalkan kempen *Bring Your Own Container (BYOC)* dan *Bring Your Own Beg (BYOB)* untuk menggalakkan orang ramai membawa *container* makanan dan beg masing-masing ketika di luar atau di mana-mana sahaja. Misalnya pada 29 Mac 2025, telah berlangsung Majlis Perasmian Kempen *Bring Your Own Container*" yang bertempat di Fisherman Wharf, Bandar Sungai Pinang. Kempen BYOC dan BYOB ini dapat mengurangkan sisa-sisa buangan yang tidak dapat dilupuskan. Sekaligus dapat mengurangkan pelepasan ke udara, mencegah kesan buruk kepada alam sekitar dan juga kesihatan manusia.



MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DAN KESANNYA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya	• Kerajaan negeri Pulau Pinang melalui Yayasan TYT telah melantik Pejabat Daerah dan Tanah sebagai Penyelaras Daerah untuk Program Penanaman Sejuta Pokok pada tahun 2024. Antara spesis pokok

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		yang ditanam termasuklah ciku, durian, mangga, mulberi, buah melaka, manggis dan pokok bunga kertas. • Program ini dilancarkan bertepatan dengan sambutan Hari Bumi yang disambut pada 22 April 2024. Sasaran untuk penanaman sejuta pokok telah dicapai pada hari tersebut di seluruh Pulau Pinang dan keadaan kawasan tanaman dapat dilihat lebih hijau. Sehubungan dengan ini, penduduk Pulau Pinang juga hidup dalam keadaan yang lebih lestari. • Program ini bertujuan untuk mengurangkan pembalakan hutan, memelihara biodiversiti, mencapai sasaran pembangunan mampan negeri, serta dapat meminimumkan kesan perubahan iklim. Tambahan pula, usaha ini juga adalah selaras dengan pematuhan kepada kehendak Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 11) demi masa depan negara yang lebih lestari.



MEMULIHARA DAN MENGGUNAKAN SUMBER LAUTAN, LAUT DAN MARIN SECARA LESTARI UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Perikanan	• **Pelepasan Benih Ikan** Jabatan Perikanan secara berkala melepaskan benih ikan ke laut dan kolam tambak untuk menambah stok perikanan dan menyokong kelestarian sumber laut. Ini membantu pulihkan populasi ikan demersal dan menyokong mata pencarian nelayan pantai. • **Penghapusan Pukat Tunda Zon B** Jabatan Perikanan Malaysia memperkenalkan tukun tiruan yang dilabuhkan untuk menghalang aktiviti pukat tunda di Zon B, seterusnya melindungi kawasan pesisir dan nelayan kecil.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Pelepasan Tukun Tiruan** Jabatan Perikanan telah melabuhkan tukun tiruan jenis kuboid juvenil atau asas lembut di perairan beberapa negeri, termasuk Pulau Pinang, sebagai usaha konservasi sumber perikanan. • **Menambah Sumber Perikanan** Projek tukun tiruan menghasilkan kesan limpahan (*spill-over*) di mana ikan bermigrasi dari tukun ke kawasan penangkapan terdekat dan meningkatkan hasil tangkapan nelayan pesisir tradisional kecil. • **Penguatkuasaan yang lebih tegas bagi bot komersial dalam Zon B** Penempatan tukun tiruan TDL-AT juga bertindak sebagai *barrier* fizikal terhadap bot pukat tunda komersial yang menyulitkan operasi mereka di Zon B yang sepatutnya dikhaskan untuk nelayan tradisional. Ini memainkan peranan penguatkuasaan alternatif berkesan di mana bot besar sukar berlayar atau menangkap ikan di dalam kawasan tukun.



MELINDUNGI, MEMULIHKAN DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN LESTARI EKOSISTEM DARATAN, MENGURUSKAN HUTAN SECARA LESTARI, MEMBANTERAS PENGGURUNAN, MENGHENTIKAN DAN MEMULIHKAN KEMEROSOTAN TANAH DAN SERTA MENGHENTIKAN KEHILANGAN BIODIVERSITI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	• **Penternakan Bersepadu Mesra Alam di Kawasan Tanah Tinggi** Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjalankan program penternakan bersepadu mesra alam di kawasan tanah tinggi. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pertanian lestari dan penternakan mesra alam.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Sehubungan dengan itu, program ini juga dapat mengurangkan impak terhadap alam sekitar seperti hakisan tanah, pencemaran sumber air, dan kemerosotan biodiversiti di mana ia menyokong ekosistem tanah tinggi dan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS).

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Polis Diraja Malaysia	• **Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS)** PPS adalah wakil rasmi PDRM di setiap sekolah rendah dan menengah, dilantik untuk memberi nasihat pencegahan jenayah, membina kesedaran undang-undang dan memupuk tanggungjawab sivik dalam kalangan pelajar. PPS diwajibkan melakukan lawatan ke sekolah sekurang-kurangnya sekali sebulan, bukan sekadar semasa perhimpunan, tetapi turut mengambil bahagian dalam mesyuarat PIBG, sesi kaunseling, serta aktiviti kelab Pencegahan Jenayah atau Kor Kadet Polis. • **Ceramah Kesedaran** PPS dan PDRM mengendalikan ceramah kesedaran di sekolah rendah dan menengah mengenai penderaan kanak-kanak, jenayah seksual, buli, dadah, serta keselamatan umum. Ceramah ini melibatkan topik seperti saluran aduan jika pelajar

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		menjadi mangsa, tanda penderaan, dan pencegahan jenayah seksual. Sesi ini menyediakan ruang interaktif untuk pelajar bertanya dan mendapat panduan tentang bagaimana melaporkan kejadian jenayah atau pencabulan dengan selamat.

Nota
** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*
** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu Oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;

Pelancongan:


- Menjenamakan Durian Balik Pulau
- Menaiktaraf fasiliti asas di kawasan tumpuan pelancong
- Mempergiat aktiviti promosi terhadap daya tarikan Balik Pulau

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan



Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Potensi Agro dan Eko Pelancongan yang Tidak Optimum

Berikut merupakan solusi yang dicadangkan oleh wakil-wakil agensi kerajaan sewaktu perbincangan dijalankan. Penyelesaian yang dicadangkan ialah mewujudkan **Hub Industri** untuk **aktiviti pelancongan** dan **pertanian**. Rujuk jadual dibawah untuk penjelasan terperinci.

Pelancongan

Balik Pulau berpotensi untuk menjadi pusat agro dan eko pelancongan yang dapat menarik lebih ramai pelancong menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026. Hal ini kerana, Balik Pulau mempunyai pelbagai daya tarikan seperti durian Balik Pulau yang umumnya kini telah dikenali ramai. Dalam menjadikan Balik Pulau sebagai pusat pelancongan antarabangsa, semua pihak perlulah saling berganding bahu dalam melaksanakan pelbagai inisiatif.

CABARAN PENYELESAIAN	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN	AGENSI TERLIBAT
CADANGAN: TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026 Memperkenalkan durian Balik Pulau dalam tahun melawat Malaysia 2026.		
Harga Durian yang Mahal Kawalan harga durian di luar kemampuan penduduk tempatan menyebabkan mereka sendiri tidak dapat membeli dan menikmati durian Balik Pulau. Kebanyakannya harga durian RM25 ke atas. Kemenjadian buah durian berbeza setiap tahun. Ada kalanya kemenjadian buah durian banyak dan ada kalanya sedikit. Apabila kemenjadian buah durian sedikit, ia menyebabkan harga durian Balik Pulau di pasaran semakin meningkat.	**Menghasilkan Produk Hiliran** Pengusaha durian juga boleh menghasilkan produk hiliran daripada durian Balik Pulau. Produk hiliran ini dihasilkan dalam mengatasi masalah kemenjadian buah durian yang sedikit dan menyelamatkan buah durian yang hampir rosak. Contoh produk hiliran daripada durian adalah membuat tempoyak dan aiskrim daripada durian. Aiskrim durian yang dihasilkan turut di eksport ke luar negara.	• Pertanian • Tourism Malaysia • Giat MARA • Exco Pelancongan Negeri • FAMA • MOTAC Pulau Pinang • PDT Pulau Pinang • Persatuan Homestay • MBPP (PBT) • JKR • Penang Global

CABARAN PENYELESAIAN	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN	AGENSI TERLIBAT
Tambahan pula, musim durian hanya pada bulan Mei sehingga Disember sahaja).		• Tourism • Tourism Malaysia • Jabatan Pertanian • Kementerian Belia dan Sukan
Kurang Promosi Kurangnya promosi bagi menjenamakan durian Balik Pulau.	Antara kaedah promosi yang dicadangkan oleh pelbagai agensi adalah: • **Pesta Durian** Mengadakan pesta durian di Balik Pulau sebagai acara tahunan. Dalam pesta tersebut, anjurkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan buah durian dan memasak makanan berasaskan durian. • ***Sport Tourism*** Pejabat Parlimen Balik Pulau bersama Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang telah menganjurkan program *'Duri Run Marathon'* pada 6 Julai 2025. Melalui program ini, peserta yang hadir akan berlari sebanyak 5km, 10km, 21km terlebih dahulu sebelum memakan durian. Program ini dijalankan di Kompleks Sukan Balik Pulau dengan tujuan untuk mempromosikan durian Balik Pulau.	

CABARAN PENYELESAIAN	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN	AGENSI TERLIBAT
	• **Media Sosial** Mempromosikan durian Balik Pulau di media sosial melalui popularititi pempengaruh (*influencer)*. Promosi tersebut bukan hanya sekadar membuat video *'review'* durian sahaja, namun video petunjuk untuk ke tempat membeli dan makan durian seperti dusun durian juga perlu dimuat naik melalui media sosial. Misalnya, mempromosikan durian Balik Pulau melalui Tiktok 'Laparpo'.	
Kebolehcapaian ke Dusun Durian Kebolehcapaian ke Dusun Durian adalah terhad. Hanya terdapat 3 jalan raya sahaja menuju ke Balik Pulau. Tambahan pula, ketiga-tiga jalan raya tersebut berbukit bukau dan tidak wujudnya pengangkutan awam seperti bas menuju ke Balik Pulau. Perkara ini juga menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut ketika menjelang musim durian.	Penambahbaikan infrastruktur jalan raya perlu dilaksanakan dengan meluaskan laluan jalan raya dan jalan simen menuju ke Balik Pulau dan dusun durian. Jalan raya yang baik sangat penting kerana kini, ramai pelancong yang inginkan *vibes* makan durian di dusun.	

CABARAN PENYELESAIAN	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN	AGENSI TERLIBAT
Bahkan, jalan yang ada ke kawasan dusun durian hanyalah jalan simen sahaja.		
Fasiliti Asas Kekurangan fasiliti asas di kawasan tumpuan pelancong amat ketara. Fasiliti penting seperti tempat makan dan tandas awam kurang. Malah, infrastruktur penginapan juga sangat terhad; hotel langsung tidak ada, manakala homestay yang sedia ada adalah terlalu sedikit dan tidak mencukupi untuk menampung permintaan. Tambahan itu, walaupun terdapat tiga buah homestay di Teluk Bahang dan Pulau Betong, usaha promosi terhadap homestay-homestay ini adalah lemah dan tidak konsisten sejak tahun 2006. Kelemahan ini menyukarkan homestay-homestay tersebut untuk dikenali dan mencapai potensi sepenuhnya. Malah, Balik Pulau turut berdepan kekangan ketersediaan klinik swasta yang rendah. Bahkan, hospital swasta juga tidak ada di Balik Pulau. Apabila kegiatan eko dan agro pelancongan di Balik Pulau diperkasakan, fasiliti kesihatan di Balik Pulau juga	Menyediakan fasiliti asas yang selesa di persekitaran kawasan tumpuan durian seperti tandas dan tempat makan. Membina hotel dan menambah jumlah homestay di sekitar kawasan tumpuan durian agar para pelancong boleh menginap di Balik Pulau dan menikmati suasana dusun. Perlunya kolaborasi antara pelbagai agensi dalam membina hotel dan *homestay.* Contohnya, MOTAC berkolaborasi dengan Airbnb. Mempergiat promosi *homestay* yang terdapat di Teluk Bahang dan Pulau Betong melalui media sosial dan sebagainya. Inisiatif kerajaan adalah perlu dalam menambah jumlah *homestay* yang ada. Menaik taraf dan menambah fasiliti dan servis kesihatan di Balik Pulau bagi menampung sebarang kebarangkalian buruk akibat kemasukan ramai pelancong dari segi kesihatan am dan penyebaran wabak penyakit.	

CABARAN PENYELESAIAN	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN	AGENSI TERLIBAT
perlu ditambah dan dinaik taraf kerana ia penting dalam menjamin kesejahteraan kesihatan penduduk tempatan dan pelancong yang datang daripada pelbagai keadaan kesihatan terutamanya pelancong daripada luar negara.		
Eksport Durian Balik Pulau Terdapat pengusaha yang mengeksport durian Balik Pulau ke China. Pengusaha-pengusaha tersebut menjual durian Balik Pulau pada harga yang tinggi di China. Disebabkan oleh permintaan luar negara yang tinggi, penduduk tempatan sukar untuk mendapatkan stok durian pada harga yang rendah dan berpatutan.	***Duty Export*** Mengenakan *duty export* kepada pengusaha durian yang mengeksport durian ke China. Hasil *duty export* tersebut diberikan kepada kerajaan bagi menubuhkan satu jawatankuasa seperti Majlis Pembangunan Eko Pelancongan Durian Balik Pulau. Hasil dapatan *duty export* tersebut juga boleh digunakan untuk menaik taraf fasiliti di kawasan tumpuan dusun durian Balik Pulau. Misalnya, pembaikan jalan raya dan pembinaan *homestay.*	
Ketiadaan Agensi Utama untuk Menyelia Tiada agensi utama sebagai peneraju untuk menggerakkan agensi-agensi yang berkaitan bagi memperkasakan agro dan eko pelancongan di Balik Pulau.	Mewujudkan *'Lead Agency'* yang bertanggungjawab untuk memperkasakan agro dan eko pelancongan di Balik Pulau. Ini kerana, usaha untuk menjadikan durian Balik Pulau sebagai Ikon Pulau Pinang dan Balik Pulau lebih mudah jika terdapat sebuah agensi yang telah jelas skop kerja mereka sebagai peneraju dan penggerak agensi lain dalam menjalankan kerjasama.	

CABARAN PENYELESAIAN	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN	AGENSI TERLIBAT
	Lead agency yang ditubuhkan juga perlu mempunyai KPI tahunan yang jelas untuk dicapai agar gerak kerja dalam memperkasakan eko dan agro pelancongan di Balik Pulau juga lebih jelas. Antara agensi yang berpotensi menjadi *lead agency* adalah Pejabat Daerah dan Tanah di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala di peringkat negeri, *Penang Global Tourism* berpotensi menjadi *lead agency.*	

Fakta Tambahan

Perbincangan yang dijalankan bersama pihak agensi adalah berfokuskan kepada kaedah mempromosikan dan menjenamakan Durian Balik Pulau sebagai ikon Balik Pulau dan Pulau Pinang. Namun demikian, menurut wakil-wakil agensi yang hadir, selain daripada durian, Balik Pulau mempunyai daya tarikan lain yang boleh diketengahkan untuk memperkasakan agro dan eko pelancongan di Balik Pulau. Antaranya adalah:

1. Sports Tourism

- ***Bukit Genting Trail Challenge* @ Ramadan 2025**

  Pada 8 Mac 2025, program *Bukit Genting Trail Challenge* telah dijalankan di Kem White Resort, Kampung Genting, Balik Pulau. Program ini mendapat sambutan dan maklum balas yang baik dengan penyertaan lebih daripada 300 orang daripada pelbagai negeri di seluruh Malaysia termasuklah Perak, Kedah dan Perlis. Peserta yang mendaki melalui program ini dapat menikmati pemandangan indah Balik Pulau daripada Bukit Genting. Program ini secara tidak langsung dapat menarik ramai pendaki bukan tempatan ke Balik Pulau, sekaligus meningkatkan profil daerah Balik Pulau sebagai destinasi *eco-sport tourism.*

- **Program Kayuhan Santai *Sunset Boulevard Ride* di Pantai Malindo Balik Pulau, Pulau Pinang**

  Dalam program ini, para peserta akan santai berbasikal dari Kompleks Sukan Balik Pulau ke Pantai Malindo bagi menyaksikan matahari terbenam. Program kayuhan santai ini telah dihadiri seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan MBPP, Kelab Berbasikal Pulau Pinang dan peminat sukan berbasikal yang tinggal

di Balik Pulau. Sepanjang kayuhan, para peserta dapat menyaksikan keindahan dan kehijauan kawasan kampung serta melihat matahari terbenam di Pantai Malindo.

- **Sukan komuniti**
  Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan program sukan komuniti tahunan yang berkonsepkan tradisional. Pada tahun 2025, program ini dilaksanakan pada 28 Jun (Sabtu) di perkarangan Masjid Kampung Perlis Balik Pulau yang dikendalikan oleh JBS Barat Daya. Pelbagai jenis sukan yang dipertandingkan melalui program ini seperti;
  1. Sarong Netball Shoutout
  2. Senamrobik Tradisional
  3. Pelikat 3on3 Street Soccer
  4. Bola Tampaq Bendang
  5. Sukaneka Kanak-kanak

Selain daripada itu, terdapat juga sukan rakyat dan *Padi Run* yang dijalankan di kawasan sawah padi. Program-program kesukanan seperti ini dapat memperkenalkan sukan tradisional dan budaya masyarakat tempatan kepada pelancong daripada luar negara. Bahkan, terdapat juga sukan ATV di mana para pengunjung di Balik Pulau boleh merasai pengalaman menunggang ATV sambil menikmati keindahan sawah padi, kebun buah-buahan, kolam ikan air tawar, kolam udang, paya bakau dan Pantai Malindo. Mereka juga boleh belajar menunggang kuda dan memanah melalui pelbagai pilihan pakej di bawah *Penang ATV Eco Tour-Balik Pulau.* Tambahan pula, inisiatif ini sejajar dengan matlamat Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (2023-2030) dalam menaik taraf Balik Pulau sebagai hab pelancongan yang mengekalkan warisan Melayu dan kelestarian alam.

2. Makanan

- **Festival Makanan**
  Selain daripada pelancongan sukan, Balik Pulau turut mempunyai daya tarikan dari segi variasi makanan. Misalnya, Pulau Pinang sendiri mempunyai acara festival makanan antarabangsa tahunan. Pada tahun 2024, festival ini mendapat sambutan yang hangat sehingga mencecah lebih 100 ribu orang pengunjung dengan 100 buah gerai makanan daripada pelbagai negara seperti China, Thailand, Indonesia dan Timur Tengah. Bahkan, pada tahun 2025 ini, *Penang Gourmet Festival* telah dianjurkan di Angsana Teluk Bahang pada 29 April 2025. Festival ini diadakan bersempena kempen tahun melawat Malaysia pada tahun 2026 dengan penyertaan daripada pelbagai negara seperti India, Perancis, Taiwan, China dan beberapa negara *Asean* yang lain.

Dalam pada itu, terdapat beberapa wakil agensi yang hadir mencadangkan untuk melaksanakan *food trail* di sekitar kawasan Balik Pulau. Mereka mencadangkan untuk melaksanakan pemetaan di tempat-tempat menarik dan tempat makan yang sedap di sekitar Balik Pulau. Perkara ini penting dalam memperkenalkan makanan ikon Balik Pulau seperti laksa janggus kepada masyarakat luar Balik Pulau dan pelancong daripada luar negara.

Kesimpulannya, dengan penjenamaan durian Balik Pulau, penyediaan fasiliti asas yang selesa dan mencukupi, adanya makanan tradisi yang unik dan bervariasi, serta penganjuran sukan pelancongan yang menerapkan budaya tradisional, dilengkapi alam semula jadi yang memukau, Balik Pulau berpotensi menjadi hab pelancongan di Pulau Pinang. Semua kelebihan ini akan dapat menjadikan Balik Pulau sebagai pusat agro dan eko pelancongan yang terkenal di Malaysia apabila wujudnya usaha sama antara pelbagai agensi, pengusaha dan juga semua komuniti tempatan. Oleh itu, bagi memudahkan usaha sama ini dilaksana, sebuah agensi peneraju perlu diwujudkan dalam menjadi agen penggerak.

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Balik Pulau memiliki potensi besar untuk dibangunkan sebagai hab ekonomi berasaskan pelancongan, sekaligus menangani isu kritikal seperti pengangguran belia dan penyalahgunaan dadah. Dengan aset semula jadi seperti durian Balik Pulau dan Pantai Malindo, serta makanan tempatan (laksa janggus), daerah ini berupaya menjadi destinasi pelancongan yang unik di Utara Semenanjung Malaysia.

Kejayaan eksport Durian Balik Pulau sehingga ke China pada harga pasaran yang tinggi membuktikan ia berpotensi tinggi untuk dijenamakan dan dijadikan sebagai ikon Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi apabila para pengusaha berjaya menarik pelancong untuk merasai suasana makan durian di dusun dengan keindahan semula jadi. Begitu juga dengan daya tarikan lain di Balik Pulau yang memerlukan sokongan dari segi promosi berpotensi mengangkat nama Balik Pulau di persada antarabangsa. Untuk merealisasikan hasrat ini, langkah berikut perlu diutamakan:

- **Pelantikan Agensi Peneraju** – Agensi ini bertindak sebagai penggerak utama untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelancongan di Balik Pulau. Agensi ini juga perlu mewujudkan semangat kebersamaan antara pelbagai agensi dan mempunyai KPI tahunan yang jelas sejajar dengan matlamat penubuhannya.
- **Penubuhan Persatuan Pelancongan Balik Pulau** – Belia berperanan besar dalam menggerakkan inisiatif ini kerana mereka mempunyai lebih banyak tenaga.
- **Kerjasama Rentas Sektor** – Melibatkan pelbagai agensi seperti *Tourism Malaysia, Penang Global Tourism*, Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat swasta dan belia tempatan dalam usaha untuk mempergiatkan aktiviti pelancongan ini.

Dengan komitmen semua pihak, Balik Pulau berpotensi menjadi destinasi pelancongan tambahan di Pulau Pinang, sekaligus mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, memulihara warisan dan mengukuhkan ekonomi tempatan.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.056 Larut

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 141

Objektif 143

Kaedah Pelaksanaan 144

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 144

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 145

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 146

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Larut 147

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 147

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 149

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 160

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 178



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Larut telah berjaya dilaksanakan pada 25 September (Khamis) bertempat di Grand Baron Hotel, Taiping.

Seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Larut Matang dan Selama. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Selama
2.	Majlis Perbandaran Taiping
3.	Majlis Daerah Selama
4.	Jabatan Kerja Raya Taiping
5.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
6.	TEKUN Nasional
7.	GIATMARA LARUT
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran Larut, Matang dan Selama
9.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
10.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Selama
11.	Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang
12.	Pejabat Pertanian Daerah Larut, Matang dan Selama
13.	RISDA - Lembaga Kemajuan Perusahaan Getah
14.	Pejabat Penghulu Mukim Hulu Ijok
15.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
16.	Perak Investment Management Centre

Program ini telah dikendalikan oleh 6 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr Thanaraj Murudi
Penyelaras Zon Utara &
Ketua Penyelidik
Parlimen Lumut



James Raj
Pemangku
Timbalan Pengarah Eksekutif



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Zariz Firdaus Zainal
Penyelaras Tempatan
Bagan Serai



Faizzul Amri
Penyelaras Tempatan
Taiping

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar:** Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Larut
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program ini dimulakan dengan sesi pengenalan yang melibatkan aktiviti BINGO. Aktiviti ini bertujuan merangsang interaksi awal dalam kalangan peserta bagi memudahkan proses berkenalan. Melalui "Permainan Nama" yang diadakan seterusnya, para peserta berpeluang memperkenalkan diri, agensi serta personaliti unik masing-masing.











Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.



Aktiviti perbincangan dan pemetaan SDG oleh peserta bengkel secara berkumpulan.

Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Larut

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr Thanaraj Murudi, Ketua Penyelidik Parlimen Larut. Rujuk Bahagian 3: Hasil Dapatan Kedua bagi mendapatkan maklumat terperinci hasil perbincangan.



Perbincangan mengenai Pemetaan SDG oleh para peserta yang mana masing-masing saling membincangkan isu, cabaran, penyelesaian kepada cabaran serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu-isu yang dikenal pasti.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar yang telah dipimpin oleh Encik Mohammad Asyraf bin Zulkifli daripada Pejabat Penghulu Mukim Hulu Ijok.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Larut. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tiang utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Larut berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Selama	• **Program Pembasmian Miskin Tegar** Melalui pendekatan bersepadu, Pejabat Daerah dan Tanah Selama telah merangka pelan tindakan melalui mesyuarat *Focus Group Discussion (FGD)* bagi mengenal pasti Ketua Isu Rumah (KIR) yang layak menerima bantuan. Seterusnya, siasatan dan bancian terperinci dijalankan ke atas KIR bagi menentukan bentuk bantuan yang bersesuaian, sama ada berbentuk bantuan kewangan, bimbingan, atau peluang pekerjaan. Status setiap KIR kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Daerah bagi memutuskan kelayakan pengeluaran daripada status miskin tegar. Impak program ini amat memberangsangkan, di mana seramai 78 KIR telah berjaya dikeluarkan daripada status miskin tegar. Melalui bantuan yang disalurkan, bimbingan berterusan, serta peluang pekerjaan yang diberikan, KIR berjaya meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik. Program ini bukan sahaja mengurangkan kadar kemiskinan tegar, malah membina daya tahan masyarakat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan secara berterusan.
2.	Pejabat Penghulu Mukim Hulu Ijok	• **Sistem e-Penghulu** Pejabat Penghulu Mukim menggunakan sistem e-Penghulu bagi menyemak dan memodenkan kaedah pendaftaran serta penyaluran bantuan

BIL	AGENSI	PROGRAM
		kepada komuniti setempat. Ini termasuk urusan seperti pendaftaran isi rumah miskin ke dalam sistem E-Kasih secara sistematik yang mewujudkan pangkalan data berpusat yang lebih cekap. Selain itu, sistem ini juga digunakan untuk menguruskan penyaluran Bantuan Tabarru' Khairat (sejumlah RM500 kepada waris) dan mendaftarkan bantuan wang ihsan bencana secara berpusat, yang memastikan bantuan dapat disalurkan dengan pantas dan tepat kepada penerima yang layak. Impak pelaksanaan program ini adalah signifikan. Sistem berpusat ini telah memendekkan masa pemprosesan bantuan, mengurangkan kerenah birokrasi dan memastikan bantuan kewangan sampai kepada golongan yang memerlukan, seperti keluarga mangsa bencana dan penerima khairat dengan lebih telus dan adil.



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	• **Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)** FAMA melaksanakan program Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) yang berfungsi sebagai hab pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian. Sebanyak empat buah PPL tersedia dengan purata seramai 200 orang petani bagi setiap pusat menjadikan seramai 600 hingga 800 orang petani telah mendapat manfaat secara langsung daripada pusat-pusat ini. Melalui pusat ini, hasil pertanian petani dikumpulkan yang mana jumlah berat terkumpul setahun antara 1,800 - 3,500 tan metrik, menghasilkan nilai jualan antara RM5 juta hingga RM12 juta setahun.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		 Salah satu PPL bagi buah bermusim di sekitar kawasan Batu Kurau. ***Sumber**: Facebook rasmi FAMA Daerah Larut Matang Selama & Kerian, Perak (29 April 2025)*

P2-Prosperity / Kemakmuran

MEMASTIKAN AKSES KEPADA TENAGA MAMPU MILIK, BOLEH DIPERCAYAI, MAMPAN DAN MODEN UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Perbandaran Taiping	• **Program Pemasangan Lampu Jalan LED Dan Solar** melaksanakan penukaran dan pemasangan lampu jalan LED dan solar bagi menggantikan lampu konvensional. Sebagai contoh, pada 29 Disember 2023, MPT telah memasang lampu LED Solar di sepanjang laluan pejalan kaki dalam Taman Tasik Taiping. Kelebihan lampu ini termasuk tempoh cas selama 4-6 jam yang membolehkan lampu berfungsi selama 12 jam pada sebelah malam. Sebanyak 29 unit lampu solar LED telah dipasang, meliputi laluan pejalan kaki sepanjang 700 meter. Pemasangan dilaksanakan secara berperingkat,

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		dengan fasa pertama melibatkan 7 lampu sumbangan OCBC Bank melalui Kelab Rotary dan fasa kedua dengan pemasangan 22 lampu melalui peruntukan Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak merangkap ADUN Aulong, YB Encik Teh Kok Lim.  Lampu LED solar yang telah dipasang sepanjang Taman Tasik Taiping. ***Sumber**: Facebook Majlis Perbandaran Taiping* • **Penyediaan Tempat Letak Kenderaan serta Infrastruktur Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV)** Mensyaratkan penyediaan tempat letak kenderaan serta infrastruktur pengecasan untuk Kenderaan Elektrik (EV) dalam semua permohonan pemajuan komersial dan kemudahan awam. • **Kempen Kesedaran** Pihak Majlis turut melaksanakan program serta kempen kesedaran mengenai amalan hijau yang mensasarkan orang awam, sekolah dan institusi. Sebagai contoh, pada 9 Disember 2023, pihak MPT telah mengadakan siri terakhir Jelajah E-Waste & Plogging tahun 2023 di Taman Kota Jaya, Simpang.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Bermula dari jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi, siri jelajah ini berjaya mengumpulkan 90 barangan buangan elektrik dan elektronik (E-Waste) dengan nilai sebanyak RM170.00. Mesin Basuh, Peti Ais, Komputer Riba, Kipas, Telefon, dan Televisyen adalah di antara barangan E-Waste yang dikumpulkan. Selain daripada pengumpulan E-Waste, siri jelajah ini turut menggabungkan aktiviti plogging yang mana peserta beriadah sambil mengutip sampah di kawasan sekitar Taman Kota Jaya.  Bersama penduduk di sekitar Taman Kota Jaya yang menyertai Siri Jelajah *E-Waste & Plogging* ini. ***Sumber**: Facebook Majlis Perbandaran Taiping*



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN MAMPAN, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial)	• **Program Perlindungan Sosial Menyeluruh untuk Pekerja** PERKESO melaksanakan program perlindungan sosial menyeluruh yang merangkumi tiga teras utama.

<table>
<tr><th>BIL</th><th>AGENSI</th><th>PROGRAM/TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>- Pertama, memberikan perlindungan insurans sosial kepada pekerja yang mengalami kemalangan di tempat kerja, kehilangan pekerjaan atau memerlukan rawatan perubatan, yang meliputi pekerja domestik, pekerja sendiri dan suri rumah melalui skim seperti Lindung Kendiri dan Lindung Kasih.
- Kedua, menjalankan aktiviti pencegahan kecederaan melalui program advokasi dan Ops Cegah bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat.
- Ketiga, menyediakan platform MyFutureJobs untuk membantu pencari kerja mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Kementerian Belia dan Sukan (KBS)</td><td>● Program Keusahawanan Belia
Kementerian Belia dan Sukan melalui Akademi Pembangunan Belia Malaysia melaksanakan Program Keusahawanan Belia yang memberi tumpuan khusus kepada golongan belia. Program ini menawarkan kursus-kursus kemahiran praktikal seperti pemprosesan dan pengawetan makanan, pembangunan produk, serta latihan keusahawanan yang komprehensif untuk membolehkan peserta memulakan dan mengurus perniagaan sendiri secara efektif.
 

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PROGRAM / KURSUS</th><th>TARIKH</th><th>TEMPAT PELAKSANAAN</th><th>PEGAWAI PENYELARAS</th><th>NO TELEFON</th></tr>
<tr><td>1</td><td>T.O.T JEJAK BELIA SUKSES</td><td>1 – 4.10.2025</td><td>APBMBG</td><td>PUAN SUHAINI BINTI SAMSUDIN</td><td>017-553 3420</td></tr>
<tr><td>2</td><td>WEBINAR KEUSAHAWANAN@APBMBG SIRI 6 (MARKETING PADU, SALES LAJU)</td><td>8.10.2025</td><td>ATAS TALIAN (ZOOM)</td><td>CIK NORFITRI BINTI IBRAHIM</td><td>018-775 1528</td></tr>
<tr><td>3</td><td>WEBINAR KEUSAHAWANAN@APBMBG SIRI 7 (KUASAI AI UNTUK PEMASARAN DIGITAL)</td><td>14.10.2025</td><td>ATAS TALIAN (ZOOM)</td><td>CIK NORFITRI BINTI IBRAHIM</td><td>018-775 1528</td></tr>
<tr><td>4</td><td>WEBINAR KEUSAHAWANAN@APBMBG SIRI 8 ("LETOPS MINDSET USAHAWAN 2025")</td><td>15.10.2025</td><td>ATAS TALIAN (ZOOM)</td><td>PUAN WAN DZALEN RAZHIMA BINTI WAN DAUD</td><td>012-277 5350</td></tr>
</table>
Senarai program keusahawanan yang dijalankan oleh APBM pada bulan Oktober tahun ini.
***Sumber**: Facebook Akademi Pembangunan Belia Malaysia*</td></tr>
</table>

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
3.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Getah (RISDA)	● **Pemberian Geran / Peruntukan Projek** Pihak RISDA menyediakan peruntukan bagi program-program seperti: 1. **Program tanam semula getah** - Program tanam semula getah tua yang tidak ekonomik dengan pokok getah baharu dari klon berpenghasilan tinggi. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM13,710 per hektar (Semenanjung), RM 14,955 per hektar (Sabah) dan RM 14,805 per hektar (Sarawak). Bantuan ini diberikan untuk memastikan kelestarian pengeluaran getah negara. 2. **Program pembangunan usahawan** - Bagi mempelbagaikan sumber pendapatan, program pembangunan usahawan dan pemasaran menawarkan pembiayaan antara RM10,000 hingga RM20,000. Meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan keluarga dengan sasaran RISDA RM4,500 untuk setiap keluarga. 3. **Program Agromakanan** - program agromakanan dalam bidang pertanian, ternakan dan perikanan menyediakan peruntukan sehingga RM20,000 bagi setiap projek untuk menggalakkan aktiviti ekonomi sampingan.
4.	TEKUN Nasional	● **Pembiayaan dan Bimbingan Usahawan Mikro** TEKUN Nasional telah melaksanakan Program Pembiayaan dan Bimbingan Usahawan Mikro yang memberi tumpuan kepada usahawan kecil dan mikro. Bantuan pembiayaan kewangan kepada peniaga kecil yang memerlukan modal tambahan untuk mengembangkan perniagaan diberikan. Dalam masa yang sama, pihak TEKUN Nasional juga menyediakan bimbingan serta nasihat pengurusan kewangan untuk memastikan perniagaan tersebut mampu bertahan dalam jangka masa panjang. Setakat ini, pihak TEKUN telah berjaya membantu

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		seramai 2,800 usahawan meningkatkan pendapatan mereka melalui jumlah pinjaman keseluruhan sebanyak RM39 juta.
5.	InvestPerak	• **Investment Mission dan Pemudahcara Perniagaan** InvestPerak melaksanakan program *Investment Mission* dan Pemudahcara Perniagaan yang memberi tumpuan kepada pelaburan ke dalam dan luar negara untuk mempromosikan potensi ekonomi Negeri Perak. Di samping itu, menyediakan perkhidmatan pemudahcara yang menyeluruh bagi membantu syarikat tempatan dan antarabangsa dalam proses penubuhan dan pengembangan operasi mereka di negeri ini. Impak program ini telah berjaya menarik pelaburan dalam sektor pembuatan bernilai RM3.64 bilion dari Januari hingga Jun 2025. Kejayaan ini seterusnya dianggarkan akan mewujudkan sebanyak 5,053 peluang pekerjaan baharu di Negeri Perak.



MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN MENYELURUH DAN MAMPAN SERTA MERANGSANG INOVASI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	• **Pembinaan Jalan Kamunting ke Anak Kurau (LMS)** Pembinaan jalan baharu dari Kamunting ke Anak Kurau (LMS) fasa dua ini melibatkan jajaran sepanjang 6.6 kilometer yang menghubungkan Kampung Anak Kurau ke laluan A7 (Jalan Taiping–Selama), dengan peruntukan sebanyak RM73 juta. Projek yang telah mula dijalankan pada Julai 2022 dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2026. Kerja-kerja utama meliputi pembinaan dua buah jambatan, pemotongan cerun, pembaikan sistem

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		saliran serta turapan jalan. Apabila siap kelak, jalan baharu itu dijangka mampu mengurangkan jarak perjalanan penduduk Kampung Anak Kurau sebanyak 15.4 kilometer dan menjimatkan masa perjalanan kira-kira 15 minit untuk ke Bandar Kamunting.  Jalan Baharu Kamunting - Anak Kurau yang masih dalam pembinaan. ***Sumber**: Portal Rasmi Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri*



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Daerah Selama	• **Kawalan Pembangunan** Kawalan pembangunan diadakan bagi memastikan pembangunan di Daerah Selama lebih teratur dan terurus. Kawalan ini bermula daripada peringkat awal iaitu melalui Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC). Sebagai contoh, dalam kes kawalan bagi aktiviti peladangan unggas, pihak Majlis Daerah Selama komited dalam usaha untuk memastikan semua ladang ayam di Selama bertukar operasi secara perladangan tertutup (*closed farming*) bagi mengatasi masalah lalat. Pada Ogos 2023, mesyuarat penyelarasan telah diadakan bersama semua pemilik ladang ayam di Selama bagi membincangkan prosedur Permohonan Kebenaran Merancang dalam proses

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		pemutihan semua ladang yang terlibat. Objektif transisi kepada perladangan tertutup ini juga adalah bertepatan dengan kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 Negeri Perak pada 25 Mei 2023 yang menetapkan semua perladangan unggas di negeri Perak bertukar kepada perladangan tertutup selewatnya pada tahun 2026.   Lawatan ke salah satu ladang ternakan ayam. ***Sumber**: Facebook rasmi MAJLIS DAERAH SELAMA (10 Ogos 2023)*

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi


Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;

PENERANGAN	KOMUNITI TERJEJAS
ISU 1: Konflik kehidupan liar yang menjadi kekangan untuk para petani dan pekebun ● Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun di kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok. ● Situasi menjadi lebih buruk apabila populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat, menyebabkan konflik manusia-haiwan semakin meningkat. ● Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil tindakan sendiri termasuk menembak haiwan liar.	Para petani dan pekebun tempatan Kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok.
ISU 2: Peluang pekerjaan untuk meningkatkan ekonomi setempat ● Konflik kehidupan liar yang menjadi kekangan untuk para petani dan pekebun Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun di kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok. ● Situasi menjadi lebih buruk apabila populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat, menyebabkan konflik manusia-haiwan semakin meningkat. ● Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil tindakan sendiri termasuk menembak haiwan liar. Para petani dan pekebun tempatan Kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok.	Belia ● Mukim Selama ● Mukim Hulu Selama ● Mukim Hulu Ijok


PENERANGAN	KOMUNITI TERJEJAS
ISU 3: Infrastruktur untuk kesejahteraan komuniti tempatan termasuk pembangunan ekonomi • Isu utama yang dikenal pasti berkaitan dengan aksesibiliti ke Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) di kawasan ini ialah ketiadaan jalan terus yang berdekatan. • Walaupun terdapat laluan alternatif seperti melalui Alor Pongsu atau Bandar Baharu, kedua-duanya memerlukan masa perjalanan yang agak panjang, iaitu sekitar 40 minit, serta melibatkan laluan masuk ke daerah atau negeri lain sebelum sampai ke lebuh raya. Keadaan ini menjejaskan kelancaran pergerakan, khususnya bagi urusan rasmi atau kecemasan seperti penghantaran pesakit ke hospital rujukan di Ipoh. • Berbanding dengan negeri lain yang telah melaksanakan konsep hospital kluster atau hospital satelit, kawasan ini masih bergantung kepada kemudahan kesihatan yang terhad, termasuk hospital di Parit Buntar sebagai pilihan terdekat. • Justeru, kekangan akses jalan raya dan ketiadaan kemudahan kesihatan yang strategik menimbulkan cabaran besar terhadap keberkesanan pergerakan penduduk serta kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.	Penduduk Parlimen Larut dan pengguna jalan raya




Imbas kod QR untuk dapatkan laporan ini:


Isu: Infrastruktur & Kesejahteraan Komuniti
Penyelesaian
Cabaran
Penyelesaian
Cabaran
Menanggkat kembali
Cadangan Highway
- JELAS
- SPIKE
- Northern Corridor Highway (NCH)
Ekonomi Utama
(bukan industry komersial)
-zoning pertanian
SDG: 9: Industri, Inovasi & Infrastruktur







Kumpulan 2
CADANGAN
CABARAN
CADANGAN PENYELESAIAN
AGENSI TERLIBAT





ISU 1






Kumpulan 2
CADANGAN
Memperluaskan sektor Agro Perlancongan
Pertanian & Eko Perlancongan
CABARAN
Kekurangan Perkhidmatan Awam
Infrastruktur jalanraya
CADANGAN PENYELESAIAN
Penambahan shuttle Peak Hour
AGENSI TERLIBAT
Peranan² Agensi
KES
GIMANPPA
Perkeso
Tekun
FAMA
Invest
PDT

Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Konflik Kehidupan Liar Yang Menjadi Kekangan untuk Para Petani dan Pekebun

Bagi isu ini, wakil agensi telah mencadangkan 3 cadangan penyelesaian iaitu

1. **Sangkar Untuk Penangkapan Kera (Tangkap & Pindah):** Menangkap kera menggunakan perangkap sangkar dan seterusnya memindahkan (translokasi) haiwan tersebut ke habitat semula jadi yang jauh dari kawasan penduduk. Langkah ini mengurangkan populasi kera di kawasan konflik tanpa membunuh, selaras dengan SOP Jabatan Perhilitan yang mengutamakan tindakan tangkap-pindah sebelum mempertimbangkan pelupusan. Kera yang ditangkap biasanya dilepaskan semula di kawasan Rezab Hidupan Liar atau hutan simpan yang sesuai, selepas dipastikan habitat baharu itu mampu menampung kumpulan tersebut.

2. **Pemasangan Pagar Elektrik:** Memasang pagar elektrik di sempadan kawasan kediaman atau pertanian yang berdekatan habitat liar bagi menghalang pencerobohan hidupan liar. Pagar elektrik direka memberi renjatan elektrik terkawal (tidak mematikan) untuk menakutkan haiwan seperti kera, babi hutan atau gajah daripada memasuki kawasan manusia.

3. **Operasi Penghapusan / Pemburuan Terkawal**: Melaksanakan penghapusan haiwan liar secara terkawal (*culling*) ke atas spesies yang menimbulkan konflik serius. Contohnya menembak mati kera atau babi hutan yang sangat agresif atau populasi berlebihan di sesuatu kawasan yang gagal dikawal dengan kaedah lain. Tindakan tegas ini hanya diambil sebagai pilihan terakhir selepas usaha seperti tangkap-pindah dan tembak halau tidak berjaya serta apabila ada ancaman keselamatan kepada manusia.



BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	Sangkar Untuk Penangkapan Kera (Tangkap & Pindah)	**Kos Operasi Tinggi** Memerlukan perbelanjaan untuk menyediakan perangkap yang mencukupi, tenaga kerja terlatih serta logistik pemindahan haiwan. Siapakah yang menanggung kos jangka panjang (penyelenggaraan perangkap, kenderaan, kakitangan) juga menjadi persoalan.	**Pemandulan dan tangkap-pindah** dipergiat seiring dengan sebarang tindakan penghapusan. Ini menunjukkan komitmen bahawa penghapusan hanyalah jalan terakhir. Malah pakar menyatakan pendekatan kawalan pembiakan adalah lebih mampan dan bersifat jangka panjang berbanding pembunuhan berterusan.	• Jabatan Pertanian • Jabatan Veterinar • Pejabat Daerah dan Tanah • Jabatan Hutan • Jabatan Perhilitan • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
		Habitat & Ekologi Perlu ada lokasi pelepasan yang sesuai. Jika habitat baharu terlalu dekat atau tidak cukup sumber, kera mungkin kembali atau menyebabkan konflik di lokasi lain. Pihak berkuasa perlu memastikan kawasan pelepasan mempunyai daya tampung mencukupi untuk kumpulan kera yang dipindahkan agar tidak menjejaskan ekosistem sedia ada.		

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
2.	Pemasangan Pagar Elektrik	**Halangan Undang-Undang** Kebanyakan hidupan liar dilindungi undang-undang di Malaysia. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) melarang membunuh atau memburu haiwan liar yang dilindungi kecuali dengan kebenaran/lesen khas. Justeru itu operasi menembak kera liar oleh pihak tidak berautoriti adalah menyalahi undang-undang. Malah pegawai Perhilitan sendiri tertakluk pada SOP ketat dan perlu mendapat kelulusan sebelum melakukan penghapusan.	**Kelulusan Khas & Pindaan Peraturan:** Jika penghapusan terpaksa dilaksanakan, pastikan ia mempunyai asas undang-undang yang kukuh. Pindaan spesifik boleh dipertimbangkan. Sebagai contoh, memperkenal peraturan di bawah Akta 716 yang mengecualikan spesies tertentu (seperti kera yang lebih populasi) daripada perlindungan biasa dalam situasi konflik. Ini membolehkan Perhilitan menjalankan kawalan populasi dengan lebih fleksibel tanpa menjejaskan	
3.	Operasi Penghapusan / Pemburuan Terkawal	**Tentangan Kumpulan Pencinta Haiwan** Tindakan menghapuskan hidupan liar menimbulkan sensitiviti tinggi. NGO dan aktivis hak haiwan kerap membantah		

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		penembakan hidupan liar. **Cabaran Terhadap SDG 15 (Kehidupan di Darat)** Matlamat SDG 15 menekankan perlindungan biodiversiti darat. Langkah membunuh hidupan liar, terutama jika spesies tersebut terancam, dilihat bercanggah dengan usaha kelestarian.	perlindungan spesies terancam. Alternatif lain, negeri boleh menguatkuasakan Undang-Undang Kecil yang membenarkan tindakan terhadap haiwan perosak tertentu dengan kelulusan pihak berkuasa.	

Isu: Peluang Pekerjaan Untuk Meningkatkan Ekonomi Setempat

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Mempergiatkan sektor Agro-Pelancongan dan Eko-Pelancongan** Cadangan ini bertujuan menjadikan kawasan Selama sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam semulajadi dan komuniti dengan penekanan kepada kelestarian, pemeliharaan alam sekitar dan penglibatan penduduk tempatan. Antara produk tarikan yang boleh dibangunkan termasuk; ● Lawatan ladang (*agro-tourism*) ● Aktiviti eko-pelancongan seperti *trekking, water tubing*	**Kekerapan perkhidmatan awam** Kekerapan perkhidmatan pengangkutan awam yang terhad merupakan antara kekangan utama dalam menyokong pembangunan sektor agro-pelancongan dan eko-pelancongan di kawasan Selama. Kekurangan jadual perjalanan yang konsisten menyukarkan pergerakan pelancong, khususnya pelawat luar kawasan yang tidak menggunakan kenderaan persendirian, untuk	**Pengangkutan dan Aksesibiliti** Penambahan perkhidmatan *shuttle* pada waktu puncak, hujung minggu dan musim pelancongan. ● Perkhidmatan ini boleh berfungsi sebagai pengangkutan penghubung (*last-mile connectivity*) dari lokasi strategik seperti pekan utama, pasar pagi ke lokasi tarikan pelancongan. ● Inisiatif ini boleh meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengunjung selain mengurangkan kesesakan lalu lintas serta impak aktiviti alam sekitar. Kerjasama dengan pengusaha bas tempatan atau komuniti untuk perkhidmatan pengangkutan khas.	● Pejabat Daerah dan Tanah ● Pihak Berkuasa Tempatan ● Jabatan Kerja Raya ● Kementerian Belia dan Sukan ● Pusat Latihan Kemahiran Giat MARA ● Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ● Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) ● Lembaga Pemasaran

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	dan pendidikan alam sekitar. ● Pakej homestay berasaskan komuniti ● Produk makanan dan kraf tempatan sebagai nilai tambah ekonomi.	mengakses lokasi tarikan dengan mudah dan selamat. Keadaan ini menjadi lebih ketara pada waktu puncak, hujung minggu dan musim cuti, iaitu tempoh di mana permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan meningkat.	● Boleh diwujudkan dengan konsep tempahan (*on-demand*). ● Membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tambahan kepada komuniti setempat. ● Kerjasama rentas agensi dan komuniti juga membolehkan kos operasi diminimumkan serta memastikan kelestarian perkhidmatan dalam jangka panjang.	Pertanian Persekutuan (FAMA) ● Invest Perak ● Tourism Perak
		Infrastruktur jalan raya Keadaan infrastruktur jalan raya yang sempit, rosak atau kurang penyelenggaraan merupakan cabaran signifikan dalam menyokong akses ke kawasan tarikan agro-pelancongan dan eko-pelancongan, khususnya di kawasan luar bandar dan laluan ke lokasi semula jadi.	**Infrastruktur Jalan & Navigasi Pelancongan** Penyelenggaraan berkala dan menaik taraf jalan utama ke lokasi tarikan. ● Jalan yang berada dalam keadaan baik mengurangkan risiko kemalangan, kerosakan kenderaan dan memendekkan masa perjalanan sekaligus meningkatkan imej destinasi pelancongan.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		Jalan yang tidak berada dalam keadaan baik bukan sahaja menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya, malah mengurangkan tahap keselesaan pelawat, terutamanya bagi kenderaan pelancong, bas persiaran dan pengangkutan awam berskala kecil. Keadaan ini boleh menyebabkan kesukaran navigasi, risiko kemalangan serta peningkatan kos penyelenggaraan kenderaan, sekali gus memberi persepsi negatif terhadap kualiti destinasi pelancongan. Bagi pelawat luar kawasan dan pelancong kali pertama, infrastruktur jalan yang kurang memuaskan juga	● Kerja-kerja naik taraf merangkumi pelebaran jalan terpilih, penurapan semula, sistem perparitan yang efisien serta pencahayaan yang mencukupi. Pemasangan papan tanda pelancongan yang jelas dan mesra pengguna. ● Papan tanda perlu diletakkan di lokasi strategik dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami, simbol universal serta elemen visual yang menarik. ● Papan tanda wajar mengandungi maklumat jarak, anggaran masa perjalanan, maklumat keselamatan bagi menyokong pembangunan pelancongan yang terancang selain mengurangkan ketergantungan aplikasi navigasi digital terutamanya di kawasan liputan rangkaian yang terhad.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		boleh mengurangkan keyakinan untuk berkunjung semula atau mencadangkan destinasi ini kepada orang lain. Selain itu, kekangan infrastruktur jalan turut memberi kesan kepada pergerakan barangan, perkhidmatan sokongan pelancongan dan aktiviti ekonomi komuniti setempat, sekali gus membataskan potensi pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan di kawasan berkenaan. Keadaan ini secara langsung menghadkan tempoh tinggal (*length of stay*) pelancong serta mengurangkan tahap perbelanjaan mereka di	**Penginapan dan Pelaburan Pelancongan** Penambahan *homestay* dan chalet berasaskan komuniti. Model penginapan berasaskan komuniti yang menawarkan penyediaan pengalaman autentik kepada pengunjung tidak mengubah kehidupan asal dan nilai komuniti namun memberi peluang penjanaan pendapatan yang lebih mampan kepada komuniti ● Pelaksanaan program latihan berkaitan pengurusan homestay, hospitaliti, kebersihan, keselamatan dan pemasaran digital perlu diselaraskan bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang konsisten serta memenuhi piawaian pelancongan semasa. Galakan pelaburan kecil dan sederhana dalam sektor penginapan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		peringkat tempatan, termasuk perbelanjaan terhadap makanan, perkhidmatan, produk komuniti dan aktiviti pelancongan. Selain itu, kekurangan penginapan turut menjejaskan keupayaan kawasan untuk menganjurkan aktiviti pelancongan berskala kecil dan sederhana seperti program komuniti, lawatan berkumpulan, aktiviti pendidikan alam sekitar atau acara hujung minggu.	mesra alam perlu diperkukuh melalui insentif bersasar. ● Pembangunan penginapan berskala kecil boleh mengaplikasikan konsep hijau seperti penggunaan bahan tempatan, pengurusan sisa mampan dan kecekapan tenaga. Pendekatan ini berpotensi menarik pelancong yang lebih berkualiti (*high-value tourists*), memanjangkan tempoh penginapan dan meningkatkan perbelanjaan pelancong di peringkat tempatan.	

Fakta Tambahan

Daerah Selama mempunyai pelbagai tarikan semulajadi yang berpotensi dijadikan produk eko-pelancongan, khususnya kawasan air terjun. Antara tarikan yang dikenalpasti adalah 7 lata yang terkenal di kalangan penduduk iaitu, Lata Buluh, Kampung Sungai Simpul, Lata Damak, Sungai Bayor, Lata Rambong, Telok Mas, Lata Tebing Tinggi, Rantau Panjang, Lata Titi Dua, Jalan Sumpitan, Ijok, Lata Puteh, Ijok dan Lata Panggung, Ijok. Tarikan ini perlu dibangunkan secara berfasa dengan mengambilkira aspek keselamatan, pemuliharaan alam sekitar dan penglibatan komuniti setempat.

Pasar Pagi Sungai Bayor yang bermula sejak era 1960-an juga antara tarikan yang boleh di promosikan. Pasar ini dahulunya dikenali sebagai Pekan Jumaat dan hanya beroperasi pada hari Jumaat sahaja. Pasar ini terletak di tepi Sungai Berdarah sebelum dipindahkan ke Jalan Kampung Sungai Berdarah oleh Majlis Daerah Selama atas faktor keselamatan serta peningkatan jumlah peniaga dan pengunjung. Pasar ini berperanan sebagai platform ekonomi rakyat dimana majoriti peniaga menggunakan pasar ini sebagai saluran tetap untuk menjual hasil tani, makanan dan produk tempatan. Uniknya pasar ini telah mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai pasar pagi terpanjang di Malaysia dengan jarak kira-kira 2.32km.

Telaga Gergasi, berpotensi dibangunkan sebagai tarikan ikon daerah Selama melalui penambahbaikan kemudahan asas, penceritaan sejarah dan pakej lawatan berpandu. Pembangunan ini boleh mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti sebagai pemandu pelancong tempatan, pengusaha kecil dan penyedia perkhidmatan sokongan.

Secara keseluruhannya, pembangunan sektor agro-pelancongan dan eko-pelancongan di Selama berupaya menjadi pemangkin ekonomi setempat sekiranya dilaksanakan secara terancang, inklusif dan mampan. Pendekatan berasaskan komuniti serta kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan masyarakat setempat amat penting bagi memastikan manfaat ekonomi dapat dinikmati secara menyeluruh dan berterusan.

Isu: Infrastruktur untuk Kesejahteraan Komuniti Tempatan Termasuk Pembangunan Ekonomi

Parlimen Larut yang merangkumi kawasan Selama menghadapi isu ketersampaian disebabkan oleh kedudukannya yang terpinggir dari rangkaian lebuh raya utama. Walaupun terletak di negeri Perak yang mempunyai rangkaian pengangkutan yang baik, kawasan ini terus mengalami pengasingan akibat:

Ketiadaan Akses Langsung ke Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)

- Kenderaan dari Selama perlu melalui laluan sejauh 35 - 40 km melalui Alor Pongsu atau Bandar Baharu untuk ke lebuh raya utama.
- Perjalanan ke Ipoh mengambil masa 1.5-2 jam berbanding 45 minit jika terdapat akses secara terus.


Kesan terhadap Pembangunan Sosioekonomi

- Menghalang pelaburan industri dan perniagaan
- Mengurangkan daya saing tempatan akibat kos logistik tinggi
- Penduduk terutamanya belia berpindah keluar dari Selama ke kawasan-kawasan di sekitar untuk mencari peluang pekerjaan

Kesan terhadap Perkhidmatan Awam

- Akses terhad ke hospital khusus di Ipoh
- Perkhidmatan kecemasan terjejas akibat jarak dan keadaan jalan

Sejak lebih sedekad yang lalu, isu pembinaan Lebuhraya Jelapang–Selama–Batu Kawan (JELAS) telah berulang kali diketengahkan oleh penduduk tempatan dan wakil rakyat. Cadangan projek lebuh raya sepanjang 116 kilometer ini dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak RM6.4 bilion dengan jangka masa pembinaan selama 36 bulan. Namun demikian, sehingga kini cadangan tersebut masih belum dapat direalisasikan atas sebab-sebab yang tidak dapat dipastikan secara jelas.



Cadangan jajaran Lebuhraya JELAS yang akan menghubungkan antara Perak dan Pulau Pinang.
***Sumber**: Laman web BMT JELAS*

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: MENGANGKAT KEMBALI CADANGAN PEMBINAAN LEBUHRAYA JELAPANG – SELAMA – BATU KAWAN (JELAS)		
Kos Pembinaan yang Tinggi Disebabkan Faktor Geografi Faktor utama yang menyumbang kepada kos yang tinggi adalah keadaan topografi di sekitar kawasan Selama dan Jelapang yang berbukit-bukau menyebabkan perlunya pemotongan bukit, pembinaan terowong dan pengambilan tanah.	**Peruntukan Khusus daripada Persekutuan** Memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) dengan justifikasi ekonomi yang kukuh termasuk analisis pulangan pelaburan (ROI) jangka panjang dari segi pengurangan masa perjalanan, peningkatan produktiviti dan pengurangan kos logistik.	• Jabatan Kerja Raya (JKR) • Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) • Majlis Daerah Selama • PLANMalaysia • Pejabat Daerah dan Tanah • Pejabat Tanah dan Galian (PTG)

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Dalam masa yang sama, sebahagian kawasan ini mengandungi formasi batu kapur yang memerlukan teknik khas untuk mengelakkan kegagalan struktur.		• Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) • Jabatan Alam Sekitar
Populasi Penduduk yang Kecil Jumlah penduduk yang kecil di kawasan seperti Selama menyebabkan permintaan terhadap perkhidmatan dan barangan menjadi kurang. Keadaan ini menyebabkan syarikat-syarikat besar enggan melabur kerana tidak yakin dengan pulangan pelaburan. Perkara ini turut menjadi salah satu penyebab penghijrahan keluar golongan belia yang seterusnya mengurangkan lagi potensi pertumbuhan penduduk dan ekonomi.	**Mewujudkan Lebih Banyak Perumahan Kos Rendah** Pembinaan rumah kos rendah ini adalah salah satu strategi untuk menarik minat masyarakat untuk menetap di Daerah Selama. Namun, perancangan pembangunan perumahan strategik juga harus melibatkan perumahan mampu milik yang dilengkapi kemudahan asas seperti pusat komuniti, taman rekreasi dan akses internet. Ini dapat menarik golongan muda dan keluarga untuk menetap secara kekal di sana.	
	Menubuhkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau Kampus Cawangan: Mengajak universiti awam atau swasta untuk membuka kampus di kawasan tersebut dengan menawarkan program yang selari dengan keperluan ekonomi tempatan seperti perhutanan, pelancongan alam semula jadi atau pertanian moden. Kehadiran IPT boleh merangsang ekonomi tempatan dan menambah bilangan penduduk tetap.	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Ekonomi Utama yang Berteraskan Alam Sekitar Aktiviti ekonomi sedia ada di Selama berpusat pada sumber alam dan pelancongan ekologi yang kurang menarik perhatian pelaburan industri atau komersial berskala besar.	**Membangunkan Aktiviti Pelancongan sebagai Pemangkin Ekonomi** Akses pengangkutan ke kawasan-kawasan tarikan utama seperti 7 Lata (yang merupakan ikon pelancongan ke-12 di negeri Perak) haruslah ditambah baik melalui pembinaan jalan masuk yang lebih dekat jaraknya, menyediakan kemudahan penginapan mesra pengguna dan pusat maklumat pelancong.	

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Bengkel Pembangunan Kapasiti bagi Parlimen Larut telah berjaya menyampaikan kerangka SDG ke dalam konteks pembangunan tempatan dengan tumpuan khusus terhadap penyelesaian isu-isu kritikal yang telah dikenal pasti. Secara keseluruhan, bengkel ini telah mencapai objektifnya melalui perbincangan berfokus mengenai tiga isu utama Parlimen Larut dengan matlamat SDG yang spesifik dan cadangan penyelesaian yang sejajar dengan prinsip pembangunan mampan.

Perbincangan dalam kumpulan telah mengetengahkan tiga isu utama iaitu

- **Isu 1**: Gangguan kera yang merosakkan tanaman telah menjejaskan pendapatan petani di Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok. Isu ini telah bertentangan dengan sasaran SDG 1 (Kemiskinan) dan SDG 2 (Sifar Kebuluran). Isu ini telah membawa kepada cadangan
  Jangka Pendek dan Sederhana: Mempergiat operasi tangkap dan pindah kera serta pemasangan pagar elektrik sebagai langkah pencegahan.
  Jangka Panjang: Melaksanakan operasi penghapusan terkawal dengan berpandukan SOP yang ketat, hanya setelah terbukti kaedah lain tidak berkesan.

- **Isu 2**: Keperluan untuk merangsang ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan untuk belia setempat selaras dengan sasaran SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi). Isu ini telah membawa kepada cadangan memperkasa sektor agro pelancongan dan eko pelancongan sebagai pemangkin ekonomi dengan menambah baik pembangunan infrastruktur, melibatkan komuniti dalam pembangunan aktiviti pelancongan serta pemuliharaan dan promosi kawasan-kawasan ikonik.

- **Isu 3**: Ketiadaan akses langsung ke Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) menyekat pembangunan sosioekonomi, menghalang pelaburan, dan menjejaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan Selama. Isu ini berkait secara langsung dengan SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur) dan SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan). Isu ini telah membawa kepada cadangan untuk mengangkat semula cadangan pembinaan Lebuhraya Jelapang-Selama-Batu Kawan (JELAS) yang akan meningkatkan akses kebolehcapaian masyarakat untuk ke daerah Selama, lantas menyokong pengukuhan sektor pelancongan setempat, meningkatkan pelaburan luar untuk masuk dan pembangunan lebih

banyak perumahan mampu milik dalam usaha untuk meningkatkan populasi penduduk.

Penglibatan wakil-wakil agensi dalam perbincangan ini telah berjaya mengubah perbincangan mengenai SDG daripada hanya sekadar melihat SDG sebagai satu konsep global yang tidak mampu untuk dicapai kepada agenda tindakan tempatan yang mampu dan boleh dilaksanakan. Komitmen berterusan dan tindakan susulan adalah kunci untuk memastikan idea yang diberikan bukan sekadar tulisan di dalam laporan tetapi penyelesaian holistik untuk isu yang dihadapi penduduk.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti
P.061 Padang Rengas

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 181

Objektif 183

Kaedah Pelaksanaan 184

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 184

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 185

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 187

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Padang Rengas 189

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 191

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 192

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 206

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 217



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai Matlamat Pembangunan Mampan. Bengkel bagi Parlimen Padang Rengas telah berjaya dilaksanakan pada 23 September 2025 (Selasa) bertempat di Dewan Kenanga, Hotel Casuarina @ Kuala Kangsar.

Seramai 13 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan peringkat daerah Kuala Kangsar telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL.	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar
2.	Polis Diraja Malaysia
3.	Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti
4.	*Rengas Muay Club*
5.	Pertubuhan Peladang Kawasan Padang Rengas
6.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
7.	*Rubber Industry Smallholders Development Authority* (RISDA)
8.	Pejabat Penghulu Mukim Kota Lama Kiri
9.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Kangsar
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Kangsar

Program ini telah dikendalikan oleh 5 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr. Teo Lee Ken
Ketua Penyelidik
Parlimen Padang Rengas



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Norazura Mohd Nor
Pegawai Ruang Komuniti
MySDG Zon Utara



Zariz Firdaus Zainal
Penyelaras Tempatan
Parlimen Bagan Serai

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**: Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Padang Rengas
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Aktiviti bengkel dimulakan dengan sesi pengenalan diri melibatkan semua peserta memperkenalkan nama, agensi yang diwakili serta berkongsi satu fakta menarik mengenai diri masing-masing yang tidak diketahui umum. Sesi ini berjaya mewujudkan suasana yang lebih santai dan mesra kerana perkongsian latar belakang dan pencapaian individu telah membantu membina keserasian serta memecahkan jurang komunikasi dan seterusnya menyediakan asas yang positif sebelum interaksi perbincangan bengkel dijalankan.










AZUAD

AZUAD



KELUAR
AZUAD


AZUAD

Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG


Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.












PEOPLE




PEACE
PARTNERSHIP


FADLI
KUMPULAN 2





Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Padang Rengas

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr. Teo Lee Ken, Ketua Penyelidik bagi Parlimen Padang Rengas. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	KOMUNITI	ISU	PENERANGAN ISU
1.	Sosial	Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti Persatuan Toh Muay Padang rengas	Pemberdayaan Komuniti Belia : Keperluan sokongan dan pemberdayaan komuniti belia untuk pembangunan jati diri.	Kekurangan kemudahan dan tempat riadah untuk belia. Ketiadaan dana dalam kelestarian program untuk belia setempat.















Pengutamaan Isu
Temu
Kumpulan Sasaran
Penerangan Isu
Perbincangan Kumpulan
Cadangan Penyelesaian Isu
Cabaran yang Agensi Akan Hadapi
Cadangan Penyelesaian Cabaran
Senarai Agensi Terlibat & Peranan
SDG terlibat
Pembentangan & sesi soal jawab


KUMPULAN 1


Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.





Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Padang Rengas oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Hasil daripada aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Padang Rengas. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program yang dilaksanakan oleh agensi berkaitan di Parlimen Padang Rengas berdasarkan 17 matlamat SDG;

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Pejabat Penghulu Mukim & Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar	• *Task Force Team* ditubuhkan bagi mengenal pasti Ahli Isi Rumah dalam sistem eKasih berdasarkan dua kategori sosioekonomi, iaitu miskin tegar dan miskin. Pengenalpastian ini membolehkan penyelarasan bantuan dilaksanakan secara lebih berfokus dan tepat, memastikan intervensi dapat disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan serta meningkatkan keberkesanan program kebajikan di kawasan setempat. • Pejabat Penghulu Mukim dan PDT Kuala Kangsar menyalurkan bantuan melalui pelbagai agensi termasuklah Baitulmal untuk golongan asnaf, bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Am dan Bantuan Orang Tua, FELCRA dengan skim saham RM300.00, Kad Perak Sejahtera, serta rebat Tenaga Nasional Berhad. • Penyaluran bantuan ini bertujuan meningkatkan pendapatan isi rumah sehingga melepasi had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) terkini. Seramai 312 individu tergolong dalam miskin tegar dan lebih 20 orang daripada 623 individu miskin di Kuala Kangsar telah menerima bantuan-bantuan ini. • Selain dari itu, inisiatif peningkatan kemahiran dan kerjaya dilaksanakan melalui pelbagai program seperti anjuran Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dengan program

BIL	AGENSI	PROGRAM
		Sejati Madani, MARA melalui skim Modal Usahawan, Yayasan Perak dan Baitulmal bagi usahawan mikro. ● Melalui program seperti ini, matlamat utama adalah melahirkan lebih ramai usahawan yang berkemahiran, sekali gus meningkatkan pendapatan individu dan keluarga serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat.
2.	Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal, MARA	Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menangani kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat, termasuk pemutihan eKasih, program bantuan bina baru atau baik pulih rumah, bantuan kewangan bulanan, Kad Perak Sejahtera (kad makanan), bantuan kotak makanan serta bantuan tandas daripada KKM. Walaupun pelaksanaan inisiatif ini melibatkan implikasi kewangan yang tinggi, langkah-langkah bersepadu ini menyumbang secara signifikan ke arah pengurangan kemiskinan sehingga hampir sifar dalam kalangan golongan sasaran. ● **Pemutihan eKasih** Kerajaan melaksanakan pemutihan dan mengemas kini data eKasih bagi memastikan hanya individu yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar berada dalam pangkalan data itu.[15]Pemutihan ini penting bagi membolehkan kerajaan membantu mereka yang memerlukan, selain memastikan tidak ada rakyat yang layak tertinggal daripada menerima bantuan. Proses ini kerap dilakukan oleh pihak kerajaan. ● **Kad Perak Sejahtera (Kad Makanan)** Kad Perak Sejahtera adalah kad bantuan khas yang diberikan kepada isi rumah yang tergolong dalam kumpulan B40, miskin dan miskin tegar. Ia

[15] Bernama. (2021, November 6). Pemutihan, kemas kini pangkalan data eKasih tahun depan - Mustapa. Astro Awani; Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemutihan-kemas-kini-pangkalan-data-ekasih-tahun-depan-mustapa-329423

BIL	AGENSI	PROGRAM
		menggantikan Kad Perak Prihatin yang terdahulu, namun mengekalkan matlamat yang sama iaitu memastikan rakyat yang memerlukan mendapat sokongan untuk memenuhi keperluan harian. Kad ini menggunakan sistem tanpa tunai. Penerima boleh membuat pembelian di kedai dan pasar raya yang berdaftar sebagai rakan panel program. Setiap penerima akan menerima RM100 setiap bulan untuk membeli barangan asas terpilih. Jumlah ini dimasukkan secara automatik ke dalam kad. Jika dihitung setahun, bantuan ini bernilai RM1,200 bagi setiap isi rumah.[16] Inisiatif ini telah dilaksanakan bermula tahun 2019 di mana seramai 17,000 penerima telah menerima manfaat daripada pelaksanaan inisiatif ini, dan pada tahun 2025 jumlah penerima bantuan yang menerima manfaat telah meningkat kepada seramai 19,012 penerima.[17]  Kad Perak Sejahtera ***Sumber**: Laman Rasmi 2030 Perak Sejahtera*

[16] Perak Sejahtera 2030. (2025, December). *Kad Perak Sejahtera: Inisiatif Bantuan Untuk Meringankan Kos Sara Hidup Rakyat Perak*. Perak Sejahtera 2030. https://www.peraksejahtera.com/kad-perak-sejahtera-inisiatif-bantuan-untuk-meringankan-kos-sara-hidup-rakyat-perak/

[17] Perak Sejahtera 2030. (2025, March 2). *Program Bantuan Kad Perak Sejahtera - Perak Sejahtera 2030*. Perak Sejahtera 2030. https://www.peraksejahtera.com/en/program-bantuan-kad-perak-sejahtera/

BIL	AGENSI	PROGRAM
		• **Bantuan Tandas daripada KKM** Peruntukan Belanjawan 2025 akan digunakan untuk membaiki tandas hospital dan wad pesakit yang uzur, serta menaik taraf klinik daif dengan peruntukan RM300 juta. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima peruntukan kedua tertinggi sebanyak RM45.3 bilion untuk memastikan kemudahan perkhidmatan kesihatan awam yang berkualiti, selesa, dan mesra rakyat.
3.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat	• Menyelaraskan maklumat dan mengemaskini data dalam sistem sedia ada. Langkah ini bertujuan memastikan saluran bantuan dapat diagihkan secara lebih berfokus, tepat dan berkesan kepada golongan yang memerlukan, sekali gus meningkatkan keberkesanan program kebajikan dan kesejahteraan masyarakat setempat mengikut kumpulan sasaran serta peranan jabatan masing-masing.



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pertubuhan Peladang Kawasan Padang Rengas	• Pertubuhan Peladang (PP) ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109). Di Malaysia terdapat 14 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 279 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).[18] • PPK Padang Rengas ditubuhkan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup ahli-ahli serta mewujudkan masyarakat

[18] Lembaga Pertubuhan Peladang. (2025). *Portal Rasmi Laman Web LPP*. Lpp.gov.my. https://www.lpp.gov.my/article/view/pengenalan-pertubuhan-peladang

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		peladang yang progresif, berdikari, makmur dan bersepadu. ● PPK Padang Rengas telah menyalurkan peruntukan subsidi baja padi kepada pesawah, selain menyediakan subsidi racun dan insentif bagi memastikan penanaman padi dua kali setahun dapat dilaksanakan dengan jayanya. Langkah ini telah memastikan tuaian padi mencukupi sebagai bekalan beras berterusan kepada negara, pada masa yang sama menjamin pendapatan pesawah serta membuka peluang pekerjaan secara berterusan kepada pesawah dan penduduk setempat. ● Selain daripada itu, PPK Padang Rengas turut menganjurkan program Jualan Agro Madani pada 23 Januari 2025 yang diadakan di Tapak Perkarangan Bangunan Pejabat PPK Padang Rengas.  Sekitar Program Jualan Agro Madani ***Sumber**: Facebook PPK Padang Rengas*



MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Rengas Muay Club	● **Pusat Latihan Muay Thai** Rengas Muay Club mewujudkan sebuah pusat latihan Muay Thai sebagai inisiatif pembangunan komuniti dengan tujuan memberi pendedahan dan pendidikan seni bela diri kepada masyarakat setempat. Penubuhan pusat latihan ini bukan sahaja menyediakan ilmu dan kemahiran seni bela diri, malah turut menggalakkan pengamalan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti, khususnya golongan belia, sekali gus membantu menjauhkan mereka daripada amalan merokok serta penyalahgunaan bahan terlarang. Melalui penyertaan dalam aktiviti latihan yang berstruktur, komuniti juga memperoleh pendidikan berterusan berkaitan disiplin, kesihatan fizikal dan nilai positif yang terkandung dalam seni bela diri. Muay Thai berasal dari Thailand sebagai seni bela diri tradisional yang pada asalnya digunakan oleh tentera Siam untuk mempertahankan diri dalam peperangan. Ia menggunakan teknik lapan anggota badan iaitu tangan, siku, lutut dan kaki. Seiring perkembangan zaman, Muay Thai berkembang daripada seni tempur kepada sukan yang teratur dengan peraturan dan pertandingan rasmi. Kini, Muay Thai diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai sukan moden yang masih mengekalkan nilai budaya, ritual dan tradisi masyarakat Thailand.[19]

[19] *History of Muaythai – International Federation of Muaythai Associations*. (2019). International Federation of Muaythai Associations. https://muaythai.sport/history-of-muaythai/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		 Aktiviti Mingguan Rengas Muay Club ***Sumber**: Facebook Persatuan Pergerakan Amal Bakti - PPAB*



MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER DAN MEMPERKASA SEMUA GOLONGAN WANITA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti	• Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti telah mengambil inisiatif dengan menghantar serta menambah bilangan jurulatih wanita bagi memastikan penglibatan wanita dalam sukan Muay Thai dapat dilaksanakan secara inklusif dan selesa. • Langkah ini secara tidak langsung dapat mengelakkan diskriminasi dalam kalangan wanita, di samping menggalakkan penyertaan yang lebih aktif serta mewujudkan persekitaran latihan yang adil dan mesra gender dalam bidang sukan berkenaan. Buktinya, sukan ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan wanita dan kanak-kanak perempuan di Padang Rengas melalui penyertaan mereka dalam Rengas Muay Club.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		 Peserta Ujian Asas Muaythai Tahap 1 ***Sumber**: Instagram Rasmi Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti*[20]

P2-Prosperity / Kemakmuran



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN MAMPAN, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah)	• Penyediaan bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) atau keusahawanan kepada pekebun kecil serta ahli isi rumah pekebun kecil merupakan antara langkah strategik bagi meningkatkan sumber pendapatan alternatif selain bergantung sepenuhnya kepada hasil getah. • AET merupakan salah satu inisiatif RISDA di bawah Program Pembangunan Usahawan yang direka bagi membantu meningkatkan jumlah pendapatan serumah pekebun kecil melalui aktiviti perniagaan. Ini selaras dengan Model Perancangan Strategik RISDA (MPSR) bagi tahun 2020 – 2025.[21] AET membolehkan pekebun kecil berjinak-jinak dalam pelbagai industri berbeza, namun empat industri

[20] *Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti on Instagram: "Selesai menjalani ujian asas muaythai tahap 1 Tahniah kepada semua anak-anak hebat! Kejayaan ini bukan sekadar markah atau piala, tetapi bukti bahawa usaha dan disiplin akan membawa hasil. Teruskan melangkah dengan semangat, rendah diri, dan rasa syukur. Dunia ini perlukan lebih ramai anak muda yang berani bermimpi dan berbuat baik seperti kalian."* (2017). Instagram. https://www.instagram.com/p/DPsy2KwD0Ul/?img_index=1

[21] Suara RISDA. (2022, December 9). *Jana Pendapatan dengan Aktiviti Ekonomi Tambahan - Suara Risda*. Suara Risda. https://www.suararisda.my/blog/jana-pendapatan-dengan-aktiviti-ekonomi-tambahan-02

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		telah digariskan sebagai industri yang diutamakan oleh RISDA; - Industri Perkhidmatan - Industi Makanan - Industri Pembuatan - Industri Pertanian ● Bantuan ini dicadangkan diberikan secara *one-off* dengan nilai sehingga RM20,000 dalam bentuk barangan atau aset perniagaan, selaras dengan sasaran RISDA untuk membolehkan pekebun kecil mencapai pendapatan sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan menjelang tahun 2025. ● Pelaksanaan bantuan AET ini dijangka dapat meningkatkan pendapatan isi rumah pekebun kecil secara mampan, khususnya melalui penglibatan dalam aktiviti keusahawanan yang menjana pendapatan berterusan. ● Sehingga Ogos 2025, seramai 375 orang pekebun kecil telah menerima bantuan AET, manakala seramai 100 orang penerima dikenal pasti telah mencapai tahap pendapatan RM2,500 sebulan dan tertakluk kepada cukai pendapatan hasil daripada aktiviti keusahawanan yang dijalankan.
2.	Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti	● **Pusat Latihan Komuniti** Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti telah mewujudkan pusat latihan komuniti sebagai platform untuk meningkatkan kemahiran serta memberi peluang kepada jurulatih menambah pendapatan melalui penganjuran kelas dan program latihan yang tersusun.
3.	Jabatan Tenaga Kerja & PERKESO	● Inisiatif Jabatan Tenaga Kerja dan PERKESO menumpukan kepada peluasan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan melalui pengawalan pengambilan tenaga kerja asing, di samping memperbanyakkan ruang dan akses kepada latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan. Selain itu, inisiatif ini turut merangkumi penyediaan geran kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta usaha

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		mengurangkan kerenah birokrasi dalam proses pemberian lesen perniagaan IKS bagi menggalakkan pertumbuhan sektor keusahawanan. ● Pelaksanaan menyeluruh inisiatif ini dijangka mampu meningkatkan ekonomi penduduk setempat, mengurangkan kadar pengangguran, dan seterusnya menurunkan kadar kemiskinan secara berperingkat dan mampan.
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	● Majlis Perbandaran Kuala Kangsar menggalakkan serta menyediakan kemudahan yang menyokong pelaksanaan aktiviti perniagaan dan industri secara terancang bagi merangsang pembangunan ekonomi setempat. Usaha ini bukan sahaja membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, malah turut menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	● Perancangan yang teratur telah dirangka bagi pembangunan skim perumahan baharu dengan menitikberatkan pelaksanaan sistem perbandaran moden yang selari dengan pelan-pelan pembangunan semasa. Pendekatan ini memastikan akses perumahan kepada kemudahan asas disediakan secara terancang dan sistematik, sekali gus meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan penduduk setempat.
2.	Jabatan Kerja Raya Kuala Kangsar	● **Pembaikan Sekolah Daif** Pembaikan menyeluruh terhadap sekolah daif di Sekolah Kebangsaan Ulu Kenas, Kuala Kangsar telah dilaksanakan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa dan selamat kepada murid. Penambahbaikan infrastruktur sekolah ini menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif, sekali gus meningkatkan minat dan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		motivasi pelajar untuk hadir ke sekolah serta mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih berkesan.
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	• **Rancangan Tebatan Banjir Daerah Kuala Kangsar** Rancangan Tebatan Banjir Daerah Kuala Kangsar dilaksanakan bagi meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan hidup penduduk setempat dengan mengurangkan kerosakan akibat banjir. Selain melindungi kediaman dan harta benda, rancangan ini turut menyokong peningkatan aktiviti ekonomi, khususnya dalam sektor perindustrian dan hasil pertanian penduduk, serta meningkatkan nilai hartanah di kawasan terlibat.
4.	Jabatan Kerja Raya Kuala Kangsar	• **Pembinaan Jalan Baru** JKR Kuala Kangsar mencadangkan pembinaan jalan baharu di Kampung Kati bagi meningkatkan tahap perhubungan dan aksesibiliti kawasan tersebut. Pelaksanaan projek ini dijangka dapat membuka lebih banyak peluang ekonomi dan sosial kepada penduduk kampung, di samping menyumbang kepada peningkatan pendapatan melalui kemudahan pergerakan, akses kepada pasaran, serta sokongan kepada aktiviti keusahawanan dan pembangunan setempat.

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	• ***Community Policing Program*** Program *Community Policing* (Polisi Komuniti) adalah pendekatan keselamatan yang melibatkan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		kerjasama erat antara pihak polis dan komuniti untuk mencegah jenayah, meningkatkan keselamatan dan mewujudkan hubungan kepercayaan.[22]Matlamat kepolisan komuniti diperkenalkan adalah untuk menggalakkan strategi proaktif melalui perkongsian maklumat jenayah indeks oleh komuniti, mentransformasi PDRM melalui organisasi kepolisan komuniti dan membentuk penyelesaian masalah berkaitan pencegahan jenayah indeks.[23] Melalui program *Community Policing* ini, pihak polis mendekati masyarakat melalui pendekatan santai seperti aktiviti *'Meet and Greet', 'Walkabout'* serta *'Stop and talk'.* ● Pendekatan ini membolehkan orang ramai menerima maklumat secara langsung daripada pihak polis semasa pertemuan berlangsung, di samping memberi peluang kepada masyarakat menyalurkan maklumat berharga yang boleh membantu usaha pencegahan jenayah. Selain itu, maklum balas yang diterima daripada komuniti dapat dijadikan input penting dalam merangka strategi keselamatan yang lebih berkesan, sekali gus mewujudkan kerjasama yang kukuh antara pihak polis dan masyarakat dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan bersama.

[22] abdulrahman. (2025, January 15). *Community Policing Tambah Baik Kesedaran Kepentingan Keselamatan - Malaysiaaktif*. Malaysia Aktif. https://malaysiaaktif.my/2025/01/community-policing-tambah-baik-kesedaran-kepentingan-keselamatan/

[23] Mamat, M. R., & Burhan , N. A. S. (2023, April 25). *Keberkesanan Program Kepolisan Komuniti dalam Pencegahan Jenayah di Kawasan Pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang* [Review of *Keberkesanan Program Kepolisan Komuniti dalam Pencegahan Jenayah di Kawasan Pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang*]. e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities. https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2002.25



MEMPERKUKUHKAN KAEDAH PELAKSANAAN DAN MENGGIATKAN SEMULA PERKONGSIAN GLOBAL UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	• Pengemaskinian syarat guna tanah dilakukan bagi menyokong pembangunan sektor pelancongan secara terancang dan mampan. Langkah ini bertujuan memastikan pembangunan pelancongan dapat dilaksanakan selaras dengan perancangan guna tanah, keperluan tempatan serta pemeliharaan warisan dan alam sekitar. • Pelaksanaan inisiatif ini dijangka mampu merangsang pembangunan ekonomi setempat melalui peningkatan aktiviti pelancongan, pewujudan peluang pekerjaan, serta pertumbuhan peluang perniagaan dalam kalangan komuniti tempatan.

Nota
** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*
** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Isu : Pemberdayaan Komuniti Belia

Keperluan sokongan dan pemberdayaan komuniti belia untuk pembangunan jati diri.

Kekurangan kemudahan dan tempat riadah untuk belia.

- Komuniti Toh Muay tidak mempunyai kemudahan atau pusat rekreasi yang bersesuaian untuk menjalankan latihan. Kos sewaan premis seperti kedai lot adalah tinggi. Ini menyukarkan penyediaan tempat latihan yang selamat dan tetap.

Ketiadaan dana dalam kelestarian program untuk belia setempat.

- Ketiadaan dana menyebabkan aktiviti-aktiviti sukar untuk dijalankan secara konsisten. Ini juga menyebabkan kekurangan kelengkapan khususnya seperti sarung tangan, alat pelindung dan peralatan latihan lain.

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;


- Cabaran Semasa
- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan







Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Pembangunan Sosial Belia

Pembangunan belia di Padang Rengas berdepan cabaran ketara dari segi kesejahteraan fizikal, mental dan sosial, khususnya akibat kekurangan ruang dan platform aktiviti sihat yang berterusan dan tersusun. Dalam konteks semasa, aktiviti sukan bukan lagi sekadar pengisian masa lapang, tetapi berfungsi sebagai instrumen penting pembentukan jati diri, disiplin, nilai kerohanian serta pencegahan masalah sosial.

Komuniti Toh Muay dan Kelab Rengas Muay Thai merupakan contoh inisiatif akar umbi yang lahir daripada keperluan sebenar komuniti. Ketiadaan kemudahan riadah yang sesuai menyebabkan belia, khususnya pada waktu malam tidak mempunyai pilihan aktiviti sihat. Aktiviti seperti futsal hanya boleh dilakukan pada waktu siang kerana ketiadaan fasiliti yang kondusif manakala aktiviti seperti sepak takraw pula memerlukan perjalanan jauh sehingga ke Lubuk Merbau dan menyukarkan belia tanpa kenderaan.

Pada peringkat awal penubuhannya latihan Muay Thai dijalankan di lot kedai komersial, namun terpaksa dihentikan berikutan aduan bunyi bising sehingga lewat malam. Kekangan ini memaksa pasukan berpindah ke bawah jambatan berhampiran Balai Polis Padang Rengas sebagai lokasi latihan alternatif yang bersifat sementara dan tidak dirancang secara rasmi.

Selain itu, kekurangan dana operasi dan peralatan latihan menjejaskan kesinambungan program. Aktiviti ini memerlukan peralatan keselamatan lengkap seperti sarung tangan, alat pelindung badan dan '*punching bag*' yang berkualiti bagi memastikan keselamatan peserta khususnya kanak-kanak seawal lima tahun.

Walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan, inisiatif ini telah berjaya menarik belia dan membawa perubahan ketara terhadap tingkah laku sosial, kesihatan fizikal dan pembentukan disiplin diri. Muay Thai bukan sahaja mendidik kekuatan fizikal malah menuntut disiplin tinggi seperti penjagaan pemakanan, rehat yang mencukupi, larangan penggunaan barang terlarang termasuk rokok serta pengukuhan nilai kerohanian.

Cabaran Semasa

Program latihan Muay Thai percuma yang dikendalikan oleh Persatuan Pergerakan Amal Bakti Padang Rengas dan Kelab Rengas Muay Thai telah berjalan hampir tiga tahun dan kini melibatkan penyertaan belia di pelbagai peringkat;

- Tahap 1: Kanak-kanak berumur 5 hingga 13 tahun yang memberi fokus kepada asas disiplin, koordinasi dan pembinaan sahsiah. Penyertaan sehingga kini adalah seramai 30 orang.
- Tahap 2: Peserta amatur yang pernah menyertai perlawanan. Keahlian terkini seramai 5 orang.
- Tahap 3: Atlet separa profesional yang bertanding di peringkat lebih tinggi. Keahlian terkini seramai 7 orang.
- Tahap 4 : Atlet profesional yang memerlukan komitmen latihan sehingga 6 jam sehari. Keahlian terkini 1 orang.

Pasukan ini telah mencapai kejayaan membanggakan dengan memenangi enam pingat emas dan empat pingat perak dalam kejohanan Muay Thai. Beberapa atlet yang turut merupakan bekas 'mat rempit' yang berjaya keluar daripada aktiviti gejala sosial dan kini menjadi ikon perubahan positif dalam komuniti.

Namun cabaran utama yang dihadapi termasuk;

- Ketiadaan lokasi latihan tetap yang sesuai, selamat dan diiktiraf.
- Risiko keselamatan kanak-kanak akibat lokasi latihan terbuka.
- Aduan komuniti berkaitan bunyi bising jika latihan dilakukan berhampiran kawasan perumahan.
- Kekangan mobiliti belia tanpa kenderaan.
- Kekurangan kemudahan penyimpanan peralatan kerana '*punching bag*' bersifat statik dan sukar dialih.
- Keperluan pemantauan keselamatan kerana aktiviti melibatkan perhimpunan belia.

Berdasarkan hasil perbincangan, terdapat dua cadangan penyelesaian yang dicadangkan oleh wakil agensi yang hadir;

1) Penyelesaian Jangka Pendek
2) Penyelesaian Jangka Panjang

Cadangan Penyelesaian Jangka Pendek

Menggunapakai Infrastruktur Sedia Ada di Kawasan Bawah Jambatan.

Bagi penyelesaian segera, penggunaan kawasan bawah jambatan berhampiran Balai Polis Padang Rengas dicadangkan untuk diteruskan dan diformalkan sebagai lokasi latihan Muay Thai dan aktiviti seni bela diri komuniti. Cadangan ini mengambil kira realiti semasa di lapangan, keperluan mendesak belia serta kekangan kewangan dan infrastruktur sedia ada.

Pemilihan kawasan bawah jambatan adalah berdasarkan justifikasi utama.

- Lokasi ini telah digunapakai secara konsisten tanpa menimbulkan isu keselamatan kritikal. Ini menunjukkan tahap penerimaan secara tidak langsung oleh komuniti setempat serta kesesuaian lokasi tersebut untuk aktiviti fizikal berintensiti tinggi.
- Kedudukan yang agak jauh daripada kawasan perumahan mengurangkan risiko aduan bunyi bising pada waktu malam.
- Penggunaan kawasan ini membolehkan latihan dijalankan secara fleksibel tanpa kekangan masa operasi seperti dewan orang ramai, sekaligus memberi ruang kepada atlet separa profesional dan profesional yang memerlukan tempoh latihan lebih panjang dan berjadual.

Skop Cadangan Pelaksanaan.

- Kebenaran Rasmi dan Penyelarasan Agensi.
  - Penggunaan kawasan bawah jambatan perlu diformalkan melalui kebenaran bertulis daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi penyelenggara.
  - Kebenaran ini penting bagi mengelakkan isu penguatkuasaan di masa hadapan serta memberi legitimasi kepada aktiviti komuniti yang sedang berjalan.
  - Pada masa yang sama penyelarasan bersama Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar diperlukan bagi memastikan permit penggunaan, kawalan keselamatan dan pematuhan peraturan tempatan dapat dilaksanakan secara berhemah tanpa menjejaskan aktiviti.
- Pembinaan Struktur Sementara dan Tidak Kekal.
  - Bagi meningkatkan keselamatan dan kecekapan operasi, pembinaan struktur sementara yang tidak melibatkan binaan kekal termasuk pagar keselamatan bagi mengawal keluar masuk kawasan latihan, stor peralatan serta penandaan zon latihan yang jelas bagi mengelakkan risiko kecederaan.
  - Pembinaan sementara ini selari dengan keperluan JKR, meminimakan implikasi kos serta memudahkan penyesuaian sekiranya lokasi alternatif dikenal pasti pada masa hadapan.

- Khidmat Nasihat Teknikal JKR.
  - JKR dicadangkan untuk memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan aspek keselamatan struktur, pencahayaan, aliran trafik serta pengurusan risiko.
  - Panduan teknikal ini penting bagi memastikan lokasi latihan mematuhi keperluan asas keselamatan khususnya kerana melibatkan kanak-kanak seawal umur 5 tahun dan peralatan latihan berimpak tinggi.
- Aspek Keselamatan dan Kawalan Aktiviti.
  - Memandangkan aktiviti melibatkan kumpulan belia yang ramai, aspek keselamatan perlu diberi penekanan khusus. Ini termasuk kawalan akses bagi mengelakkan kemasukan individu luar tanpa kebenaran, penetapan waktu latihan yang jelas, serta penyelarasan dengan PDRM bagi tujuan pemantauan dan sokongan keselamatan apabila perlu.
  - Pendekatan ini bukan sahaja melindungi peserta malah meningkatkan keyakinan ibu bapa, komuniti setempat terhadap keselamatan aktiviti yang dijalankan.

Berdasarkan hasil perbincangan dan maklum balas awal daripada agensi teknikal yang terlibat, tiada halangan teknikal daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap cadangan penggunaan kawasan bawah jambatan sebagai lokasi latihan Muay Thai secara sementara dan tidak kekal.

Pihak agensi yang hadir menyokong pelaksanaan aktiviti pembangunan belia dan sukan komuniti walau bagaimanapun sokongan ini tertakluk kepada pematuhan prosedur pentadbiran dan peraturan sedia ada dan perlu mengemukakan permohonan rasmi untuk tujuan;

- Mendapatkan kebenaran bertulis penggunaan tapak.
- Penyelarasan permit penggunaan sementara.
- Penetapan syarat keselamatan dan tempoh penggunaan.

Dengan pengesahan rasmi tersebut, agensi teknikal boleh memainkan peranan masing-masing dalam memberi khidmat nasihat, pemantauan dan sokongan berterusan, sekaligus memastikan aktiviti dapat diteruskan secara sah, selamat dan mampan sehingga penyelesaian jangka panjang dilaksanakan.

Implikasi dan Manfaat Jangka Pendek

Pelaksanaan penyelesaian jangka pendek ini dijangka memberi manfaat segera antaranya;

- Menyediakan ruang aktiviti selamat dan konsisten untuk belia.
- Mengurangkan risiko gejala sosial melalui pengisian masa malam yang positif.
- Mengukuhkan pembangunan disiplin diri dan sahsiah belia.

- Mengoptimumkan penggunaan ruang awam sedia ada tanpa kos pembangunan tinggi.

Pendekatan ini bersifat praktikal, kos rendah dan realistik untuk dilaksanakan dalam tempoh segera. Ia juga berfungsi sebagai penyelesaian peralihan sementara (*transitional-solution*) sementara perancangan pembangunan kemudahan sukan yang lebih komprehensif dilaksanakan dalam jangka masa panjang.

Cadangan Penyelesaian Jangka Panjang

Pembangunan Kompleks Sukan/ Dewan Tempur Bersepadu Kuala Kangsar
Bagi memastikan penyelesaian yang mampan, berimpak tinggi dalam tempoh jangka panjang, agensi yang hadir mencadangkan pembangunan sebuah Kompleks Sukan atau Dewan Tempur Bersepadu di atas tanah milik kerajaan negeri dengan keluasan anggaran 20 ekor, yang dikenalpasti terletak berhampiran dengan GIATMARA (tidak dinyatakan secara jelas lokasi sebenar tapak yang dicadangkan).

Pembangunan kompleks ini bertujuan untuk menyediakan sebuah kemudahan sukan khusus yang dapat menempatkan pelbagai disiplin seni bela diri dan aktiviti pembangunan belia dalam satu lokasi bersepadu.

Pendekatan bersepadu ini bukan sahaja menyelesaikan isu ketiadaan gelanggang Muay Thai yang sesuai dan kekal, malah menangani masalah lebih luas melibatkan seni mempertahankan diri lain yang kini terpaksa menumpang di tanah persendirian atau kemudahan sementara. Situasi ini menjadikan aktiviti berisiko untuk dihentikan secara tiba-tiba apabila berlaku pertukaran pemilikan tanah, kematian pemilik atau perubahan guna tanah.

Pembangunan dewan tempur bersepadu ini berpotensi menjadi pusat rujukan dan latihan di peringkat daerah dan negeri, sekaligus membuka ruang kepada penganjur kejohanan, program bakat muda, latihan jurulatih serta penglibatan komuniti yang lebih meluas. Ia juga memberi peluang kepada belia tempatan untuk membina laluan kerjaya dalam bidang sukan, sama ada sebagai atlet, jurulatih, pengadil atau pengurus sukan.

Cabaran Penyelesaian
Cabaran utama yang akan dihadapi adalah kos pembinaan dan penyelenggaraan yang tinggi khususnya bagi kemudahan dewan tempur yang memerlukan spesifikasi keselamatan, pencahayaan, sistem pengudaraan dan kemudahan sokongan yang memadai. Selain itu, kos penyelenggaraan jangka panjang juga perlu diambil kira bagi memastikan kemudahan tidak terbiar atau rosak selepas di bangunkan.

Tapak cadangan juga berpotensi memerlukan kerja tanah dan perataan kawasan berbukit yang boleh meningkatkan kos dan tempoh pelaksanaan projek. Aspek perancangan tapak dan reka bentuk perlu dibuat dengan teliti bagi meminimumkan impak alam sekitar serta memastikan kebolehlaksanaan teknikal.

Cabaran lain termasuk kemungkinan aduan bunyi bising sekiranya lokasi tidak dirancang dengan strategik terutamanya bagi aktiviti latihan dan kejohanan yang melibatkan bunyi dan pergerakan orang ramai. Hal ini memerlukan perancangan zon guna tanah dan reka bentuk akustik yang sesuai.

Selain itu, isu penentuan agensi peneraju (*lead agency*) turut menjadi cabaran memandangkan pembangunan sukan melibatkan pelbagai pihak seperti Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Ketiadaan agensi peneraju yang jelas boleh menjejaskan koordinasi, kelulusan dan pelaksanaan projek.

Walaupun permohonan peruntukan telah dikemukakan sebelum ini, kekangan kelulusan dana kekal menjadi cabaran utama kepada agensi. Tanpa peruntukan yang mencukupi dan berfasa, projek berisiko untuk tertangguh atau dilaksanakan secara tidak menyeluruh. Tambahan pula, akan berlaku risiko kegagalan projek sekiranya kemudahan yang dibina tidak dimanfaatkan sepenuhnya akibat ketiadaan pelan operasi, pengurusan dan program berterusan.

Cadangan Penyelesaian Cabaran

Bagi memastikan cadangan pembangunan kompleks sukan ini dapat dilaksanakan secara berkesan dan mampan, beberapa langkah penyelesaian dicadangkan seperti berikut;

1. Penubuhan satu jawatankuasa khas pelbagai agensi dicadangkan bagi menyelaras keseluruhan aspek perancangan dan pelaksanaan projek. Jawatankuasa ini berperanan menyelaras isu status tanah, kelulusan teknikal, permit, peruntukan kewangan serta model operasi dan penyelenggaraan kemudahan selepas siap dibangunkan.
2. Penetapan satu agensi peneraju yang jelas seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS) atau Majlis Sukan Negara (MSN) adalah penting bagi memastikan hala tuju, koordinasi dan akauntabiliti projek. Agensi peneraju ini akan bertindak sebagai *focal point* antara kerajaan negeri, agensi teknikal dan komuniti pengguna.
3. Reka bentuk kompleks dicadangkan menggunakan konsep dewan pelbagai guna bagi memaksimumkan penggunaan kemudahan sepanjang tahun. Pendekatan ini membolehkan kompleks digunakan untuk pelbagai aktiviti sukan, latihan,

program komuniti dan acara berkala, seterusnya meningkatkan pulangan sosial dan ekonomi berbanding pembangunan kemudahan khusus yang terhad penggunaannya.

4. Penglibatan PDRM dicadangkan bagi tujuan pemantauan keselamatan, kawalan aktiviti dan pencegahan pengaruh negatif seperti gengstarisme atau penyalahgunaan aktiviti sukan. Penglibatan ini penting untuk memastikan aktiviti sukan kekal sebagai platform pembangunan belia yang positif dan terkawal.
5. Penglibatan MPKK dan komuniti setempat adalah kritikal bagi meningkatkan penerimaan sosial terhadap pembangunan kompleks ini. Libat urus awal dengan komuniti dapat mengurangkan risiko bantahan, membina rasa memiliki dan memastikan kemudahan yang dibangunkan benar-benar memenuhi keperluan setempat.

Sokongan dan Pembiayaan APPGM-SDG

Program pembangunan belia melalui aktiviti Muay Thai di Padang Rengas telah menerima sokongan kewangan awal melalui pemberian geran berjumlah RM40,000 oleh APPGM-SDG kepada Pusat Latihan Muay Thai Padang Rengas. Sokongan ini telah membantu mengurangkan kekangan utama yang dihadapi pasukan khususnya berkaitan kekurangan peralatan latihan dan aspek keselamatan peserta.

Peruntukan geran tersebut telah dimanfaatkan secara berfokus untuk pembelian peralatan latihan dan keselamatan seperti sarung tangan, alat pelindung badan serta peralatan sokongan lain yang diperlukan bagi memastikan latihan dapat dijalankan secara lebih selamat, berstruktur dan konsisten. Hasil daripada sokongan ini, pusat latihan kini berkeupayaan menampung sehingga 30 orang peserta dalam satu-satu masa berbanding kapasiti yang lebih terhad sebelum ini.



Simbolik Majlis Penyerahan Training-Kit Muay Thai kepada Rakan Solusi Pusat Latihan Muay Thai Padang Rengas oleh APPGM-SDG

Sokongan kewangan ini bukan sahaja meningkatkan kualiti latihan malah memperkukuh keyakinan ibu bapa dan komuniti terhadap keselamatan serta keberkesanan program

yang dijalankan. Ia juga membolehkan penyertaan belia diperluaskan tanpa membebankan komuniti setempat dengan kos penyertaan yang tinggi, selari dengan matlamat menjadikan sukan sebagai medium pembangunan belia yang inklusif.

Selain sokongan kewangan, komitmen dan kehadiran wakil agensi teknikal dan berkepentingan dalam sesi perbincangan telah membuka ruang kepada penyelesaian pentadbiran yang lebih pantas dan praktikal. Isu penggunaan lokasi latihan di bawah jambatan, yang merupakan keperluan mendesak bagi kesinambungan aktiviti, berpotensi diselesaikan melalui penyelarasan antara agensi tanpa memerlukan proses dokumentasi yang panjang atau kelulusan dasar baharu. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sokongan bukan kewangan seperti kebenaran penggunaan tapak, khidmat nasihat teknikal dan pemantauan keselamatan adalah sama penting dengan peruntukan dana dalam memastikan kelangsungan program.





Simbolik Majlis Penyerahan Training-Kit Muay Thai kepada Rakan Solusi Pusat Latihan Muay Thai Padang Rengas oleh APPGM-SDG

Potensi Pembiayaan Masa Hadapan

Bagi memastikan kelestarian program dalam jangka sederhana dan panjang, beberapa sumber pembiayaan masa hadapan boleh dipertimbangkan secara berfasa dan berstrategi. Antaranya termasuk peruntukan dan geran di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Majlis Sukan Negara (MSN) bagi tujuan pembangunan infrastruktur asas, latihan atlet dan pembangunan bakat. Di peringkat kerajaan negeri, sokongan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri Perak (SUK), Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Institut Darul Ridzuan (IDR) dan inisiatif kesejahteraan sosial seperti Perak Sejahtera boleh diteroka khususnya bagi projek yang memberi impak langsung kepada pembangunan belia, pengurangan gejala sosial dan peningkatan kesejahteraan komuniti.

Selain itu, kerjasama dengan sektor swasta melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) juga berpotensi menjadi sumber sokongan kewangan dan bukan

kewangan, sama ada dalam bentuk penajaan peralatan, penambahbaikan kemudahan atau sokongan program kejohanan dan latihan. Pendekatan ini dapat mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada dana kerajaan di samping membina jaringan kerjasama yang lebih luas. Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan penggunaan dana, sebarang pembiayaan masa hadapan dicadangkan untuk disokong dengan pelan pelaksanaan yang jelas, penetapan indikator prestasi (KPI) serta mekanisme pemantauan bersama agensi berkaitan.

Senarai SDG;



Senarai Agensi Terlibat;

Penglibatan agensi yang dicadangkan adalah secara berfasa, selaras dengan keutamaan isu, tahap pelaksanaan dan keperluan teknikal.

Agensi Peringkat Daerah;

- Jabatan Kerja Raya (JKR)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Daerah

Agensi Peringkat Negeri dan Persekutuan;

- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Majlis Sukan Negara (MSN)
- Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Negeri Perak
- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- Institut Darul Ridzuan (IDR)
- Inisiatif Perak Sejahtera
- Exco Belia dan Sukan Negeri
- Parlimen Padang Rengas

BAHAGIAN 4: Penutup

Penutup

Secara keseluruhan, isu pembangunan belia melalui aktiviti Muay Thai di Padang Rengas mencerminkan keperluan mendesak kepada pendekatan yang lebih bersepadu, praktikal dan berasaskan realiti komuniti setempat. Inisiatif yang telah digerakkan oleh komuniti bukan sahaja membuktikan keupayaan belia untuk berubah ke arah yang positif, malah menunjukkan potensi besar sukan sebagai medium pembangunan sahsiah, disiplin dan kesejahteraan sosial.

Cadangan penyelesaian jangka pendek melalui guna pakai infrastruktur sedia ada serta perancangan jangka panjang pembangunan kompleks sukan bersepadu menyediakan laluan yang realistik dan mampan ke arah penyelesaian pentadbiran yang cekap serta belia berimpak tinggi di peringkat daerah dan negeri.

Sehubungan itu, kerjasama berterusan antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi keselamatan dan komuniti setempat amat penting bagi memastikan usaha pembangunan belia ini dapat direalisasikan secara inklusif, selamat dan berkesan. Pelaburan dalam pembangunan belia hari ini bukan sahaja membentuk atlet berprestasi, tetapi juga melahirkan generasi masa depan yang berdisiplin, berdaya saing dan menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.071 Gopeng

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 219

Objektif 221

Kaedah Pelaksanaan 222

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 222

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 223

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 225

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Gopeng 226

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 227

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 228

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 235

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 246



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi Parlimen Gopeng telah berjaya dilaksanakan pada 5 Februari 2025 (Rabu) bertempat di Hotel Grand Kampar, Perak. Bengkel ini telah mendapat sokongan penuh daripada Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Gopeng (P.071), YB Tuan Tan Kar Hing dan sokongan daripada dua buah Pejabat Tanah dan Daerah Kampar serta Kinta, Batu Gajah.

Seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada gabungan pelbagai agensi kerajaan di peringkat daerah telah menghadiri bengkel ini. Berikut merupakan senarai agensi kerajaan di peringkat Parlimen Gopeng yang telah hadir ke bengkel:

BIL	SENARAI AGENSI & ORGRANISASI
1.	Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Gopeng
2.	Pejabat Daerah dan Tanah, Kampar
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah
4.	Majlis Daerah Kampar
5.	Majlis Daerah Batu Gajah
6.	Ibu Pejabat Daerah (IPD), Batu Gajah
7.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
8.	Jabatan Pertanian Daerah Kinta dan Kampar
9.	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
10.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC)
11.	Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
12.	Pejabat PERHILITAN Daerah Kinta
13.	Penghulu dari pelbagai Mukim

Program ini telah dikendalikan oleh 5 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:

- **Siti Shafina Sanusi** (Pegawai Pembangunan Kapasiti)
- **Nurmaisarah Mohd Asri** (Pegawai Pembangunan Kapasiti)
- **Dr Thanaraj Murudi** (Ketua Zon Utara)
- **Lydia Ann Anak Bill** (Ketua Penyelidik)
- **Rose Helen Ambrose** (Pegawai Kebun Komuniti Zon Utara)



Para peserta Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Gopeng yang terdiri daripada gabungan pelbagai agensi kerajaan peringkat daerah di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Kampar serta Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah.

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan**: Pengukuhan kerjasama antara agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakah kaedah penyampaian yang telah dijalankan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang telah dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan '*ice breaking*'
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Gopeng
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan.

BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan (*Ice-Breaking*)

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Uniknya, permainan ini turut diintegrasikan dengan elemen SDG dimana kenyataan-kenyataan yang diberikan adalah berkait dengan SDG. Melalui aktiviti ini, para peserta bukan sahaja dapat berkenalan, malah turut didedahkan dengan amalan-amalan asas SDG secara santai dan menarik.



Para peserta Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Gopeng saling berinteraksi antara satu sama lain dalam permainan BINGO.

Dalam sesi seterusnya, para peserta memperkenalkan nama, agensi serta karakter yang menggambarkan personaliti masing-masing melalui permainan nama. Setiap peserta diberikan sebiji belon untuk ditiup dan mereka haruslah menulis nama serta karakter masing-masing di atas belon tersebut. Aktiviti ini bukan sahaja membantu peserta mengenali antara satu sama lain dengan lebih baik, malah ia juga mewujudkan suasana riang dan santai yang menggalakkan interaksi positif.



Aktiviti pengenalan diri peserta Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Gopeng menggunakan belon pelbagai warna.

Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* bengkel diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.



Aktiviti perbincangan dan pemetaan SDG oleh peserta Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Gopeng secara berkumpulan.

Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Gopeng

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah **perbincangan antara agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat**. Satu aktiviti interaktif telah dijalankan dan dimulakan dengan ketua penyelidik bagi Parlimen Gopeng, **Lydia Ann** membentangkan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu yang telah dijalankan. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

Tema : Sosial
Isu : Isu kesihatan berkenaan aktiviti kuari
Kumpulan sasaran : Penduduk Kg Tersusun khususnya kanak-kanak
Penerangan Isu : Letupan menyebabkan pintu, jendela berhabuk menyebabkan orang tua dan kanak-kanak, batuk sakit asma.







Perbincangan antara-agensi terhadap penyelesaian kepada cabaran yang berkaitan dalam menyelesaikan isu letupan kuari yang di usulkan di kawasan Parlimen Gopeng.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen Gopeng bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir. Bacaan ini telah diketuai oleh DSP Muhd Shakir Yahaya, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah, Perak.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Gopeng, Perak.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Gopeng. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh, serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Dapatan ini jelas menunjukkan bagaimana elemen sub-sasaran SDG telah diterapkan dalam operasi harian mereka, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan *5 Pillars* :



Berikut adalah merupakan antara hasil perbincangan dan pembentangan yang telah dijalankan. Antara SDG yang telah dikenalpasti telah dijalankan adalah seperti berikut;

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	• **Program Sifar Miskin Tegar** di Daerah Kampar adalah merupakan inisiatif yang dirancang untuk mengurangkan kadar kemiskinan tegar melalui pelbagai program tersusun. Pegawai PDT yang hadir menyatakan SDG yang berkait tindakan tersebut adalah seperti berikut; 
		• **Program Peningkatan Ekonomi Sejati Madani** Program ini merupakan inisiatif kerajaan yang bertujuan untuk merancakkan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti bagi meningkatkan pendapatan dengan pemberian dana sehingga RM100 ribu kepada komuniti yang layak. Wakil agensi yang hadir menyatakan, berdasarkan bantuan yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 

BIL	AGENSI	PROGRAM
2.	Pejabat Pertanian Daerah Kinta dan Kampar	• **Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia** (myGAP) dirangka untuk mengiktiraf ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB). • Skim ini bertujuan memastikan pengeluaran makanan yang selamat dan berkualiti, menjaga alam sekitar, serta menjamin keselamatan dan kebajikan pekerja. Wakil agensi yang hadir menyatakan, berdasarkan senarai bantuan sedia ada yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 
3.	Pejabat Pertanian Daerah Kinta dan Kampar	Pejabat Pertanian turut menawarkan pelbagai inisiatif dan bantuan kepada petani dan usahawan tani di kawasan Parlimen Gopeng untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka. 1. **Program Agropreneur Muda** Sasaran: Individu warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 45 tahun. Bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda khususnya di kawasan Parlimen Gopeng dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantaian nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani. 2. **Bantuan Modal Peralatan Pertanian** Membantu petani mendapatkan peralatan yang diperlukan untuk meningkatkan produktiviti hasil ladang seperti pam air, generator, dan peralatan paip.

BIL	AGENSI	PROGRAM
		3. **Kursus dan Latihan Pertanian** Pejabat Pertanian Daerah Kinta dan Kampar melalui Jabatan Pertanian Negeri Perak menawarkan pelbagai kursus untuk petani bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pertanian termasuk kemahiran asas tanaman, kawalan perosak serta Kursus *Internet of Things* (IOT) tanaman. Wakil agensi yang hadir menyatakan, berdasarkan senarai bantuan sedia ada yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Daerah Kampar	• JKM menyediakan bantuan bakul makanan kepada individu dan keluarga yang memerlukan, terutama mereka yang terjejas akibat bencana atau situasi kecemasan. Bantuan ini merangkumi barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung, bihun, sardin, kicap, biskut, dan kopi. Pegawai yang hadir menyatakan berdasarkan senarai bantuan sedia ada yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 

P2-Prosperity / Kemakmuran



MEMASTIKAN AKSES KEPADA TENAGA MAMPU MILIK, BOLEH DIPERCAYAI, MAMPAN DAN MODEN UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	• Menggalakkan pembangunan ladang solar di daerah Kampar melibatkan kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan. PDT Kampar berperanan dalam memproses permohonan pembangunan tanah dan memastikan projek yang dicadangkan mematuhi garis panduan serta peraturan yang ditetapkan di bawah Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Perak. Wakil agensi yang hadir menyatakan, berdasarkan senarai bantuan sedia ada yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA SEBAGAI MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Kampar	• **Program JENDELA** (Pelan Jalinan Digital Negara) merupakan inisiatif MCMC untuk meningkatkan infrastruktur dan kesalinghubungan digital di seluruh negara. Program ini melibatkan pembinaan dan penambahbaikan menara telekomunikasi, serta penyediaan akses internet berkelajuan tinggi kepada komuniti terutamanya di kawasan Simpang Pulai. • Salah satu komponen penting dalam JENDELA ialah **Pusat Sebaran Maklumat Nasional** (NADI), yang

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		berfungsi sebagai pusat komuniti untuk memudahkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Pusat NADI menyediakan kemudahan seperti komputer, akses internet, dan latihan ICT kepada penduduk setempat. Wakil agensi yang hadir menyatakan, berdasarkan senarai bantuan sedia ada yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	• Menggalakkan pembangunan ladang solar di daerah Kampar melibatkan kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan. PDT Kampar berperanan dalam memproses permohonan pembangunan tanah dan memastikan projek yang dicadangkan mematuhi garis panduan serta peraturan yang ditetapkan di bawah Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Perak. Wakil agensi yang hadir menyatakan, berdasarkan senarai bantuan sedia ada yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Polis Diraja Malaysia, (PDRM) Batu Gajah	**Program Volunteer Smartphone Patrol (VSP)** oleh **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** ialah inisiatif yang membolehkan orang awam menjadi mata dan telinga pihak polis dengan melaporkan kejadian jenayah atau aktiviti mencurigakan melalui aplikasi mudah alih. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara masyarakat dan polis dalam usaha membanteras jenayah serta meningkatkan keselamatan awam. **Ciri-ciri utama VSP**: 1. **Laporan Mudah & Cepat** – Pengguna boleh membuat laporan secara terus kepada PDRM melalui aplikasi VSP. 2. **Penggunaan Gambar & Video** – Pengguna boleh memuat naik gambar atau video sebagai bukti untuk membantu siasatan. 3. **Lokasi GPS** – Sistem membolehkan laporan disertakan dengan koordinat lokasi kejadian. 4. **Tanpa Nama (*Anonymous*)** – Pengguna boleh memilih untuk merahsiakan identiti mereka. 5. **Boleh Digunakan di Seluruh Malaysia** – Aplikasi ini boleh diakses di mana-mana sahaja dalam negara. Pegawai yang hadir menyatakan berdasarkan senarai bantuan sedia ada yang diberikan, SDG yang berkaitan adalah seperti berikut; 

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih jelas tentang tindakan yang sedang dilaksanakan.*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu Oleh Agensi

Hasil pemetaan isu di kawasan Parlimen Gopeng telah dibentangkan oleh wakil penyelidik APPGM-SDG, Lydia Ann. Wakil agensi yang hadir bersetuju untuk memberi fokus perbincangan kepada penyelesaian satu isu sahaja.

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

Tema : Alam Sekitar
Isu : Isu kesihatan berkenaan aktiviti kuari
Kumpulan sasaran : Penduduk Kg Tersusun khususnya kanak-kanak
Penerangan Isu : Letupan menyebabkan pintu, jendela berhabuk menyebabkan orang tua dan kanak-kanak, batuk sakit asma.

Aktiviti kuari yang dijalankan berdekatan kawasan perumahan telah menimbulkan kesan negatif kepada kesihatan penduduk setempat. Letupan yang berlaku secara berkala mengakibatkan gegaran dan pelepasan habuk, menyebabkan permukaan seperti pintu dan jendela sentiasa berdebu. Pendedahan berterusan kepada habuk ini telah menyumbang kepada peningkatan masalah pernafasan seperti batuk berpanjangan dan serangan asma, khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan warga emas yang lebih mudah terjejas.


Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan





Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah



Isu Alam Sekitar: Impak Terhadap Aktiviti Letupan Kuari

Berikut merupakan solusi yang dicadangkan oleh wakil agensi sewaktu perbincangan dijalankan.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Pembinaan Laluan Alternatif** Membina laluan alternatif sebagai laluan lain yang lebih jauh daripada kawasan perumahan yang diduduki penduduk.	Pelaksanaan cadangan pembinaan laluan alternatif ini menghadapi beberapa cabaran utama, antaranya: • Laluan baharu yang dirancang melibatkan kawasan tanah milik persendirian. • Proses mendapatkan kelulusan dan persetujuan daripada pemilik tanah boleh memakan masa dan menimbulkan konflik kepentingan. • Kos yang tinggi untuk proses pengambilan	Perancangan dan Pelaksanaan Proses Pengambilan Tanah Secara Tersusun. • Kerjasama antara kerajaan negeri, pejabat tanah, dan pihak berkuasa tempatan bagi menyelaras proses pengambilan tanah mengikut prosedur yang sah dan adil kepada pemilik tanah. Libat urus awal dengan pemilik tanah bagi menggunakan bantahan dan memastikan ketelusan dalam proses rundingan. Penyediaan Peruntukan Kewangan yang Mencukupi • Memohon peruntukan khas daripada kerajaan negeri atau	• Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Perak • Pejabat Daerah dan Tanah Kampar • Pengusaha kuari

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		tanah dan pembinaan infrastruktur jalan raya yang baharu.	persekutuan untuk tujuan pengambilan tanah dan pembinaan jalan alternatif. • Menyediakan anggaran kos terperinci untuk dimasukkan dalam rancangan pembangunan infrastruktur daerah.	
2.	**Penubuhan Pasukan Task Force Antara Agensi** Mewujudkan sebuah pasukan khas (Task Force) yang terdiri daripada gabungan pelbagai agensi kerajaan dan badan berkaitan, yang mempunyai kepakaran dalam bidang kesihatan, alam sekitar, perumahan, keselamatan, dan penguatkuasaan. Peranan Pasukan Task Force ini termasuklah: • Memantau secara berkala aktiviti kuari dan kesannya	Antara cabaran utama yang dikenalpasti dalam penubuhan pasukan ini ialah: • Kekurangan sumber manusia atau tenaga kerja di peringkat agensi, yang menghadkan keupayaan untuk menempatkan kakitangan secara khusus dalam pasukan ini.	Gabungan Tenaga Kerja Sedia Ada Secara Strategik • Wakil agensi boleh dicadangkan daripada kalangan pegawai sedia ada tanpa memerlukan lantikan baharu. Ini dapat mengurangkan keperluan sumber tambahan sambil tetap memenuhi fungsi pemantauan dan penguatkuasaan. • Penstrukturan pasukan Task Force dibuat secara fleksibel dan bersifat rentas agensi, dengan peranan yang jelas bagi setiap agensi berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. • Penubuhan sekretariat tetap atau jawatankuasa kerja di bawah	• Jabatan Mineral dan Galian (JMG) • Jabatan Alam Sekitar (JAS) • Polis DiRaja Malaysia (PDRM) • Pejabat Kesihatan Daerah

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	terhadap kesihatan awam serta alam sekitar. • Mengawal dan menguruskan aduan serta tindakan susulan daripada penduduk. • Menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari yang melanggar peraturan. • Menyediakan laporan berkala dan syor dasar kepada pihak berkuasa tempatan dan negeri. • Mengadakan libat urus berterusan bersama komuniti terjejas.	• Konflik tanggungjawab atau keutamaan antara agensi yang terlibat.	pentadbiran pihak berkuasa tempatan untuk menyelaras operasi pasukan dengan lebih berkesan. • Penetapan jadual pemantauan dan pelaporan secara berkala untuk mengurangkan beban kerja dan meningkatkan keberkesanan pemantauan.	
3.	**Pelaksanaan Program Kesedaran Komuniti Berkenaan Risiko Kesihatan Akibat Aktiviti Kuari** Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran komuniti secara berterusan untuk	Sikap Komuniti yang Sukar Menerima Perubahan Gaya Hidup. • Sebahagian penduduk mungkin tidak peka atau tidak melihat kesan jangka panjang	Libat Urus Komuniti secara Berperingkat dan Berterusan • Gunakan pendekatan “dari komuniti untuk komuniti” dengan melantik duta komuniti atau pemimpin tempatan sebagai ejen perubahan.	• Jabatan Mineral dan Galian (JMG) • Jabatan Alam Sekitar (JAS)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	mendidik penduduk setempat mengenai kesan aktiviti kuari terhadap kesihatan, serta langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil. Antara contoh aktiviti yang dicadangkan dalam program ini merangkumi: • Ceramah kesihatan oleh pegawai perubatan dan pakar penyakit pernafasan. • Bengkel penggunaan pelitup muka, pembersihan rumah daripada habuk, dan penjagaan kanak-kanak serta warga emas. • Edaran risalah dan infografik mengenai simptom awal penyakit berkaitan habuk serta panduan tindakan. • Kempen gotong-royong dan penanaman pokok sebagai penampan debu.	aktiviti kuari terhadap kesihatan. Terdapat juga halangan dari segi budaya, rutin harian, atau sikap pasif terhadap perubahan.	• Adakan sesi dialog dan forum komuniti untuk mendengar pandangan penduduk dan menggalakkan mereka rasa dimiliki dalam usaha ini. Gunakan Medium Komunikasi yang Dekat dengan Komuniti • Gunakan media sosial, WhatsApp group komuniti, masjid/surau, sekolah, dan balai raya untuk sampaikan mesej dengan cara yang mesra dan mudah difahami. • Hasilkan video ringkas, poster visual, atau drama pendek tempatan mengenai kesan aktiviti kuari. Gabung Elemen Insentif dalam Program • Sediakan insentif seperti pemeriksaan kesihatan percuma, hadiah pertandingan kebersihan rumah, atau baucar makanan sihat semasa program kesedaran.	• Polis DiRaja Malaysia (PDRM) • Pejabat Kesihatan Daerah

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	• Penyertaan sekolah tempatan dalam aktiviti pendidikan dan pertandingan kesedaran alam sekitar.		Kerjasama dengan NGO dan Institusi Kesihatan • Libatkan NGO berkaitan kesihatan dan alam sekitar serta institusi pendidikan tinggi tempatan untuk membantu merancang dan melaksanakan program ini secara lebih berkesan dan berimpak tinggi.	
4.	**Mewujudkan Zon Penampan (*Buffer Zone*) Berunsurkan Landskap Hijau** Zon penampan (*buffer zone*) dicadangkan untuk dibangunkan sebagai langkah mitigasi terhadap kesan pencemaran bunyi dan habuk akibat aktiviti kuari yang berdekatan dengan kawasan penempatan penduduk. Zon ini akan menampilkan elemen penghijauan seperti penanaman pokok hutan sekunder atau landskap mesra alam, dan boleh turut	Kekangan Kawasan Tanah • Zon penampan memerlukan kawasan yang luas dan sesuai, yang dalam konteks ini melibatkan tanah hak milik persendirian milik komuniti. • Terdapat cabaran mendapatkan persetujuan daripada pemilik tanah untuk membenarkan tanah mereka digunakan bagi tujuan awam seperti zon penampan.	Pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) • Agensi yang hadir mencadangkan agar pengusaha kuari melaksanakan program CSR sebagai sebahagian daripada komitmen mereka kepada komuniti yang terkesan. • Ini termasuk membiayai pembangunan zon penampan di kawasan terpilih yang berhampiran penempatan penduduk. • CSR ini boleh melibatkan penanaman pokok oleh pekerja kuari bersama komuniti, pembinaan struktur landskap ringan, atau	• Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) • Pengusaha kuari • Komuniti setempat

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	merangkumi struktur binaan seperti tembok penghadang, taman komuniti, atau taman rekreasi. Zon ini bukan sahaja berfungsi sebagai penghalang fizikal, tetapi juga sebagai ruang hijau yang meningkatkan kualiti hidup penduduk.	Kos Pembinaan dan Penyelenggaraan yang Tinggi ● Kos diperlukan untuk kerja-kerja penstrukturan kawasan, penanaman landskap, pembinaan kemudahan, dan penyelenggaraan berterusan. ● Kekangan kewangan ini boleh menjadi faktor penghalang utama kepada pelaksanaan zon penampan secara lestari.	penyediaan kemudahan asas seperti bangku dan papan tanda. Kerjasama Strategik antara Komuniti dan Pengusaha Kuari ● Wujudkan dialog dua hala untuk mendapatkan persetujuan komuniti bagi menjadikan sebahagian tanah persendirian sebagai kawasan zon penampan. ● Tawar insentif bukan kewangan seperti penyelenggaraan percuma atau sokongan teknikal dari pihak agensi. ● Tekankan manfaat langsung kepada komuniti – seperti udara lebih bersih, kurang bunyi bising, dan peluang rekreasi. Pemetaan dan Keutamaan Kawasan Kritikal ● Laksanakan pemetaan lokasi berimpak tinggi terlebih dahulu (*hotspot*) bagi menentukan kawasan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			yang paling memerlukan zon penampan. ● Tumpu kepada kawasan yang berisiko tinggi dan milik awam terlebih dahulu sebelum melibatkan tanah persendirian.	
5.	**Mengenal Pasti dan Menjalankan Kajian terhadap Penggunaan Teknologi Baru yang Lebih Mesra Alam dalam Aktiviti Kuari** Tujuan cadangan ini adalah untuk mengurangkan impak negatif aktiviti kuari terhadap kesihatan dan alam sekitar melalui penggunaan teknologi terkini yang lebih selamat, bersih, dan mesra alam. Antara contoh teknologi yang berpotensi digunakan termasuk: ● Sistem Kawalan Habuk Automatik – seperti penggunaan '*dust suppression*	Kos Teknologi yang Tinggi ● Kebanyakan teknologi mesra alam melibatkan pelaburan awal yang besar, terutamanya bagi kuari kecil atau pengusaha tempatan. ● Pengusaha mungkin tidak mempunyai insentif atau motivasi ekonomi untuk menukar sistem yang sedia ada. Kurangnya Pengetahuan dan Kepakaran Teknikal ● Terdapat kekangan dari segi pengetahuan	Insentif Kewangan dan Galakan Dasar daripada Kerajaan ● Memohon geran teknologi hijau atau insentif daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Malaysian Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC), serta lain-lain agensi berkaitan termasuk dalam dan luar negara. ● Menggalakkan dasar pematuhan berperingkat (contohnya, keperluan penambahbaikan sistem kawalan habuk dalam tempoh 3 tahun). ● Cadangan pengecualian cukai atau potongan cukai bagi peralatan mesra alam.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	system' yang menggunakan air kabus halus untuk memerangkap habuk. ● Letupan Berimpak Rendah (*Low-Impact Blasting*) – teknologi yang mengurangkan gegaran dan bunyi. ● Penapis atau penangkap zarah udara (*air filtration or dust collectors*) di kawasan pemprosesan batu. ● Pemantauan Udara dan Bunyi Secara Digital – menggunakan alat pemantauan pintar (IoT) untuk pemantauan berterusan kualiti udara dan bunyi bising. ● Mesin dan jentera elektrik atau hibrid – untuk mengurangkan pencemaran udara dari enjin diesel.	teknikal dalam kalangan pengusaha kuari tempatan untuk menilai, memilih dan mengendalikan teknologi baharu. ● Kekurangan sumber manusia yang mahir juga menyukarkan pelaksanaan teknologi secara berkesan. Ketiadaan Polisi atau Galakan daripada Pihak Berkuasa ● Tanpa insentif dasar seperti geran, pengecualian cukai atau peraturan mandatori, pengusaha kurang terdorong untuk melabur dalam teknologi hijau	Perkongsian Awam-Swasta (PPP) dan Latihan Kepakaran ● Menjalin kerjasama antara kerajaan, institusi penyelidikan dan pengusaha kuari untuk menjalankan kajian bersama dan demonstrasi teknologi. ● Menganjurkan bengkel dan kursus latihan untuk pengusaha kuari dan pekerja lapangan bagi meningkatkan keupayaan teknikal mereka. Pelaksanaan Projek Rintis dan Kajian Keberkesanan ● Menjalankan projek rintis (*pilot project*) di satu atau dua lokasi kuari dengan risiko tinggi. ● Mengukur keberkesanan teknologi dalam mengurangkan habuk, bunyi dan pencemaran, sebelum perluasan ke kawasan lain.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			Pemantauan dan Pelaporan Berterusan oleh Agensi Berkaitan • Menggalakkan penggunaan sistem pemantauan berasaskan IoT dan pelaporan automatik kepada pihak berkuasa bagi memastikan pematuhan. • Data pemantauan boleh dikongsi bersama komuniti setempat untuk ketelusan dan kepercayaan.	
	SDG BERKAITAN 			

BAHAGIAN 4: Penutup

Penutup

Program Pembangunan Kapasiti ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan khususnya dalam meningkatkan kefahaman agensi-agensi terlibat terhadap isu setempat serta potensi penyelesaiannya melalui pendekatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Berdasarkan maklum balas yang diterima, program ini dilihat berkesan sebagai sebuah platform perbincangan rentas agensi, bukan sahaja untuk mengenal pasti isu bersama, tetapi juga membina jaringan kerja yang lebih kukuh antara pegawai pelbagai agensi.

Di samping itu, program ini turut menyediakan ruang perkenalan dan pertukaran idea antara agensi yang berpotensi mempercepatkan pelaksanaan tugasan bersama pada masa akan datang.

Sebagai langkah ke hadapan, bagi memastikan isu-isu seperti yang dibangkitkan dapat diselesaikan secara holistik dan mampan, adalah wajar untuk memperkukuh kerjasama antara agensi di semua peringkat tempatan, negeri, dan nasional. Selain itu, usaha-usaha advokasi dan perbincangan dasar di peringkat Parlimen juga perlu dipertingkatkan bagi merintis penggubalan dasar yang menyokong penyelesaian berasaskan prinsip kelestarian sejajar dengan Agenda 2030.



Pembentangan Kumpulan berkenaan tindakan agensi terhadap Matlamat Pembangunan Mampan di peringkat Parlimen Gopeng.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.074 Lumut

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 248
Objektif 250
Kaedah Pelaksanaan 251
Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 251

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 252
Aktiviti II: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Lumut 253
Aktiviti III: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 254

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 256

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 267
Penghargaan 268



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Lumut telah berjaya dilaksanakan pada 15 Mei 2025 (Khamis) bertempat di DoubleTree by Hilton Damai Laut, Lumut.

Seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Daerah dan Tanah Manjung dan Pejabat Ahli Parlimen Lumut. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, Negeri Perak
2.	Tourism Perak Management Berhad
3.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak
4.	Majlis Perbandaran Manjung
5.	Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung
6.	Pejabat Polis Daerah Manjung
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Manjung
8.	Pejabat Perikanan Daerah Manjung
9.	Pejabat MARA Daerah Manjung
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Manjung
11.	Pejabat Parlimen Lumut

Program ini telah dikendalikan oleh 4 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr Thanaraj Murudi
Penyelaras Zon Utara &
Ketua Penyelidik Parlimen Lumut



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Zariz Firdaus Zainal
Penyelaras Tempatan
Bagan Serai

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi**: Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar :** Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Lumut
- **Aktiviti III** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Disamping itu, para peserta turut memperkenalkan nama, agensi dan perkongsian menarik mengenai diri mereka. Seterusnya, wakil sekretariat turut memperkenalkan gerak kerja Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) kepada semua wakil agensi yang hadir.








Aktiviti II : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Lumut

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr Thanaraj Murudi. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	**Alam Sekitar**	• **Penerokaan Hutan Paya Bakau (Alam Sekitar)** - Kemusnahan ekosistem hutan paya bakau - Hakisan tanah dan risiko keselamatan kepada penduduk - Menjejaskan pendapatan nelayan persisiran pantai - Pencemaran laut akibat kolam udang - Kepupusan pokok bakau unik (perepat)
2.	**Sosial**	• **Kekurangan Peluang Ekonomi untuk Komuniti Setempat (Pelancongan)** - Pendapatan peniaga tempatan terjejas di Teluk Batik dan Lumut - Persaingan sengit dengan peniaga luar dan Marina Island - Kurangnya promosi pelancongan dan tarikan di kawasan Lumut - Infrastruktur pelancongan yang tidak diselenggara dengan baik












APPGM-SDG


APPGM-SDG
2 - Kekurangan Peluang Ekonomi untuk Komuniti Setempat (Pelancongan)



Aktiviti III : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan : Cadangan Penyelesaian Isu Oleh Agensi


Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah adalah mencakupi isu

- **Alam Sekitar** – Penerokaan Hutan Paya Bakau (*Aquaculture*)
- **Pelancongan** - Kekurangan Peluang Ekonomi untuk Komuniti Setempat

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan

Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Penerokaan Hutan Paya Bakau (*Aquaculture*)

Berikut merupakan solusi yang dicadangkan oleh wakil-wakil agensi kerajaan sewaktu perbincangan dijalankan. Wakil-wakil agensi telah bersetuju membincangankan isu ini dengan memfokuskan kepada topik kecil iaitu pencemaran laut akibat pembinaan kolam udang.

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: PEMBUKAAN PAYA BAKAU PERLU MERUJUK KEPADA AGENSI YANG BERKAITAN Sebelum apa-apa aktiviti dijalankan bagi mendapatkan kebenaran dari pihak berkaitan seperti • Pejabat Perhutanan • Pejabat Tanah • Pihak Berkuasa Tempatan • Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung		
Mengancam Keselamatan Penduduk Pembangunan tanpa prosedur yang betul akan memberi kesan dari segi keselamatan penduduk dan alam sekitar. Penggunaan jentera berat sewaktu penerokaan kawasan hutan bakau akan menggugat ketenteraman awam. Ditambah lagi seandainya para pekerja yang diambil bekerja tidak mempunyai permit yang sah.	**Penguatkuasaan oleh agensi yang berkaitan terhadap sebarang aktiviti pembangunan.** Sebagai contoh, Jabatan Perhutanan perlu memberi permit penggunaan untuk pembinaan kolam udang. Permit penggunaan tersebut telah dinyatakan syarat-syaratnya tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Seandainya berlakunya pelanggaran syarat, maka permit yang dikeluarkan boleh dibatalkan.	• Jabatan Perhutanan • Jabatan Alam Sekitar (JAS) • Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) • Pejabat Tanah • PDRM • Majlis Derah • Majlis Perbandaran • PERHILITAN • Jabatan Kerja Raya (JKR) • Jawatankua-sa Pembang-unan dan Keselamatan Kampung (JPKK)

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Dari segi alam sekitar, penerokaan secara haram ini akan akan menyumbang kepada hakisan pantai disebabkan oleh kehilangan penahan ombak semula jadi dan tsunami. Malah, aktiviti ini akan turut mengurangkan fungsi hutan bakau sebagai habitat semula jadi pelbagai spesies flora dan fauna.es flora dan fauna.	**Mewujudkan Pelan Amalan Baik untuk aktiviti-aktiviti pembangunan aquakultur** yang akan dijalankan bagi memastikan keselamatan penduduk dan alam sekitar terjamin. Antara contoh amalan baik yang perlu dipraktikkan ialah i. Melaksanakan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi kawasan yang berkeluasan melebihi 20 ekar ii. Menetapkan zon dan waktu operasi jentera berat bagi mengurangkan gangguan kepada penduduk di sekitar iii. Memasang penghadang bunyi bagi kawasan pembangunan berhampiran kawasan penempatan iv. Hanya mengambil pekerja dengan permit kerja sah dan didaftarkan di bawah sistem ePekerja (Kementerian Sumber Manusia)	
	Pelan jajaran paip gas (jika memenuhi keperluan).	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Pengurangan Keluasan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Penukaran status tanah Hutan Simpan Kekal (HSK) melalui proses nyahwarta akan mengakibatkan pengurangan keluasan keseluruhan kawasan berhutan yang dilindungi. Situasi ini bercanggah dengan prinsip kelestarian dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 2022) yang menetapkan bahawa setiap keluasan HSK yang diwarta keluar wajib digantikan dengan kawasan baharu yang setara.	Untuk menangani isu pengurangan HSK, pelaksanaan strategi penggantian yang mampan perlu dilaksanakan dengan mengenal pasti kawasan cadangan HSK baharu yang memenuhi kriteria nilai ekologi tinggi, seperti kepelbagaian biologi dan fungsi sebagai koridor hidupan liar, walaupun kawasan tersebut tidak terletak dalam daerah yang sama asalkan masih dalam negeri yang sama.	
Mengubah Ekosistem Hutan Paya Bakau Aktiviti pembangunan di kawasan hutan paya bakau berisiko tinggi mengubah ekosistem semula jadi dan menjejaskan biodiversiti, termasuk spesies hidupan liar dan tumbuhan yang bergantung kepada habitat ini. Kehilangan atau kemerosotan hutan bakau boleh mengganggu rantaian makanan, mengurangkan populasi spesies akuatik serta	**Melaksanakan Kajian Kesesuaian Tapak** (*site suitability assessment*) sebelum sebarang pembangunan diluluskan dengan fokus kepada ● Kesan ekologi terhadap biodiversiti (contoh: habitat ikan, burung migrasi dan spesies terancam ● Fungsi hidrologi bakau dalam mengawal hakisan dan melindungi kawasan Pantai Seandainya kajian mendapati kawasan tersebut tidak sesuai	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
menjejaskan fungsi ekosistem sebagai pelindung pantai dan penapis pencemaran.	untuk dibangunkan, maka agensi kerajaan seperti JPS, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar wajib menolak permohonan lesen atau permit tersebut. Penubuhan ***Technical Working Group*** (TWC) yang dianggotai oleh pakar daripada: • **Jabatan Perhutanan** (pakar ekologi bakau) • **Universiti** (penyelidik biodiversiti marin) • **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** (penilai kesan alam sekitar) • **Wakil NGO** (MYCAT, Wetlands International dll.) TWC bertanggungjawab untuk memantau projek sedia ada and mencadangkan garis panduan pemuliharaan, menyelaraskan dasar antara agensi serta mengawal pembangunan di kawasan hutan paya bakau.	

Soalan Tambahan

1. ***Berdasarkan senario di Kampung Limau Lekir, tanah diberikan kepada Yayasan Perak. Kemudian, telah diberikan kepada seorang individu lain untuk dijadikan kolam udang. Dengan itu, seandainya Yayasan Perak memberikan kebenaran, adakah individu tersebut perlu pergi berjumpa semula dengan jabatan-jabatan yang terlibat untuk mendapatkan kelulusan?***

   Perlu kerana bagi tanah milik Yayasan, sesiapa yang mengusahakan tanah masih terikat dengan pelbagai peraturan daripada beberapa agensi. Walaupun ia adalah tanah hak milik, jika ingin menanam pokok, kebenaran daripada pejabat hutan perlu diperolehi terlebih dahulu. Misalnya, ingin membuat kolam udang lebih daripada 20 hektar, perlu adanya EIA daripada perhutanan. Pelaksanaan aktiviti *aquaculture* pula perlu merujuk kepada majlis sama ada kawasan tersebut dikhaskan untuk tujuan *aquaculture* atau perindustrian. Kita kena pastikan ia tidak bercanggah dengan perancangan yang telah ditentukan sebelum ini.

2. ***Apa penambahbaikan yang agensi lakukan untuk memelihara hutan paya bakau di Lumut?***

   Sejak belakangan ini, banyak kawasan telah diwarta masuk untuk dijadikan sebagai Hutan Simpan Kekal di Lekir. Di Lumut, Jabatan Hutan tidak menghalang pembangunan namun, apabila adanya keperluan untuk pembangunan, Jabatan Hutan perlu memastikan aktiviti pembangunan tersebut mengikut prosedur yang betul. Tambahan pula, Jabatan Hutan turut melaksanakan aktiviti penanaman pokok yang sentiasa berjalan sejak daripada tahun 2024. Bagi inisiatif pihak PDT pula, di Manjung wujudnya Rakan Sahabat Paya Bakau. Mereka bersama-sama dengan pelajar untuk menjalankan penanaman semula pokok.

3. ***Apakah pandangan berkenaan dengan keluhan nelayan persisir pantai terhadap isu kolam udang paya bakau yang mereka perlu tinggalkan untuk mengikuti peraturan? Perkara ini menjejaskan ekonomi mereka.***

   Berkenaan dengan pendapatan nelayan di Lekir, kita sedari bahawa ini merupakan kawasan berkapasiti kecil. Namun, jika kita jadikan penguatkuasaan dan pemeliharaan paya bakau sebagai penyebab isu nelayan berpendapatan rendah, ia tidak boleh dikatakan sebagai satu faktor besar. Sebab terdapat juga amalan dari segi penguatkuasaan lain yang ditekankan. Bahkan, penggunaan bubu lipat di perairan Lekir turut menyumbang kepada kemerosotan pendaratan ikan dan ada faktor lain juga yang menyebabkan kekurangan dari segi tangkapan ikan. Faktor tangkapan adalah berdasarkan kepada musim dan jenis peralatan yang diguna. Agensi juga berkolaborasi dengan agensi penguatkuasa dalam membuat rondaan bagi mengesan penggunaan peralatan tidak berlesen bagi

mencegah eksploitasi hasil tangkapan ikan. Bukan setakat itu sahaja, aktiviti penambahan stok ikan (lepaskan benih ikan) juga dijalankan.

4. ***Adakah wujudnya kebarangkalian untuk hutan paya bakau dijadikan sebagai salah satu produk eko-pelancongan di Lumut yang boleh dipasarkan?***
   Pada pandangan wakil PDT, sudah terdapat Taman Paya Bakau yang merupakan kawasan *hotspot* untuk aktiviti pelancongan di Manjung. Lumut mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai pusat eko-pelancongan. Potensi Lumut perlu dikenal pasti terlebih dahulu dari segi kewujudan pelbagai spesies burung seperti bangau yang berpotensi untuk dijadikan sebagai pulau bangau dan pelaksanaan aktiviti *river cruise* disebabkan oleh kewujudan sungai-sungai kecil. Tambahan pula, penglibatan komuniti penting dalam menjalankan produk eko-pelancongan di Lumut. Komuniti perlu diketengahkan dan didedahkan tentang kelebihan hutan paya bakau.

   Wakil penghulu menjelaskan bahawa melalui Program Sejati Madani, setiap kampung diberi peruntukan untuk memajukan kawasan mereka. Terdapat komuniti kampung yang telah membeli bot untuk menjalankan aktiviti *river cruising* bagi menyusuri bukit. Misalnya di Kampung Baru, telah ada tarikan pelancong dari segi aktiviti menyusuri bukit dan wujudnya juga "batu keramat" serta penceritaan tentang "gunung mati beranak" di tepi kampung tersebut. Bahkan komuniti di situ juga boleh memberi tunjuk arah kepada pelancong. Akan tetapi, promosi bagi kampung tersebut perlu dirancakkan lagi.

Isu: Kekurangan Peluang Ekonomi untuk Komuniti Setempat

Pekan Lumut berpotensi untuk dinaik taraf sebagai destinasi pelancongan yang lebih menarik dan mesra pengunjung melalui penjenamaan semula reka bentuk bandar. Tiga aspek utama yang telah disentuh oleh wakil agensi yang hadir iaitu:

1. Imej Bandar - Mewujudkan seni jalanan (*street art*) atau elemen estetik yang mencerminkan identiti marin Lumut.
2. Infrastruktur - Penambahbaikan infrastruktur seperti tempat letak kereta yang teratur, ruang hijau dan pusat informasi pelancong.
3. Aksesibiliti - Pembesaran laluan pejalan kaki yang lebih selesa dan selamat.

Berikut merupakan solusi yang dicadangkan oleh wakil-wakil agensi kerajaan sewaktu perbincangan dijalankan:

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: PENJENAMAAN SEMULA REKA BENTUK BANDAR PEKAN LUMUT		
Penerimaan oleh Pihak Komuniti (Peniaga) Komuniti peniaga mungkin enggan menerima perubahan kerana bimbang perubahan tersebut mungkin akan mengganggu operasi perniagaan mereka. Misalnya pada tahun 2024, pemantauan untuk meluaskan laluan pejalan kaki telah dilakukan. Namun, para peniaga tidak bersetuju akan	Menganjurkan sesi *townhall* kepada peniaga dan komuniti untuk memberi pendedahan awal terhadap perancangan yang akan dilaksanakan. Bagi membantu kefahaman mereka mengenai projek tersebut, visualisasi 3D atau mock-up reka bentuk boleh digunakan. Seandainya para peniaga bimbang tentang laluan pejalan kaki mengurangkan akses pelanggan, cadangkan zon pejalan kaki separuh (*shared lane*). Hal ini penting bagi	● Tourism ● Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) ● Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ● Komuniti (Peniaga)

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
perancangan ini dan lebih memilih untuk kekal dengan jalan raya kenderaan.	memastikan komuniti merasakan mereka dilibatkan dalam pembangunan.	
Peruntukan Kewangan Yang Rendah Bajet yang terhad berpotensi untuk melambatkan atau mengurangkan skala projek penjenamaan semula. Hasilnya, projek mungkin tidak mencapai sasaran atau perlu dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh masa yang lama.	Memohon peruntukan daripada agensi di peringkat kerajaan, persekutuan dan negeri seperti MOTAC. Menggalakkan CSR korporat (contoh: syarikat minyak atau pembinaan tempatan) untuk menyumbang kepada projek kebajikan bandar.	• Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia • Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) • Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) • Perbadanan Kemajuan Negeri (PKN) • Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) • Sektor Swasta • Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Soalan Tambahan

1. ***Adakah Pulau Pangkor sebagai zon bebas cukai mempengaruhi peluang ekonomi masyarakat setempat?***
   Sebenarnya, zon bebas cukai merupakan perkara baharu yang bermula pada tahun 2020 sehingga 2025. Namun pada tahun 2024, *feedback* daripada komuniti setempat menyatakan bahawa impaknya tidak terlalu besar kepada komuniti. Hal ini kerana, pelancong yang datang hanya membeli coklat dll dan tidak banyak barang-barang yang mendapat pengecualian bebas cukai.

2. ***Apabila orang menggunakan Waze, kebanyakan Waze hanya memberi arah ke laluan jeti Marina sahaja dan kurang orang yang datang ke jeti Lumut. Maka, adakah terdapat sebarang cadangan daripada pihak MPM untuk menyelesaikan permasalahan ini?***

Antara Tempat Letak Kenderaan (TLK) Lumut dan Marina, TLK Lumut menawarkan harga yang lebih murah berbanding Marina. Ini merupakan salah satu strategi MPM kerana jika TLK Lumut menawarkan harga yang tinggi, orang lebih memilih untuk ke Marina yang jaraknya lebih dekat. Kedua adalah dari segi promosi di mana MPM menggunakan Tempat Letak Kenderaan Bertingkat di Lumut. Selain itu, MPM juga dalam proses ingin meletakkan *EV charging* bagi menggalakkan lebih ramai orang untuk datang *parking* dan *charging* di kawasan tersebut.

3. ***Adakah MPM boleh mencuba untuk mengoperasikan satu jeti sahaja daripada Lumut terus ke Pulau Pangkor. Ini kerana, pelancong akan memilih laluan yang terdekat untuk ke Pulau Pangkor dan mereka tidak akan pergi ke Lumut disebabkan jaraknya yang jauh.***

   Seandainya MPM mengoperasikan satu jeti sahaja, semasa *peak season* misalnya cuti sekolah, TLK Lumut akan terlalu padat. Apabila Majlis Perbandaran Manjung cuba untuk menutup Marina dan fokus pada Lumut sahaja, TLK Lumut tidak dapat menampung jumlah orang yang ramai yang datang ke Pulau Pangkor terutamanya semasa musim puncak. Tambahan pula, mereka yang ingin ke Pulau Pangkor akan *parking* di tepi jalan selama dua sehingga tiga hari dan kawasan tersebut akan sangat penuh dan sesak.

4. ***Memandangkan Lumut tiada tempat yang menarik untuk dilihat, apakah yang perlu dilakukan oleh MPM untuk menarik lebih ramai pelancong?***

   Orang yang datang ke Lumut selalunya bertujuan untuk melihat laut (*view nature*). Ini kerana, Lumut merupakan kawasan *tourism friendly* dan mempunyai daya tarikan lain seperti makanan laut. Misalnya, di kawasan Jalan Sultan Idris Shah menawarkan makanan dan kraf tangan yang mengetengahkan elemen laut. Kebanyakan corak kedai di kawasan tersebut juga menggunakan konsep dan elemen yang sama sahaja. Maka dengan itu, MPM ingin menjenamakan semula kawasan tersebut. MPM ingin menjenamakan Pulau Pangkor sebagai kawasan ikan bilis mata biru untuk menarik orang ramai.

5. ***Apakah perubahan besar yang boleh dilihat dalam perancangan 5 tahun akan datang?***

   Di bawah MPM, terdapat banyak jabatan dan setiap jabatan ada projek tersendiri. Misalnya dari segi pembangunan, MPM menekankan aspek pencahayaan di kawasan pokok kerana ia memainkan peranan penting untuk menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Lumut.

BAHAGIAN 4: Penutup

Penutup

Bengkel Pembangunan Kapasiti ini telah berjaya mencapai tiga daripada empat objektif utama bengkel. Kerjasama antara agensi-agensi yang berkaitan telah berjaya membantu mengenalpasti cadangan penyelesaian praktikal bagi mengatasi isu-isu yang ditemui sewaktu lawatan pemetaan isu. Cadangan yang diberikan adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari, mencerminkan komitmen bersama terhadap pembangunan mampan.

Bagi isu penerokaan hutan paya bakau disebabkan oleh aktiviti penternakan udang, cadangan penyelesaian ialah setiap aktiviti pembukaan paya bakau wajib mendapat kelulusan agensi berkaitan. Bagi isu kekurangan peluang ekonomi terutamanya dalam kalangan komuniti peniaga, wakil agensi mencadangkan reka bentuk semula bandar Pekan Lumut untuk menarik lebih ramai pelancong, sekaligus meransang ekonomi tempatan. Seandainya cadangan-cadangan ini dilaksanakan, ia berpotensi meningkatkan ekonomi tempatan dan menambahbaik kualiti alam sekitar khususnya ekosistem paya bakau. Namun, kejayaan solusi ini bergantung kepada koordinasi berterusan antara semua agensi terlibat.

Kekangan masa menyebabkan penjelasan mendalam mengenai SDG tidak dapat disampaikan sepenuhnya, mengakibatkan sebahagian peserta memberikan maklum balas bahawa mereka tidak memahami SDG dengan baik. Inisiatif-inisiatif sedia ada agensi yang selari dengan SDG turut tidak dapat dikenalpasti. Pun begitu, bengkel telah berjalan dengan lancar dan semua wakil agensi yang hadir terlibat aktif dalam perbincangan yang dijalankan.

Tambahan itu, bengkel ini berperanan sebagai platfom penghubung antara agensi dan komuniti. Sebagai contoh, wakil penghulu menyatakan penduduk kampung berdepan cabaran untuk memobilisasikan aktiviti pelancongan di kawasan Kampung Sungai Limau, Lekir. Wakil MOTAC dan Tourism yang hadir menyatakan bahawa pihak mereka menyediakan geran untuk aktiviti pelancongan dan mencadangkan supaya wakil penghulu memohon geran tersebut.

Kesimpulannya, walaupun terdapat ruang untuk penambahbaikan, bengkel ini telah berjaya menjadi platform untuk agensi di peringkat tempatan dan negeri mencari penyelesaian secara holistik isu-isu tempatan. Dengan komitmen berterusan semua pihak, cadangan yang disuarakan boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan lestari di kawasan Parlimen Lumut ini.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pegawai Daerah Manjung dan Ahli Parlimen Lumut atas sokongan yang telah diberikan sepanjang bengkel ini berlangsung. Bengkel ini telah berjalan lancar dengan para peserta saling melontarkan cadangan dan pendapat masing-masing.

- **Pegawai Daerah Manjung**: Ybrs. Encik Shamsul Ridzuan bin Idris, P.M.P.
- **Ahli Parlimen Lumut**: YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara)

Ahli Parlimen Lumut, YB Komander Nordin dalam ucapannya mengucapkan tahniah atas komitmen wakil-wakil agensi untuk hadir dan saling berbincang bagi mencari penyelesaian untuk isu-isu yang telah dikenal pasti berlaku di lapangan.



YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail
Ahli Parlimen Lumut

> ***... saya mengucapkan tahniah dan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua pihak yang telah menjayakan bengkel ini. Kehadiran dan komitmen wakil-wakil agensi untuk duduk semeja membuktikan semangat kerjasama erat dan keprihatinan bersama ...***

Di samping itu, para peserta turut memberikan maklum balas apabila ditanyakan samada adakah bengkel ini menjadi platform yang sesuai untuk membincangkan penyelesaian bagi isu-isu yang telah dikenal pasti?.

Pegawai Khas
Ahli Parlimen Lumut

"Ya... ianya ada slah platfrom yg mencari jalan penyelesaian masalah di kawasan setempat."


Dapatkan laporan penuh dengan mengimbas kod QR dibawah




Kenal









Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.076 Teluk Intan

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 271
Objektif 273
Kaedah Pelaksanaan 274
Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 274

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Taklimat Program serta Pembentangan Isu 275
Aktiviti II: Siapa Buat Apa? 277
Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Teluk Intan 278
Aktiviti IV: Perkongsian Strategik Urbanice Malaysia dan Ucapan Amanat Pegawai Daerah 279
Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 281

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 282

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 318



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi Parlimen Teluk Intan telah berjaya dilaksanakan pada 11 Disember 2025 (Khamis) bertempat di Hibiscus Hall, Kinta Riverfront Hotel, Ipoh, Perak. Bengkel ini bertujuan memperkukuh kefahaman serta keupayaan kepimpinan pelbagai pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan inisiatif Pembangunan mampan di peringkat daerah.

Seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah menghadiri bengkel ini. Pelaksanaan bengkel turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak dan Majlis Perbandaran Teluk Intan sekaligus mencerminkan komitmen berterusan pihak berkuasa tempatan dan daerah dalam mengarusperdanakan SDG.

Bengkel ini turut dimeriahkan dengan penglibatan Urbanice Malaysia sebagai jemputan khas, yang telah membentangkan dapatan dan hasil kajian Voluntary Local Review (VLR) bagi daerah Teluk Intan. Pembentangan ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai pencapaian, cabaran serta hala tuju pembangunan mampan Teluk Intan dan menjadi asas perbincangan serta cadangan penambahbaikan sepanjang bengkel berlangsung.

Jadual di bawah merupakan senarai agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL.	SENARAI AGENSI
1	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
2	Majlis Perbandaran Teluk Intan
3	Jabatan Kerja Raya Daerah Hilir Perak
4	Polis Diraja Malaysia Hilir Perak
5	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
6	Jabatan Perikanan Daerah Hilir Perak
7	PLAN Malaysia Perak
8	Urbanice Malaysia
9	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Perak
10	Jabatan Warisan Negara
11	Jabatan Mineral dan Geosains Perak
12	*Firefly Marvels Enterprise*

Program ini telah dikendalikan oleh 4 orang kakitangan daripada APPGM-SDG iaitu:



Puan Nurul Syaza Mazelan
Timbalan Pengarah
Penyelarasan Kawasan Parlimen



Siti Noraiysah Rohim
Pegawai Penyelidik
Unit Pemetaan



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

1. Mengenal pasti dapatan utama dan isu keutamaan melalui perbincangan secara kolaboratif yang melibatkan Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak, Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), agensi teknikal di peringkat daerah dan persekutuan serta komuniti setempat sebagai asas kepada perumusan cadangan penyelesaian yang praktikal.

2. Merumuskan cadangan intervensi dasar dan tindakan strategik di peringkat daerah, negeri dan persekutuan bagi menyokong pelaksanaan Agenda 2030 secara lebih bersepadu, selari dengan cabaran serta keperluan pembangunan mampan di Teluk Intan.

3. Membangunkan cadangan pelan tindakan awal yang realistik dan boleh dilaksanakan termasuk mengenal pasti peranan agensi terlibat, mekanisme penyelarasan serta keperluan sokongan sumber dan kapasiti.

4. Menyokong pelaksanaan pasca-*Voluntary Local Review* (VLR) Teluk Intan melalui penterjemahan dapatan VLR kepada tindakan susulan yang lebih tersusun, berfokus dan berimpak di peringkat daerah.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Analisis Tindakan Agensi
- **Aktiviti II** : Peta Interaktif
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Teluk Intan
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



Peserta Bengkel Pembangunan Kapasiti dan Kempimpinan Matlamat Pembangunan Mampan bagi Parlimen Teluk Intan.

BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Taklimat Program serta Pembentangan Isu

Bengkel telah dimulakan dengan sesi taklimat pengenalan mengenai APPGM-SDG, diikuti dengan pembentangan isu utama yang telah dikenalpasti serta komuniti sasaran yang ditemu bual semasa pelaksanaan lawatan pemetaan isu yang dijalankan pada bulan Februari 2025. Pembentangan ini memberikan gambaran awal mengenai konteks setempat serta cabaran sebenar yang dihadapi oleh komuniti di Parlimen Teluk Intan.



Taklimat pengenalan APPGM-SDG di Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Teluk Intan.

Pembentangan hasil dapatan isu oleh APPGM-SDG di Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Teluk Intan.



Sesi seterusnya di teruskan dengan perkongsian oleh Urbanice Malaysia yang membentangkan dapatan hasil kajian *Voluntary Local Review* (VLR) Teluk Intan mernagkumi pencapaian, cabaran serta peluang penambahbaikan dalam pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan di peringkat daerah.





Sesi Perkongsian Strategik dan Soal Jawab oleh Urbanice Malaysia di Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Teluk Intan.



Aktiviti II : Siapa Buat Apa?

Aktiviti 'Siapa Buat Apa' ini dijalankan bagi mengenalpasti peranan serta cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu-isu yang telah dikenalpasti. Wakil agensi telah dipecahkan kepada dua (2) kumpulan berdasarkan isu perbincangan. Fasilitator kemudiannya menjelaskan huraian isu termasuk siapakah kumpulan sasaran terlibat serta maklum balas daripada setiap agensi sewaktu sesi libat urus yang dijalankan sebelum ini bersama wakil-wakil agensi. Hasil daripada penerangan tersebut, mereka diminta untuk menjelaskan apakah peranan serta kekangan agensi masing-masing.

Agensi	**SDG**
Peranan	**Cabaran / Kekangan**

Kerangka yang diguna pakai bagi mengenalpasti apakah peranan dan cabaran yang dihadapi agensi

Para peserta mendokumenkan peranan agensi dan cabaran semasa yang dihadapi.




Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Teluk Intan

Sesi seterusnya melibatkan perbincangan antara agensi bagi mencari penyelesaian terhadap dua isu yang telah dikenal pasti. Objektif perbincangan ini adalah untuk:

- Mencadangkan penyelesaian praktikal bagi menangani kedua-dua isu.
- Mengenal pasti cabaran pelaksanaan yang berpotensi.
- Memuktamadkan senarai agensi yang perlu terlibat.

Perbincangan adalah berlandaskan kerangka utama seperti yang dinyatakan di bawah:






KELUAR










Aktiviti IV : Perkongsian Strategik Urbanice Malaysia dan Ucapan Amanat Pegawai Daerah









Aktiviti V : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan

Aktiviti ini telah dijalankan dalam dua kumpulan berbeza mengikut isu-isu yang akan dibincangkan.

- **Kumpulan 1**: Keterbatasan Pembangunan Pelancongan
- **Kumpulan 2**: Risiko Bencana Banjir









Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Teluk Intan oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

Hasil Dapatan : Keterbatasan Pembangunan Pelancongan

Pembangunan pelancongan di Daerah Teluk Intan berdepan dengan cabaran dari segi penyelarasan peranan agensi, pelesenan aktiviti pelancongan, kekangan infrastruktur, serta kekurangan garis panduan yang jelas khususnya bagi produk pelancongan berasaskan komuniti dan alam semulajadi. Isu ini memberi kesan kepada keberkesanan promosi destinasi, pematuhan piawaian industri, dan kelestarian sosioekonomi komuniti setempat.

Daerah Teluk Intan mempunyai potensi pelancongan yang pelbagai meliputi warisan sejarah, alam semulajadi, komuniti luar bandar dan produk eko-pelancongan. Namun begitu, pembangunan produk ini masih bersifat terpisah (silo) dan bergantung kepada inisiatif agensi serta pengusaha secara individu. Kekangan utama ialah ketiadaan satu mekanisme penyelarasan yang benar-benar berfungsi sebagai platform bersama untuk menyelaras peranan, lesen, promosi, peruntukan dan pembangunan kapasiti penggiat aktiviti pelancongan.

Berdasarkan hasil perbincangan '*Siapa Buat Apa?*', berikut merupakan antara peranan utama serta cabaran yang dihadapi oleh agensi yang hadir;

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
1.	Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Negeri Perak.	MOTAC berperanan sebagai agensi utama di peringkat persekutuan dalam mengawal selia industri pelancongan negara. Antara fungsi utama MOTAC ialah memastikan penginapan dan perniagaan pelancongan beroperasi secara berlesen dan mematuhi piawaian yang ditetapkan. MOTAC turut menyediakan sistem penarafan penginapan secara sukarela sebagai mekanisme kawalan kualiti dan jaminan	Walaupun peranan dan dasar telah digariskan, tahap pendaftaran dan pematuhan pengusaha penginapan di Daerah Teluk Intan masih berada pada tahap yang rendah. Sehingga kini, hanya sekitar 10 buah penginapan yang berdaftar secara rasmi, sekaligus menghadkan pilihan penginapan berlesen untuk pelawat serta menjejaskan potensi peningkatan tempoh menginap dan perbelanjaan pelancong di daerah ini.

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
		standard perkhidmatan kepada pelancong. Selain itu, MOTAC berperanan menggalakkan pembangunan produk pelancongan berasaskan komuniti seperti inap desa (*homestay)* dan '*kampung stay'*, yang bertujuan memperkukuh penyertaan komuniti tempatan dalam sektor pelancongan. Pendekatan ini bukan sahaja menyumbang kepada kepelbagaian produk pelancongan, malah berfungsi sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi komuniti setempat melalui penjanaan pendapatan, peluang pekerjaan dan pemeliharaan budaya tempatan.	Di samping itu, bilangan inap desa yang beroperasi masih terhad dan tertumpu di kawasan tertentu seperti Sungai Manik dan Bagan Datuk, menyebabkan manfaat ekonomi pelancongan berasaskan komuniti tidak diagihkan secara menyeluruh. Jika dilihat secara umum, terdapat ramai pengusaha komuniti yang menawarkan perkhidmatan inap desa, namun begitu pemahaman terhadap konsep inap desa berdaftar masih tidak selaras dengan definisi dan keperluan yang ditetapkan oleh MOTAC. Inap desa berdaftar bukan sekadar penyediaan tempat penginapan, tetapi perlu melibatkan elemen pengalaman bersama tuan rumah termasuk aktiviti komuniti, interaksi sosial dan pendedahan kepada budaya setempat. Kekeliruan ini menyumbang kepada tahap kesedaran dan pematuhan pengusaha yang masih rendah terhadap keperluan pelesenan, piawaian operasi dan manfaat pendaftaran dengan MOTAC, khususnya dalam kalangan pengusaha kecil dan komuniti luar bandar.

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
2.	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Negeri Perak.	JMG merupakan agensi teknikal persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengurusan, penyelidikan dan pemetaan sumber geologi negara. Dalam konteks pelancongan, JMG memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pengiktirafan produk geo-pelancongan yang berasaskan keunikan geologi, landskap semula jadi dan nilai saintifik sesuatu kawasan. JMG turut terlibat secara aktif dalam pembangunan destinasi geo-pelancongan utama seperti Lembah Kinta dan Lenggong, termasuk penyediaan input teknikal, dokumentasi geologi serta sokongan kepada inisiatif pemuliharaan tapak bernilai geo-warisan. Selain itu, JMG menyediakan kursus dan pensijilan '*Geo Guide*' dengan kerjasama MOTAC bagi memastikan aktiviti pelancongan berasaskan geologi dikendalikan oleh individu yang berkelayakan, berpengetahuan dan	Potensi geo-pelancongan di Daerah Teluk Intan masih belum diterokai secara menyeluruh walaupun kawasan ini mempunyai landskap semulajadi dan elemen geologi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan alternatif dan pendidikan. Ketiadaan pemetaan khusus serta dokumentasi geo-pelancongan di peringkat derah menyukarkan perancangan produk dan promosi yang berfokus. Selain itu, terdapat kekurangan penggiat pelancongan tempatan yang mempunyai kelayakan dan pensijilan sebagai *Geo Guide* berlesen. Keadaan ini menghadkan keupayaan daerah untuk membangunkan aktiviti geo-pelancongan secara tersusun dan selamat, serta menyukarkan usaha membezakan peranan *Geo Guide* berlesen dengan Pemandu Pelancong Alam Semulajadi (*Nature Guide*). Kekangan ini turut memberi kesan kepada penyertaan komuniti tempatan dalam segmen pelancongan berasaskan geologi sekaligus membatasi peluang pembangunan kapasiti dan penjanaan pendapatan komuniti.

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
		mematuhi piawaian keselamatan serta interpretasi yang tepat.	
3.	PLANMalaysia, Negeri Perak	PLANMalaysia berperanan sebagai agensi perancang utama yang menyelaras penyediaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) bagi kawasan Hilir Perak dan Bagan Datuk. Dalam konteks pembangunan pelancongan, PLANMalaysia bertanggungjawab memastikan aspek pelancongan yang berfungsi sebagai panduan kepada agensi pelaksana, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan lain. Dokumen ini menjadi rujukan utama agar selari dengan prinsip kelestarian, serta menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan secara terancang dan bersepadu.	Walaupun perancangan dan cadangan pembangunan pelancongan telah dirangka dalam Rancangan Tempatan, pelaksanaan di peringkat operasi amat bergantung kepada komitmen, keupayaan dan keutamaan pelbagai agensi pelaksana. PLANMalaysia tidak berperanan sebagai agensi pelaksana secara langsung, menyebabkan kejayaan pelaksanaan cadangan pelancongan memerlukan kerjasama berterusan serta penyelarasan rentas agensi dan jabatan yang berkaitan. Selain itu, kekangan peruntukan kewangan serta perbezaan keutamaan jabatan sering menjadi faktor yang menyukarkan pelaksanaan cadangan secara menyeluruh dan berperingkat. Sesetengah cadangan pembangunan pelancongan memerlukan pelaburan jangka panjang, naik taraf infrastruktur dan sokongan teknikal yang melibatkan lebih daripada satu agensi, sekaligus meningkatkan keperluan kepada mekanisme

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
			penyelarasan yang jelas bagi memastikan perancangan yang telah digariskan dapat diterjemahkan kepada tindakan di peringkat daerah.
4.	Jabatan Warisan Negara (JWN), Negeri Perak.	JWN berperanan memelihara, memulihara dan melindungi warisan negara merangkumi bangunan bersejarah, tapak arkeologi, monumen, makam serta tapak warisan semula jadi yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Dalam konteks pelancongan, JWN memastikan aset warisan yang mempunyai nilai sejarah dan identiti tempatan dipelihara secara berterusan agar dapat dimanfaatkan sebagai produk pelancongan warisan yang menarik dan mampan. Bagi daerah Teluk Intan, aset warisan utama seperti Menara Condong Teluk Intan, Bangunan Balai Polis Lama, Bangunan Mahkamah serta Makam Sultan Abdullah Muhammad Shah (Tok	Walaupun terdapat sebanyak 92 buah tapak warisan yang telah digazetkan di Negeri Perak, pelaksanaan kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan berdepan dengan cabaran ketara dari segi status pemilikan aset. Banyak bangunan warisan dimiliki oleh pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta mahupun individu persendirian. Dalam konteks ini, bidang kuasa JWN adalah terhad kepada pemberian kelulusan, kawalan dan khidmat nasihat teknikal, manakala tanggungjawab penyelenggaraan harian adalah tertakluk kepada pemilik aset. Sebagai contoh, Bangunan Balai Polis Lama yang mempunyai nilai warisan adalah dimiliki oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Oleh itu, JWN Negara tidak mempunyai kuasa langsung untuk melaksanakan penyelenggaraan rutin seperti kerja pembersihan atau pemotongan rumput kerana ianya di bawah tanggungjawab pemilik tersebut. Situasi ini menimbulkan cabaran dari segi

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
		Janggut) merupakan antara elemen penting yang menyumbang kepada identiti dan daya tarikan pelancongan warisan daerah. JWN berperanan memberikan khidmat nasihat teknikal, kawalan pemuliharaan serta panduan berkaitan sebarang kerja baik pulih atau adaptasi guna semula (*adaptive reuse*) ke atas bangunan warisan yang telah digazetkan.	imej dan kebolehgunaan bangunan warisan sebagai produk pelancongan sekiranya penyelenggaraan tidak dilaksanakan secara konsisten. Dalam konteks cadangan pengaktifan bangunan warisan sebagai produk pelancongan, seperti menjadikan Bangunan Polis Lama sebagai galeri atau ruang pameran, kerjasama dan persetujuan daripada pemilik aset amat diperlukan. Namun begitu, isu berkaitan peruntukan kewangan, keutamaan fungsi asal bangunan serta kekangan operasi akan menjadi halangan kepada adaptasi guna semula bangunan tersebut. Keadaan ini menekankan keperluan kepada mekanisme penyelarasan dan sokongan peruntukan yang lebih jelas di peringkat daerah bagi memastikan aset warisan dapat dimanfaatkan secara optimum tanpa menjejaskan fungsi dan kepentingan pemilik asal.
5.	Unit Korporat, Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI).	MPTI melalui Unit Korporat berperanan sebagai agensi utama di peringkat pihak berkuasa tempatan dalam menyelaras promosi pelancongan bagi kawasan	Antara cabaran utama yang dihadapi oleh MPTI ialah ketidakpadanan antara kategori lesen yang dikeluarkan dengan jenis aktiviti pelancongan sebenar yang ditawarkan oleh pengusaha.

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
		Teluk Intan dan Bagan Datuk. Unit ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program promosi, menyelaras aktiviti pelancongan bersama agensi berkaitan serta menyokong inisiatif pembangunan produk pelancongan yang berpotensi di peringkat daerah. Selain itu, MPTI turut memainkan peranan penting dalam pengurusan pelesenan perniagaan di bawah bidang kuasa PBT, penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur sokongan pelancongan seperti kemudahan awam, landskap bandar serta kawasan tumpuan pelawat. Peranan ini menjadikan MPTI sebagai penghubung utama antara dasar pelancongan di peringkat Persekutuan dan Negeri dengan pelaksanaan di peringkat tempatan.	Sebagai contoh, terdapat pengusaha yang memiliki lesen ejen pelancongan atau pemandu pelancong di bawah MOTAC, namun menjalankan aktiviti berasaskan pengalaman seperti pendakian, *River Cruise* Teluk Intan, perkhemahan atau aktiviti alam semula jadi yang tidak termasuk secara jelas dalam kategori lesen sedia ada. Kekeliruan ini menimbulkan persoalan berkaitan agensi pelesenan yang bertanggungjawab, memandangkan setiap agensi terikat kepada skop peranan dan punca kuasa masing-masing. Di samping itu, MPTI turut berdepan cabaran dari segi naik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan akibat kekangan peruntukan kewangan. Keperluan untuk menyediakan kemudahan yang selamat, selesa dan mesra pengunjung sering melebihi kapasiti peruntukan tahunan, terutamanya bagi kawasan tarikan pelancongan yang memerlukan penambahbaikan berperingkat. Selain itu, ketiadaan garis panduan bersepadu dan mekanisme penyelarasan yang

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
			jelas antara agensi pelesenan, agensi teknikal dan pihak PBT menyukarkan usaha penguatkuasaan serta bimbingan kepada pengusaha pelancongan tempatan. Keadaan ini turut memberi kesan kepada keberkesanan promosi, kerana produk yang ditawarkan tidak dapat di pakejkan dan dipromosikan secara menyeluruh akibat isu pematuhan dan standard operasi yang berbeza-beza.
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak (PDT), Negeri Perak.	PDT berperanan sebagai agensi pentadbiran utama di peringkat daerah yang menyelaras pembangunan sosioekonomi, khususnya melibatkan kawasan luar bandar. Dalam konteks pelancongan, PDT berfungsi sebagai penyelaras strategik yang menghubungkan pelbagai agensi pelaksana, pihak berkuasa tempatan serta komuniti setempat bagi memastikan inisiatif pelancongan yang dirancang selari dengan keperluan pembangunan daerah. Selain itu, PDT memainkan peranan penting sebagai	Dalam konteks pelancongan antara cabaran utama yang dihadapi oleh PDT ialah isu pelancongan yang merentas bidang kuasa pelbagai jabatan dan agensi merangkumi aspek pelesenan, perancangan, pemuliharaan, infrastruktur, promosi serta pembangunan komuniti. Kepelbagaian peranan dan punca kuasa ini menjadikan penyelarasan di peringkat daerah lebih kompleks dan memerlukan komitmen bersama yang konsisten daripada semua pihak terlibat. Selain itu, keperluan kepada penyelarasan teknikal yang lebih mantap turut menjadi cabaran, khususnya dalam memastikan keputusan yang dibuat di

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
		penyelaras jawatankuasa pelancongan peringkat daerah yang menjadi platform rasmi perbincangan, perancangan dan penyelesaian isu pelancongan merentas jabatan. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai mekanisme tadbir urus bagi menyelaras dasar, pelaksanaan program, pemantauan serta libat urus bersama pihak berkepentingan termasuk agensi teknikal dan pengusaha pelancongan tempatan.	peringkat jawatankuasa dapat diterjemahkan kepada tindakan di peringkat pelaksanaan. Kekangan dari segi sumber manusia, kekangan peruntukan serta kejelasan peranan antara agensi menyukarkan usaha untuk menyelaras pelaksanaan program pelancongan secara bersepadu dan berkesan, sekaligus menuntut penambahbaikan terhadap struktur, fungsi dan keanggotaan jawatankuasa pelancongan sedia ada.
7.	Persatuan Pelancongan Teluk Intan diwakili oleh Firefly Marvels, Teluk Intan.	Persatuan pelancongan yang diwakili oleh pengusaha seperti Firefly Marvels berperanan sebagai pemain industri yang membangunkan dan mengendalikan produk pelancongan berasaskan pengalaman mengikut piawaian antarabangsa. Antara produk yang ditawarkan termasuk aktiviti pemerhatian kelip-kelip (*fireflies*), pemerhatian burung (*bird watching*), *river cruise* serta lawatan ke ladang ikan (*fish farm visit*), yang memberi nilai tambah	Antara cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha dan persatuan pelancongan ialah ketiadaan garis panduan khusus bagi pembangunan dan pengoperasian produk pelancongan berasaskan komuniti dan alam semulajadi. Kekeliruan ini menyukarkan pengusaha untuk memastikan pematuhan kepada piawaian yang jelas, khususnya bagi aktiviti berasaskan sungai, hutan dan komuniti luar bandar. Selain itu, tahap libat urus antara pengusaha pelancongan dan agensi kerajaan masih terhad. Kekurangan kefahaman terhadap

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN
		kepada kepelbagaian produk pelancongan Teluk Intan. Pengusaha pelancongan turut bertanggungjawab memastikan produk dan perkhidmatan yang disediakan mematuhi keperluan pelesenan serta peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan MOTAC. Pemantauan terhadap aspek keselamatan, kualiti perkhidmatan dan pemeliharaan alam sekitar juga menjadi keutamaan bagi memastikan pengalaman pelancongan yang selamat, berkualiti dan mampan.	peranan dan bidang kuasa setiap agensi menyebabkan pengusaha tidak jelas saluran rujukan yang sesuai apabila berhadapan dengan isu pelesenan, perancangan, keselamatan atau promosi. Keadaan ini memberi kesan kepada kelancaran operasi dan pengembangan produk pelancongan. Dari aspek sokongan, pengusaha juga berdepan kekangan peruntukan serta kekurangan platform digital yang berkesan untuk tujuan promosi dan pemasaran produk pelancongan tempatan. Ketiadaan pusat sehenti (*one-stop centre*) di peringkat daerah bagi penyelarasan industri pelancongan menjadikan urusan berkaitan lesen, promosi, latihan dan sokongan teknikal perlu dibuat secara berasingan dengan pelbagai agensi, sekaligus menambah beban pentadbiran kepada pengusaha dan menjejaskan daya saing produk pelancongan tempatan.

Hasil Dapatan : Cadangan Penyelesaian Keterbatasan Pembangunan Pelancongan

Berdasarkan isu, cabaran semasa serta peranan pelbagai agensi yang telah dikenalpasti, adalah jelas bahawa pembangunan pelancongan di Daerah Teluk Intan memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu dan selaras di peringkat daerah. Isu berkaitan pelesenan, pematuhan piawaian, pembangunan produk, pemuliharaan warisan, infrastruktur serta promosi pelancongan menunjukkan keperluan kepada satu mekanisme tadbir urus yang berfungsi sebagai platform penyelarasan antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pengusaha industri dan komuniti setempat.

Sehubungan dengan itu, cadangan penyelesaian yang dikemukakan memberi penekanan kepada pengukuhan struktur sedia ada, penjelasan peranan dan tanggungjawab agensi, serta penambahbaikan proses libat urus bagi memastikan pelaksanaan inisiatif pelancongan dapat dilaksanakan secara lebih efektif, mampan dan memberi impak sosioekonomi kepada daerah.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Memantapkan Jawatankuasa Pelancongan Peringkat Daerah** Sebagai langkah utama, jawatankuasa pelancongan peringkat daerah yang sedia ada dan telah ditubuhkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) perlu diperkukuhkan dari segi struktur, fungsi dan keanggotaan. Jawatankuasa ini	Antara cabaran utama dalam usaha memantapkan jawatankuasa pelancongan peringkat daerah adalah isu berkaitan punca kuasa dan kepimpinan jawatankuasa. Pelancongan merupakan sektor rentas bidang yang melibatkan pelbagai agensi dengan mandat, fungsi dan hierarki yang berbeza. Ketiadaan kepimpinan yang	**Pelantikan Pengerusi bersama Jawatankuasa Pelancongan Daerah** Bagi menangani cabaran berkaitan punca kuasa, kepimpinan serta keberkesanan pelaksanaan keputusan jawatankuasa pelancongan peringkat daerah, wakil agensi yang hadir mencadangkan agar Pegawai Daerah (DO) dan Yang Dipertua Majlis	• Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) • Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) • MOTAC • Tourism Perak • PLANMalaysia • Jabatan Warisan Negara • Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia • Persatuan Pelancongan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	wajar dijadikan platform rasmi bagi perbincangan, penyelarasan dan penyelesaian isu pelancongan merentas jabatan di peringkat daerah. Pengukuhan jawatankuasa ini melibatkan penambahan keahlian daripada agensi teknikal berkaitan seperti MOTAC, JWN, JMG serta agensi sokongan lain mengikut keperluan isu. Penglibatan pengusaha pelancongan, persatuan industri dan wakil komuniti setempat juga penting bagi memastikan pandangan industri dan komuniti diambil kira dalam proses membuat keputusan.	jelas serta punca kuasa boleh menyebabkan keputusan jawatankuasa tidak dapat dilaksanakan secara berkesan di peringkat agensi pelaksana. Selain itu, terdapat risiko pertindihan peranan antara jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kedua-dua PDT dan MPTI yang boleh menimbulkan kekeliruan hala tuju, keutamaan dan proses membuat keputusan. Tanpa struktur tadbir urus yang jelas, jawatankuasa berpotensi mungkin akan berfungsi sekadar sebagai platform perbincangan tanpa tindakan susulan yang konkrit. Cabaran lain adalah komitmen	Perbandaran (YDP) dilantik sebagai Pengerusi bersama Jawatankuasa Pelancongan Peringkat Daerah. Pelantikan ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan punca kuasa jawatankuasa serta memastikan keputusan yang dibuat mempunyai legitimasi pentadbiran dan sokongan pelaksanaan di peringkat daerah dan pihak berkuasa tempatan. Peranan DO sebagai wakil daerah membolehkan penyelarasan melibatkan agensi Persekutuan dan Negeri dilaksanakan dengan lebih berkesan, khususnya bagi isu pelancongan yang merentasi bidang kuasa dan fungsi jabatan.	dan Operator Tempatan ● Pemilik tapak/bangunan warisan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Keahlian jawatankuasa juga perlu distrukturkan secara jelas dengan menetapkan ahli tetap dan ahli jemputan. Ahli tetap berperanan memastikan kesinambungan perbincangan dan tindakan, manakala ahli jemputan boleh dilibatkan berdasarkan isu khusus yang dibincangkan seperti pelesenan, pemuliharaan warisan, geo-pelancongan atau pelancongan komuniti. Pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan penyelarasan, mempercepatkan proses penyelesaian isu dan mengelakkan pertindihan	kehadiran dan penglibatan berterusan ahli jawatankuasa, khususnya daripada agensi teknikal yang mempunyai keutamaan tugas dan kekangan sumber manusia tersendiri. Ketiadaan sekretariat yang khusus juga menyukarkan penyelarasan mesyuarat, pemantauan keputusan serta dokumentasi tindakan susulan secara sistematik. Disamping itu, kekangan peruntukan kewangan dan ketiadaan mandat yang jelas untuk mengurus atau menyalurkan sumber boleh menghadkan keupayaan	Sementara itu, peranan YDP MPTI pula penting bagi memastikan keputusan jawatankuasa dapat diterjemahkan kepada tindakan di peringkat pihak berkuasa tempatan, terutamanya melibatkan pelesenan, penyelenggaraan infrastruktur dan penguatkuasaan. Pendekatan pengurusan bersama ini juga dapat mengurangkan pertindihan peranan antara jawatankuasa sedia ada serta mewujudkan satu platform tunggal yang diiktiraf oleh semua agensi sebagai rujukan utama isu pelancongan di peringkat daerah. Dengan kepimpinan yang jelas dan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	peranan antara agensi.	jawatankuasa dalam menyokong pelaksanaan inisiatif pelancongan di peringkat daerah. Tanpa sokongan peruntukan dan mekanisme pemantauan berkesan pelaksanaan keputusan jawatankuasa berisiko tertangguh atau mungkin tidak dilaksanakan sepenuhnya.	berautoriti, jawatankuasa dijangka mampu berfungsi bukan sahaja sebagai platform perbincangan, tetapi sebagai mekanisme penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan inisiatif pelancongan yang lebih berkesan dan mampan.	
2.	**Penyelarasan Garis Panduan Pelancongan Bersepadu** Bagi memastikan pembangunan pelancongan di Daerah Teluk Intan dapat dilaksanakan secara terancang dan konsisten, agensi mencadangkan agar satu pendekatan penyelarasan garis panduan	Antara cabaran utama dalam melaksanakan penyelarasan garis panduan pelancongan bersepadu adalah keperluan untuk menyelaraskan dasar, peraturan dan prosedur kerja yang melibatkan pelbagai jabatan serta peringkat pentadbiran termasuk Persekutuan,	**Memanfaatkan Pendekatan Pelancongan Berasaskan Komuniti** Bagi mengatasi cabaran penyelarasan dasar merentas jabatan, agensi mencadangkan agar pendekatan pelancongan berasaskan komuniti dimanfaatkan sebagai teras pelaksanaan garis	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	pelancongan bersepadu diwujudkan di peringkat daerah. Penyelarasan ini melibatkan penyeragaman garis panduan berkaitan pelesenan, operasi dan promosi pelancongan antara jabatan dan agensi berkaitan, bagi mengelakkan percanggahan dasar serta kekeliruan dalam pelaksanaan di peringkat pengusaha dan komuniti. Melalui pendekatan ini, agensi peneraju (*lead agency*) perlu ditetapkan bagi setiap kluster pelancongan seperti pelancongan warisan, pelancongan komuniti, eko-pelancongan, geo-	Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap agensi mempunyai mandat, punca kuasa dan keutamaan tersendiri yang boleh menjejaskan keseragaman pelaksanaan sekiranya tidak diselaraskan secara berstruktur. Selain itu, perbezaan keupayaan sumber, peruntukan kewangan terhadap peranan masing-masing turut menyumbang kepada cabaran dalam mengharmonikan garis panduan sedia ada. Tanpa mekanisme penyelarasan yang jelas, garis panduan bersepadu berisiko	panduan pelancongan bersepadu. Pendekatan ini membolehkan pelbagai agensi menyelaras peranan mereka ke arah matlamat bersama, iaitu penjanaan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan komuniti tempatan. Melalui pelancongan berasaskan komuniti, pembangunan produk pelancongan dapat dilaksanakan secara inklusif dengan penglibatan komuniti sebagai hos, pengendali aktiviti dan penyedia perkhidmatan sokongan. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan penyelarasan antara jabatan, malah meningkatkan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	pelancongan dan pelancongan bandar. Penetapan agensi peneraju membolehkan peranan dan tanggungjawab diselaraskan dengan lebih jelas, sekaligus memudahkan proses rujukan, pemantauan dan pelaksanaan inisiatif pelancongan mengikut kepakaran dan mandat masing-masing. Di samping itu, pengukuhan libat urus antara jabatan adalah penting bagi memperjelas pembahagian peranan, keperluan peruntukan serta rujukan teknikal yang berkaitan dengan setiap jenis	sukar diterjemahkan kepada tindakan praktikal di peringkat daerah.	penerimaan dasar di peringkat akar umbi serta menyumbang kepada kelestarian ekonomi, sosial dan budaya daerah secara jangka panjang.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	produk pelancongan. Pendekatan libat urus yang lebih sistematik dan berterusan dapat mengurangkan isu pertindihan peranan, mempercepatkan proses membuat keputusan dan memastikan pelaksanaan program pelancongan di peringkat daerah lebih berkesan dan berimpak.			
3.	**Pelesenan Hos Komuniti Setempat (HKS), Teluk Intan** Sebagai langkah memperkukuh pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di Daerah Teluk Intan, agensi mencadangkan agar pelesenan Hos Komuniti Setempat (HKS)	Antara cabaran utama dalam pelaksanaan pelesenan Hos Komuniti Setempat adalah kekangan peruntukan kewangan, khususnya bagi tujuan penyediaan garis panduan, latihan, pensijilan dan pemantauan pelaksanaan pelesenan.	**Penyediaan Kertas Cadangan Rasmi kepada MOTAC dan Tourism Perak** Bagi menangani kekangan peruntukan dan memastikan pelaksanaan pelesenan HKS dapat dilaksanakan secara berkesan, dicadangkan agar satu kertas cadangan rasmi disediakan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	diperkenalkan sebagai satu mekanisme rasmi bagi mengiktiraf penglibatan komuniti tempatan dalam penyediaan produk dan perkhidmatan pelancongan. Melalui pelesenan HKS, peranan penggiat pelancongan dapat dibezakan dengan lebih jelas mengikut jenis aktiviti dan kepakaran, antaranya; ● *Blue Badge* : Pemandu pelancong bandar yang memberi fokus tarikan pelancongan utama di seluruh Semenanjung Malaysia. ● *Green Badge* : Pemandu pelancong alam semulajadi yang mengendalikan	Pelaksanaan HKS memerlukan sokongan kewangan untuk pembangunan modul latihan, pengurusan pensijilan serta usaha libat urus dengan komuniti di peringkat akar umbi. Selain itu, pelaksanaan pelesenan baharu juga memerlukan penyelarasan antara pelbagai agensi termasuk MOTAC, PBT, Tourism Perak dan agensi teknikal berkaitan. Tanpa sokongan peruntukan dan mandat yang jelas, pelaksanaan HKS berisiko menjadi tidak konsisten atau terhad dari segi liputan komuniti sasaran.	untuk diangkat kepada MOTAC serta Tourism Perak. Kertas cadangan ini hendaklah merangkumi rasional pelaksanaan HKS, keperluan peruntukan, struktur pelesenan, serta impak sosioekonomi kepada komuniti setempat. Pengemukaan kertas cadangan secara rasmi juga dapat memperkukuh justifikasi sokongan kewangan dan teknikal daripada pihak berkaitan, di samping membuka ruang kepada pelaksanaan program perintis HKS Daerah Teluk Intan. Pendekatan ini dijangka dapat menjadi model rujukan bagi pembangunan pelancongan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	aktiviti hutan, sungai dan eko-pelancongan. ● *Geo Guide* : Pemandu pelancong khusus yang memberi fokus kepada aspek geologi dan geo warisan dengan kelayakan teknikal yang ditetapkan. ● Hos Komuniti Setempat : Pemandu pelancong setempat yang menawarkan produk pelancongan berasaskan komuniti dan warisan di peringkat tempatan. Pendekatan ini dijangka dapat menyelesaikan isu kekeliruan kategori lesen bagi aktiviti pelancongan berasaskan		komuniti di daerah lain bagi Negeri Perak di masa hadapan.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	pengalaman seperti *river cruise*, pemerhatian alam semulajadi, aktiviti komuniti dan eko pelancongan. Pada masa yang sama pelesenan HKS dapat memperkukuh pembangunan produk pelancongan komuniti yang lebih tersusun, selamat dan berkualiti selari dengan aspirasi pelancongan mampan serta penjanaan pendapatan komuniti setempat.			

Rumusan

Secara keseluruhannya, pembangunan pelancongan di Daerah Teluk Intan mempunyai potensi yang besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan, pemerkasaan komuniti serta pemeliharaan warisan dan alam sekitar. Namun demikian, dapatan perbincangan bersama pelbagai agensi dan penggiat industri menunjukkan bahawa pelaksanaan inisiatif pelancongan masih berdepan cabaran utama dari segi penyelarasan peranan, kekeliruan pelesenan, kekangan peruntukan serta ketiadaan mekanisme tadbir urus yang bersepadu di peringkat daerah.

Isu-isu yang dikenal pasti melibatkan pelbagai agensi dengan mandat dan punca kuasa yang berbeza, justeru menuntut pendekatan penyelesaian yang bersifat kolaboratif dan tersusun. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan dalam laporan ini memberi penekanan kepada pengukuhan struktur jawatankuasa pelancongan peringkat daerah, penambahbaikan sistem pelesenan khususnya melalui pengenalan Hos Komuniti Setempat (HKS), serta penyelarasan garis panduan pelancongan bersepadu merentas jabatan dan peringkat pentadbiran.

Pelantikan kepimpinan yang jelas melalui Pengerusi Bersama Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan melalui jawatankuasa pelancongan peringkat daerah ini yang akan disokong oleh mekanisme libat urus yang berkesan serta sokongan peruntukan dan teknikal daripada agensi berkaitan, dijangka dapat memperkukuh pelaksanaan inisiatif pelancongan di peringkat daerah. Pendekatan pelancongan berasaskan komuniti yang diketengahkan juga berpotensi menjadi pemangkin kepada penjanaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan tempatan serta pembangunan pelancongan yang lebih inklusif dan mampan.

Sehubungan dengan itu, cadangan ini diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan dan asas tindakan bersama bagi semua pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan pembangunan pelancongan Daerah Teluk Intan secara lebih terancang, bersepadu dan berimpak tinggi demi kesejahteraan komuniti dan kelestarian daerah pada masa hadapan.

Hasil Dapatan : Risiko Bencana Banjir

Kekerapan banjir yang berlaku di kawasan tepi Sungai Perak telah dianggap sebagai sebahagian daripada perkara biasa dalam kehidupan harian, menyebabkan tahap penerimaan dan pematuhan terhadap arahan pemindahan masih rendah. Aliran air yang tersekat di beberapa lokasi turut menyebabkan jalan utama ditenggelami air untuk tempoh yang lama sekaligus menjejaskan pergerakan aktiviti ekonomi dan operasi penyelamatan.

Dalam masa yang sama, kebimbangan berkaitan hak pemilikan tanah dan peruntukan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960) menimbulkan persepsi bahawa kejadian banjir berpotensi digunakan sebagai justifikasi pengusiran sekaligus meningkatkan ketidakpercayaan masyarakat terhadap tindakan pengurusan bencana.

Berikut antara dapatan yang dikongsikan oleh wakil agensi yang hadir bagi aktiviti *'Siapa Buat Apa?'* dan cabaran semasa yang dihadapi oleh agensi terlibat.

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN / KEKANGAN
1.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak**	● Pengurusan masyarakat dan libat urus komuniti di peringkat daerah. ● Penyelaras antara agensi (libat urus antara jabatan). ● Penyelaras pengurusan bencana melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB). ● Perhubungan rasmi antara kerajaan dan masyarakat.	● Tahap kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap arahan pemindahan masih rendah. ● Isu pemilikan tanah dan Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960). ● Mekanisme hebahan dan pemakluman akar umbi yang tidak menyeluruh. ● Keperluan pematuhan kepada arahan NADMA No. 1. ● Kekangan penyampaian maklumat yang jelas dan konsisten.
2.	**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**	● Agensi utama penyelamatan semasa bencana. ● Penilaian situasi awal (*size-up*). ● Operasi menyelamat dan pemindahan mangsa. ● Pengoperasian aset dan logistik. ● Tindakan pasca banjir dan kesedaran awam.	● Kesukaran mengeluarkan mangsa yang enggan berpindah. ● Akses jalan raya terputus semasa banjir. ● Keadaan cuaca dan paras air yang tidak menentu. ● Kekurangan bot bersaiz kecil. ● Keperluan evakuasi khas bagi warga emas, OKU dan pesakit terlantar. ● Keperluan anggota yang ramai.

BIL	AGENSI	PERANAN	CABARAN / KEKANGAN
3.	**Jabatan Perikanan**	● Pengurusan nelayan darat dan komuniti perikanan ● Pengurusan jeti nelayan (Jeti Kampung Terengganu, Jeti Batak Rabit, Jeti Bandar Teluk Intan dan Jeti Kampung Kerawai).	● Pendapatan nelayan terjejas akibat banjir. ● Penurunan hasil tangkapan berdasarkan data ESHND (Elaun Sara Hidup Nelayan Darat). ● Jeti tidak dapat digunakan sepenuhnya. ● Ketiadaan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) bagi nelayan darat. ● Kekurangan data terkini nelayan yang terjejas.

Hasil Dapatan : Cadangan Penyelesaian Risiko Bencana Banjir

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** RTB dijalankan bagi mengawal limpahan air sungai melalui pembinaan ban sebagai takung simpanan air hujan.	**Risiko Bencana Luar Jangka** Walaupun banjir sudah menjadi perkara biasa untuk penduduk di Teluk Intan, perubahan corak hujan dan iklim menjadi semakin sukar untuk diramal. Ini bukan lagi sekadar musim banjir yang mudah diramal melainkan ianya adalah kesan daripada perubahan iklim. RTB yang direka berdasarkan data banjir lampau contohnya 10-20 tahun lalu mungkin sudah tidak lagi relevan apabila kejadian banjir sudah mula berlaku dalam kitaran yang lebih pendek. Dimaklumkan bahawa kejadian bencana banjir di Teluk Intan berlaku	**Meletakkan Siren Amaran/ CCTV** ● Pendekatan ini merupakan sebahagian daripada strategi moden dalam pengurusan risiko bencana yang beralih daripada sekadar tindak balas kepada pencegahan dan kesiapsiagaan. ● Siren amaran banjir diletakkan sebagai pemberitahuan segera kepada penduduk di kawasan berisiko tinggi. Apabila siren dibunyikan, bunyi tersebut akan menjadi pencetus rasmi kepada penduduk untuk memulakan proses evakuasi ke pusat pemindahan yang telah ditetapkan. ● CCTV pula menjadi alat pemantauan banjir secara masa nyata *(real time monitoring).* Pemasangan CCTV membolehkan pihak berkuasa seperti JPS dan	● Pejabat Daerah dan Tanah ● Angkatan Pertahanan Awam Malaysia ● Agensi Pengurusan Bencana Negara ● Jabatan Pengairan dan Saliran

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		hampir 6 kali dalam setahun sejak kebelakangan ini. Projek infrastruktur seperti pembinaan tembok banjir atau pembinaan parit besar yang mengambil masa bertahun untuk dibina mungkin sudah ketinggalan zaman sebelum siap kerana parameter reka bentuknya adalah berdasarkan iklim yang tidak lagi sama dengan masa sekarang.	pusat kawalan bencana memantau secara visual paras air di lokasi-lokasi penting seperti pintu air, tebing sungai dan kawasan rendah pada setiap masa. ● Langkah ini dapat memastikan tindakan susulan dapat diambil dengan cepat dan berkesan.	
			Menjalankan kajian teknikal ● **Kajian Pergerakan Limpahan Banjir** (kajian luruhan gerakan air) Kajian teknikal pergerakan limpahan banjir ini akan melibatkan analisis aliran air larian permukaan (*surface run-off*) dan air sungai ketika banjir untuk memahami dengan baik pergerakan air, kawasan terjejas dan mencari penyelesaian pengurusan banjir seperti pembinaan saliran, kolam takungan atau tebatan banjir	● Jabatan Pengairan dan Saliran ● PLANMalay-sia ● Pihak Berkuasa Tempatan ● Jabatan Warisan Negara ● Pejabat Daerah dan Tanah

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			melalui model simulasi dan data lapangan. ● **Kajian Reka Bentuk Bandar** (mengguna pakai konsep *Sponge City*) Konsep perancangan bandar moden seperti '*Sponge City*' (Bandar Span) boleh diintegrasikan dalam reka bentuk bandar Teluk Intan. Ini termasuk reka bentuk rumah yang adaptif dengan banjir seperti rumah bertiang tinggi di kawasan berisiko tinggi serta penggunaan bahan reka bentuk landskap yang boleh menyerap air. Setakat ini, rancangan tempatan Hilir Perak hanya menekankan pembinaan RTB dalam kaedah pencegahan banjir. Hal ini dipengaruhi oleh identiti Teluk Intan sebagai sebuah bandar lama yang harus dipelihara warisannya.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			Pelaksanaan konsep *Sponge City* dalam perancangan pembangunan ini harus dipertimbangkan sebagaimana yang telah dilaksanakan di Maran, Pahang. ● **Kajian Kajian Pengurusan Risiko Bencana** (*Disaster Risk Management*) Kajian teknikal yang komprehensif dijalankan untuk merangka dasar dan tindakan mitigasi khusus yang perlu dilaksanakan oleh agensi dan penduduk sekiranya berlaku bencana banjir. Kajian ini akan turut mengambil kira pencegahan sebelum berlaku banjir, kesiapsiagaan seperti membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) serta dari segi pemulihan seperti merancang	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			langkah pemulihan efektif selepas banjir.	
			Kawalan aktiviti perladangan sawit ● Aktiviti perladangan sawit yang tidak diurus dengan baik boleh menyumbang kepada peningkatan risiko banjir melalui pengurangan keupayaan tanah untuk menyerap air hujan terutamanya sewaktu fasa tanaman belum matang dan mempunyai kurang teduhan. Hal ini berlaku apabila kawasan perladangan sawit berada di persisiran Sungai menyebabkan penyerapan air kurang efektif. ● Dalam masa yang sama, pembukaan tanah secara besar-besaran menyebabkan kadar hakisan tanah bertambah. ● Oleh itu, aktiviti perladangan sawit harus dikawal dengan ketat bagi memastikan aktiviti	● Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ● Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) ● PLANMalay-sia ● Pihak Berkuasa Tempatan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			ini tidak menjadi penyumbang kepada banjir sedia ada. ● Pembinaan infrastruktur ladang juga menyumbang kepada penyaluran air berlebihan ke kawasan luar menyebabkan bencana banjir menjadi lebih teruk.	
		Ancaman Kerosakan infrastruktur Pengawalan Banjir Pelaksanaan projek RTB berdepan risiko penduduk memecahkan ban untuk mengalihkan aliran air utama bagi mengelak banjir di kawasan masing-masing. Walaupun tindakan ini mungkin berjaya menghalang banjir untuk kawasan tersebut, namun tindakan ini boleh mendatangkan masalah yang lebih besar di kawasan lain.	**Mendalamkan Sungai dan Parit** ● Aktiviti mendalamkan sungai dan parit dapat dijalankan sebagai salah satu pendekatan jangka pendek untuk mengelakkan dan mengurangkan kesan banjir kepada penduduk di Teluk Intan. ● Kajian harus dijalankan di lokasi-lokasi strategik yang kritikal untuk aliran air seperti di sekitar pintu air yang sering menjadi tumpuan sewaktu musim hujan atau banjir, selekoh sempit mahupun jambatan.	● Jabatan Pengairan dan Saliran ● Jabatan Kerja Raya ● Pejabat Daerah dan Tanah

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			● Dalam masa yang sama, parit-parit utama diselenggara secara berkala bagi mengurangkan halangan seperti tumbuh-tumbuhan serta sampah yang akan membuat parit tersumbat.	
2.	**Penempatan semula penduduk yang terkesan** Aktiviti pembangunan kian bertambah di Teluk Intan menyebabkan penduduk yang tinggal di kawasan berisiko tinggi terkesan dengan bencana banjir. Maklum balas daripada Pejabat Daerah menyatakan bahawa penempatan semula telah dimulakan dan	**Penerimaan Penduduk** Terdapat segelintir penduduk di kawasan banjir yang sudah menganggap banjir ini perkara sebagai norma. Malah, ada juga yang berdegil untuk kekal di rumah masing-masing kerana mengharapkan lokasi mereka termasuk dalam perimeter penerima bantuan banjir. Pemikiran ini telah menyukarkan kumpulan penyelamat untuk menjalankan aktiviti pemindahan walaupun berdepan	**Program Kesedaran** ● Dalam usaha untuk mengubah perspektif masyarakat, program kesedaran dilaksanakan bagi mengalihkan persepsi masyarakat daripada 'banjir = dapat bantuan' kepada 'banjir = kerugian besar dan ancaman nyawa'. ● Program kesedaran ini juga haruslah bersifat dua hala yang mana ia mesti merangkumi sesi dialog, perbincangan komuniti bagi mendengar kerisauan penduduk. Agensi-agensi utama seperti JPS, PBT dan Pejabat Daerah	● Jabatan Meteorologi Malaysia ● Tenaga Nasional Berhad ● Institusi Pendidikan ● Sektor Swasta (melalui Tanggung-jawab Sosial Korporat - CSR) ● NGO (MERCY Malaysia)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	tiga kategori utama yang diberikan tumpuan ialah 1. Penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir 2. Penduduk berpendapatan rendah 3. Kawasan Setinggan	pelbagai risiko seperti terputus bekalan makanan, elektrik, akses masuk dan sebagainya. Sikap ini mendedahkan diri dan keluarga mereka kepada ancaman.	harus dilibatkan secara langsung untuk mendengar keluhan, menjawab soalan dan menyampaikan maklumat-maklumat penting. Pendekatan ini akan meningkatkan kepercayaan penduduk kepada agensi berkaitan. ● Pengedaran bahan visual seperti flyers mengenai langkah-langkah awal bencana banjir. ● Penglibatan pihak ketiga seperti badan-badan bukan kerajaan, institusi pendidikan atau pihak syarikat swasta untuk dalam aktiviti kesedaran dan pemulihan pasca banjir ini dapat memudahkan meringankan beban agensi daripada segi sumber manusia malah termasuk beban kewangan.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
3.	**Koordinasi dan Keterlibatan Pelbagai Agensi** Isu banjir melibatkan banyak agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan lain lain. Koordinasi dan mekanisma penyampaian yang baik antara setiap agensi dapat membantu mengurangkan kesan banjir dan memudahkan pemulihan selepas banjir.	**Kekurangan Peruntukan Kewangan** Cabaran utama agensi dalam menggerakkan aktiviti penyelamatan mangsa banjir ialah peruntukan kewangan sedia ada yang tidak mencukupi dan terlampau kecil berbanding sebenar Peruntukan sedia ada hanya membolehkan satu atau dua penyelenggaraan projek dilaksanakan setahun, sedangkan kekerapan banjir semakin meningkat sehingga enam kali setahun di sesetengah kawasan. Hal ini menyebabkan keperluan yang lebih besar diperlukan terutamanya untuk	**Tambahan peruntukan bersasar** ● Mencadangkan peruntukan kewangan untuk menangani banjir perlu dibahagikan dengan lebih jelas kepada tiga kategori utama: i) Infrastruktur & Sumber Tenaga (projek pencegahan jangka panjang), ii) Projek Penyelenggaraan Sistem Sedia Ada, iii) Pasca Banjir (bantuan asas, pemulihan, dan pembaikan selepas kejadian). ● Ini bagi memastikan setiap fasa pengurusan banjir mempunyai peruntukan khusus.	● Kementeri-an Kewangan ● Agensi Pengurusan Bencana Negara ● Kerajaan Negeri ● Pihak Berkuasa Tempatan ● Pejabat Daerah dan Tanah ● Sektor Swasta (Pemaju Hartanah/ Perumahan)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		kos pembaikan pasca banjir yang sangat tinggi termasuk pembaikan ● Infrastruktur seperti jalan yang rosak dan jambatan yang runtuh ● Sumber tenaga ● Pembaikan pasca banjir (pembaikan asas)		
		Kekurangan fasiliti dan kapasiti Kelengkapan penyelamat (bot kecil) dan kewangan yang terhad di pihak agensi mendesak kepada keperluan kerjasama yang lebih banyak daripada luar untuk proses menyelamat yang lebih efektif dan pantas. Mitigasi banjir untuk jangka masa panjang memerlukan	**Penglibatan Swasta melalui Kerjasama Awam-Swasta (PPP)** ● Mencadangkan model *Public Private Partnership (PPP)* untuk membiayai dan mengurus infrastruktur mitigasi banjir berskala besar. ● Syarikat swasta (dalam konteks ini adalah pihak pemaju) yang ingin membangunkan kawasan kediaman atau komersial baru diberi tanggungjawab untuk membina dan mengurus sistem saliran dan kawalan	● Kerajaan Negeri ● Pihak Berkuasa Tempatan ● Sektor Swasta (Pemaju Hartanah / Perumahan)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		kerjasama (*joint venture)* daripada pihak bukan Kerajaan terutamanya bagi kawasan pembangunan baharu akan datang bagi memastikan pelaksanaan di tapak juga dilaksanakan dengan lebih sistematik dan kos efektif.	banjir di kawasan pembangunan mereka untuk tempoh tertentu seperti yang dilakukan antara pihak Gamuda dan Jabatan Pengairan dan Saliran di Rawang. • Pihak JPS telah memberikan kawalan penuh kepada pihak Gamuda untuk menyelenggara salah satu sungai di Rawang sebagai syarat kelulusan pembangunan di kawasan tersebut.	

Isu banjir di Daerah Hilir Perak bukan sahaja melibatkan aspek keselamatan dan pengurusan bencana, malah mempunyai implikasi langsung terhadap kesejahteraan sosial, ekonomi dan hak pemilikan penduduk yang terkesan. Kejadian banjir yang berulang menuntut pendekatan penyelesaian yang bersifat jangka panjang dan bersepadu, melangkaui tindakan kecemasan semata-mata.

Sehubungan itu, pelaksanaan langkah tebatan banjir yang menyeluruh serta perancangan penempatan semula penduduk yang terkesan perlu dilaksanakan secara berperingkat dan berasaskan data serta risiko sebenar. Usaha ini hendaklah disokong melalui koordinasi yang kukuh dan keterlibatan pelbagai agensi berkaitan, dengan penekanan kepada libat urus masyarakat yang telus dan berterusan. Pendekatan ini penting bagi memastikan keselamatan penduduk dapat dipertingkatkan, kepercayaan masyarakat dapat dipulihkan, dan pengurusan risiko banjir dilaksanakan secara mampan dan berkesan.



Imbas kod QR ini untuk mendapatkan laporan ini

BAHAGIAN 4: Penutup

Penutup

Secara keseluruhannya laporan ini menzahirkan dua isu utama yang saling berkait dalam konteks Pembangunan Teluk Intan iaitu pembangunan pelancongan yang mampan serta pengurusan risiko banjir dan kesejahteraan komuniti setempat. Kedua-dua isu ini memperlihatkan keperluan kepada pendekatan perancangan dan pelaksanaan yang bersepadu, melibatkan pelbagai agensi serta berpaksikan kepada keperluan sebenar masyarakat di peringkat akar umbi.

Dalam aspek pelancongan, cabaran berkaitan penyelarasan peranan agensi, pelesenan, pembangunan produk komuniti, pemuliharaan warisan dan promosi destinasi menuntut pengukuhan tadbir urus di peringkat daerah. Cadangan penubuhan dan pemantapan jawatankuasa pelancongan daerah, pengenalan pelesenan Hos Komuniti Setempat (HKS), serta penyelarasan garis panduan pelancongan bersepadu dijangka dapat memperkukuh pelaksanaan inisiatif pelancongan yang lebih tersusun, inklusif dan berimpak kepada ekonomi tempatan.

Sementara itu, isu banjir yang berulang memberi implikasi besar terhadap keselamatan penduduk, hak pemilikan tanah serta kelangsungan sumber pendapatan komuniti, khususnya nelayan darat dan Kumpulan berisiko. Keadaan ini memerlukan pelaksanaan langkah tebatan banjir yang berkesan, perancangan penempatan semula penduduk yang terkesan secara berperingkat, serta koordinasi dan keterlibatan pelbagai agensi dalam pengurusan bencana dan komunikasi risiko kepada masyarakat.

Pelaksanaan *Voluntary Local Review* (VLR) Teluk Intan oleh *Urbanice* pada tahun ini menjadi satu pencapaian penting yang menyediakan asas data, komitmen dan kerangka pembangunan mampan selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Dapatan dan cadangan dalam laporan ini wajar dimanfaatkan sebagai sokongan kepada pelaksanaan pasca-VLR, khususnya dalam memperkukuh tadbir urus tempatan, meningkatkan daya tahan komuniti serta memastikan pembangunan ekonomi dan sosial dilaksanakan secara seimbang dan lestari.

Sehubungan dengan itu, laporan ini diharapkan dapat menjadi rujukan strategik kepada semua pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan tindakan susulan yang lebih bersepadu, berfokus dan berimpak demi kesejahteraan masyarakat serta kelestarian daerah Teluk Intan pada masa hadapan.



Penghargaan dan Terima Kasih kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak atas Sokongan dan Kerjasama dalam Pelaksanaan Bengkel Pembangunan Kapasiti dan Kempimpinan Matlamat Pembangunan Mampan bagi Parlimen Teluk Intan.

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan anjuran Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG merupakan satu inisiatif untuk memperkukuh penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui penglibatan pemegang taruh di peringkat kawasan parlimen. Bengkel ini berasaskan pendekatan setempat yang menekankan pemahaman terhadap realiti, keperluan, cabaran dan potensi komuniti sebagai asas kepada pembangunan penyelesaian yang lebih responsif dan mampan.

Sepanjang tahun 2025, bengkel ini telah melibatkan 32 kawasan Parlimen, dengan 4 kawasan digabungkan berdasarkan pertimbangan pentadbiran di bawah pihak berkuasa tempatan yang sama. Hasilnya, sebanyak 28 siri bengkel telah dilaksanakan, menghimpunkan Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, komuniti dan pelbagai pemegang taruh dalam usaha mengenal pasti isu, memahami cabaran serta meneroka penyelesaian yang bersesuaian dengan konteks setempat. Bengkel ini telah menyediakan ruang dialog dan pembelajaran bersama bagi mengenalpasti isu pembangunan setempat, memahami cabaran semasa, meneliti intervensi sedia ada serta meneroka cadangan penyelesaian dan peluang kerjasama.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini menghimpunkan dapatan utama daripada proses tersebut dan disusun mengikut zon bagi mengenalpasti isu, cabaran dan tema yang merentasi kawasan parlimen, di samping mengekalkan keunikan konteks setiap lokaliti. Dapatan yang dikemukakan mencerminkan pengalaman dan perspektif pemegang taruh di lapangan serta memberikan gambaran tentang keutamaan pembangunan yang dikenal pasti di peringkat setempat.

Selain menjadi terbitan rujukan pelaksanaan program, *Kompilasi* ini berfungsi sebagai sumber pengetahuan dan bukti setempat yang dapat menyokong perbincangan berkaitan perancangan, penyelarasan antara agensi, pembangunan intervensi dan tindakan susulan. Ia turut mengetengahkan kepentingan pendekatan merentas sektor dalam menangani isu pembangunan yang saling berkait serta keperluan untuk memperkukuh hubungan antara pemegang taruh, dan membuka ruang kepada tindakan yang lebih berasaskan bukti.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-45-7

9 786297 752457